



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b> Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop</i>	(Halaman 17)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 46)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. “ Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
8. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. “ Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. “ Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. “ Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
25. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. “ Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*  
– *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. “ Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
31. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
32. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. “ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
34. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

- 
36. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
  37. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
  38. “ Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
  39. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
  40. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
  41. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
  42. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
  43. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
  44. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
  45. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
  46. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
  47. “ Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
  48. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
  49. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
  50. “ Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – *Senator*  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
  51. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
  52. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah Md Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Isnin, 29 Julai 2013

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan setakat manakah tahap pengeluaran bekalan makanan asas negara seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan, ayam, lembu dan kambing serta lainnya dan nyatakan sejauh manakah ia telah memenuhi keperluan negara.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya berkenaan dengan bekalan makanan utama negara. Saya ingin menjawab iaitu beberapa jenis makanan di mana kita telah mencapai tahap lebih daripada 100 peratus sasaran yang dipanggil tahap sara hidup atau *self sufficiency level* seperti ayam, itik, telur dan ikan. Walau bagaimanapun, barang-barang makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran masih belum lagi mencapai tahap 100 peratus sebagaimana yang kita harapkan.

Di sini saya ingin menyebut umpamanya bagi beras, buat masa ini kita hanya mengeluarkan 1.74 juta metrik tan, manakala pengeluarannya 2.3 juta metrik tan dan ini merupakan tahap 73.5 peratus daripada keperluan negara. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil tindakan untuk meningkatkan mutu pengeluaran padi bagi tujuan menambahkan pengeluaran beras dengan membuka kawasan-kawasan jelapang padi yang baru iaitu terdapat empat kawasan jelapang padi yang dirancang untuk dibuka iaitu pertama di Pekan, Rompin, Batang Lupar dan di Kota Belud. Keluasan kawasan ini berjumlah 23,900 hektar dan dijangka akan mengeluarkan sebanyak 147,443 metrik tan, di mana pencapaiannya nanti kita akan mengeluarkan sebanyak 1,875,563 metrik tan. Dengan pencapaian tersebut kita akan mencapai 81 peratus daripada keperluan negara. Itu dari segi beras.

Berhubung dengan daging pula yang mana pada masa ini pengeluaran lembu hanya 30 peratus daripada keperluan kita pada masa ini. Oleh itu kerajaan telah mengambil langkah untuk menambahkan pengeluaran daging lembu dengan projek penternakan oleh syarikat-syarikat ladang kelapa sawit yang diberikan galakan untuk menternak lembu di dalam kawasan-kawasan ladang mereka dan insentif diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut. Setakat ini 5,000 ekor lembu telah pun diagihkan kepada syarikat-syarikat tersebut.

Selain daripada itu, kita juga mewujudkan satu skim yang dipanggil Kawasan Tumpuan Sasaran yang terdiri daripada 29 kawasan pekebun-pekebun kecil kelapa sawit yang juga diberikan lembu-lembu untuk ditenak. Setakat ini 73,000 ekor telah pun diagihkan dan untuk makluman Yang Berhormat, kawasan pekebun kecil yang terlibat merupakan 25 ke 30 hektar bagi tiap-tiap satu kawasan. Jadi itu dari segi pengeluaran daging.

Selain daripada itu yang penting ialah pengeluaran ikan. Ikan sebagaimana yang saya sebutkan tadi telah mencapai 134.2 peratus sebenarnya daripada keperluan negara. Akan tetapi pada masa ini Yang Berhormat mungkin melihat atau mendapati harga ikan naik dari masa ke semasa. Ini adalah disebabkan oleh sebahagian daripada pengeluaran ikan ini dieksport ke luar negara dan sebab itu ia menyebabkan harga tempatan naik kerana bekalannya terjejas.

## ■1010

Mungkin kita akan melihat iaitu bagaimana untuk memastikan bahawa pengeksporan ikan tidak membebankan rakyat, pengguna ikan. Selain daripada itu, yang penting juga ialah kerajaan pada masa ini menggalakkan pengeluaran ikan akuakultur. Kita tidak bergantung kepada ikan laut. Yang Berhormat Menteri yang baru telah mengumumkan satu dasar untuk menambah pengeluaran ikan darat ini, ikan air tawar ini bagi mencapai tahap 50/50. Sejumlah 50 peratus keluaran daripada ikan marin, sejumlah 50 peratus daripada ikan air tawar ataupun ikan yang ditanak. Sekian, terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi. Kekurangan bekalan makanan melebihi daripada permintaan terutamanya pada musim-musim perayaan begini nanti menyebabkan harga makanan meningkat seperti harga ayam masa kini. Begitu juga jika bekalan makanan yang tidak mencukupi manakala permintaan kepada makanan yang bermutu pula menyebabkan kerajaan terpaksa mengimport seperti beras, buah-buahan dan sayur-sayuran dari negara luar.

Soalan saya, apakah perancangan strategik kerajaan daripada segi jangka pendek dan jangka panjang bagi menjamin pengeluaran makanan negara yang mencukupi dan bermutu melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan dan sejauh manakah ia telah tercapai khususnya pada tujuh program atau projek utama di bawah dasar berkenaan? Sejauh manakah Dasar Jaminan Bekalan Makanan ini telah berjaya membantu meringankan beban kos pengeluaran serta menggalakkan peningkatan pengeluaran hasil tani bagi petani negara dan apakah langkah kerajaan untuk memajukan dan meningkatkan serta memperluaskan pengeluaran makanan di Taman Kekal Pengeluaran Malaysia (TKPM) contohnya seperti di Kampung Serating, Marang Terengganu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Sebahagian daripada soalan itu sudah saya jawab semasa saya menjawab tadi iaitu tindakan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran bahan-bahan makanan ini seperti padi, beras, yang saya sebutkan tadi. Kerajaan akan meningkatkan pengeluaran sehingga tahap 100 peratus apabila siapnya jelapang padi yang saya sebutkan tadi. Maknanya, *food security* atau jaminan makanan bagi *staple food* ataupun makanan asas kita itu terjamin. Buat masa ini, kita hanya mengimport lebih kurang 30 peratus sahaja.

Ini secara *slowly*, dengan izin kita akan mencapai tahap 100 peratus. Keluaran daripada segi kualiti beras itu, saya rasa Yang Berhormat pun sedia maklum baguslah kualiti beras kita tidak ada masalah yang kita makan, keluarkan. Selain daripada itu, pengeluaran yang penting juga ialah Yang Berhormat mungkin lebih *concern*, dengan izin, lebih mengambil berat berhubung dengan harga barangan ini.

Harga barangan ini seperti ikan, kita ada FAMA memainkan peranan yang sangat *crucial* iaitu untuk melihat bahawa harga ikan yang dijual, pertama sekali ia berbaloi kepada nelayan-nelayan. Maknanya, nelayan mendapat harga yang baik, yang berpatutan. Pada masa yang sama, harga itu tidak membebankan pengguna. Jadi, FAMA mempunyai program seperti membuka pasar nelayan di kawasan-kawasan pendaratan ikan di mana nelayan-nelayan boleh menjual ikan mereka di sana tanpa menjual kepada pemborong. Di situ, dia dapat harga yang lebih baik daripada menjual kepada pemborong.

Selain daripada itu, FAMA juga membuka pasar-pasar tani di mana nelayan-nelayan boleh menjual ikan-ikan mereka secara terus *from farm to table*, dari laut terus ke meja pasaran. Di sini, juga harga-harganya lebih baik daripada harga-harga di luar sana yang lebih tinggi. Jadi, harga dikawal sebegitu rupa dengan membuka pasaran kepada hasil tangkapan ikan nelayan-nelayan ini. Kalau kita biarkan 100 peratus pemasaran dikuasai oleh orang tengah, oleh pemborong, maka itu kita melihat bahawa pemborong mengambil kesempatan, orang tengah mengambil kesempatan, mengambil keuntungan yang besar sehingga harga begitu tinggi dan membebankan pengguna dan nelayan juga tidak ada mendapat keuntungan daripadanya. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dapat kah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa jumlah perbelanjaan untuk mengimport barang-barang makanan bagi seluruh tahun lalu dan untuk tahun ini sehingga bulan Jun? Item manakah yang paling banyak sekali memakan belanja? Terima kasih.



**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta untuk menjawab secara bertulis ya. Terima kasih

**2. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah Kementerian bersetuju bahawa kaedah pendidikan negara ini haruslah bebas daripada pengaruh politik sebaliknya pendidikan perlu menjurus kepada melahirkan generasi muda berjiwa patriotik.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan kebebasan kaedah pendidikan daripada pengaruh politik.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pendidikan Kebangsaan digubal bagi memenuhi aspek-aspek yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Sehubungan itu, sistem pendidikan yang diamalkan di negara ini tidak hanya memberi tumpuan kepada aspek akademik dan kemahiran semata-mata tetapi juga memberi tumpuan kepada pemupukan dan pembudayaan nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan pelajar di pusat pengajian tinggi berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Hasrat ini turut digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) pada tahun 2013 hingga tahun 2025 yang mana satu daripada enam aspirasi dalam PPPM tersebut ialah untuk melahirkan murid yang beridentiti nasional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah berhasrat atau merancang untuk melahirkan modal insan yang dipengaruhi unsur politik melalui kaedah pendidikan. Sebaliknya, KPM menumpukan usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan berjiwa patriotik.

Bagi mencapai matlamat tersebut, kurikulum mata pelajaran Sejarah yang sedang dilaksanakan di sekolah, digubal sedemikian rupa bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia dalam kalangan murid sekolah melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan. Hasrat ini membolehkan murid memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia.

#### ■1020

Ini bertujuan untuk membina semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia di samping mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa. Mata pelajaran Sejarah juga dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun ini manakala pembelajaran sejarah akan diajar lebih awal apabila mata pelajaran tersebut diperkenalkan di peringkat sekolah rendah di tahap dua mulai tahun 2014 secara berperingkat-peringkat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menghargai dan mengalu-alukan usaha Kementerian Pendidikan yang bersungguh-sungguh berusaha menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pelajar-pelajar kita di semua peringkat. Kalau seorang tukang kayu, dia membuat sebuah kerusi, hasilnya dapat kita lihat serta-merta. Kalau kerusi itu bengkok, boleh dibetulkan serta-merta. Akan tetapi dalam dunia pendidikan, kalau sesuatu sistem itu diterapkan, kesan kepada sesuatu sistem itu hanya dapat kita lihat bertahun-tahun kemudian – 20 tahun, 30 tahun. Yang Berhormat sendiri ialah bekas seorang pengetua. Apa yang nak saya persoalkan di sini ialah selama 56 tahun sistem pendidikan kita, dasar pendidikan kita telah mengamalkan sistem sekolah satu aliran yang sudah pastinya ada kekurangan, ada kepincangannya di mana-mana.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang digariskan oleh Kementerian baru-baru ini dan akan dilaksanakan. Adakah Kementerian bercadang atau mempunyai agenda untuk melihat semula dasar sistem sekolah satu aliran *revisited*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua supaya dapat ditambah baik lagi keadaan yang ada atau membuat perubahan-perubahan yang dirasakan perlu. Dia bukan macam saya kata tadi, bukan nak membetulkan sebuah bangku yang tak berapa elok sifatnya. Mohon pandangan dan penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Yang Berhormat Senator, terima kasih atas soalan yang baru dikemukakan dan di sini ingin saya sampaikan kepada yang bahawa pendidikan merupakan satu proses dan ini memang ambil masa untuk kita melihat kesan atau impak. Kementerian Pendidikan Malaysia memang menggunakan satu sistem atau satu modul di mana kita akan mengadakan input dan selepas itu kita akan *guide* kan output dan yang terakhir itu kita akan melihat dari segi *outcome* dan *outcome* ini ada berkaitan dengan *student outcome*, dengan izin.

Memang kita akui bahawa sistem pendidikan di mana-mana seluruh dunia masih ada ruang untuk peningkatan dan itulah kita mewujudkan kita punya *blueprint* selepas PPIP di mana kita memang rujuk dan nilai perancangan dahulu untuk membawa peningkatan. Sekiranya katalah kita rujuk kepada kita punya *blueprint*, kita sudah bukan hanya satu *blueprint* yang dicipta oleh pegawai atau Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi *blueprint* dicipta selepas Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan beberapa *Town Hall Meeting*, dengan izin dan pandangan-pandangan dari pihak PIBG, NGO, *stakeholders*, bekas pengetua, bekas guru yang sudah bersara. Bagi saya, saya rasa ini merupakan satu *blueprint* bukan hanya dicipta oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tetapi ini sudah menjadi satu *blueprint Malaysia*. *It is our blueprint*, dengan izinnya.

Berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator, memang Kementerian Pendidikan Malaysia akan ambil dan akan memantau pelaksanaan *blueprint* ini dan dari semasa ke semasa memang akan diadakan penilaian untuk menilai impak di mana kita nak mengesan kekuatan *blueprint*. Pada masa yang sama itu juga untuk mengesan kelemahan di mana Kementerian Pendidikan Malaysia akan juga ambil tindakan susulan untuk mempertingkatkan *blueprint* yang dilaksanakan pada tahun ini hingga tahun 2025. Memang ini juga ada dicatat atau ditulis dalam *blueprint*. Kalau saya tidak silap, ini adalah di bab yang terakhir di mana katalah bahawa *blueprint* akan dinilai semula selepas pelaksanaan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya amat bersetuju bahawa kaedah pendidikan negara kita harus bebas daripada pengaruh politik bagi membolehkan pelaksana dan pembuat dasar dan polisi serta pegawai-pegawainya melaksanakan tugas mereka tanpa ada perasaan bias dan gangguan bagi membolehkan mereka melaksanakan dasar dengan sebaik-baik mungkin.

Keduanya, saya amat bersetuju agar pendidikan di negara kita perlu menjurus kepada melahirkan generasi yang berjiwa patriotik. Soalan tambahan saya, apakah usaha-usaha kementerian untuk mengkaji semula *syllabus* aktiviti kokurikulum agar dapat diperkasakan bagi memenuhi aspirasi pendidikan melahirkan generasi yang berjiwa patriotik selaras dengan falsafah pendidikan negara. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan. Di sini yang berkaitan dengan kurikulum Sejarah, apa yang diajar dalam mata pelajaran Sejarah sebenarnya isi kandungan dalam kurikulum sejarah diterjemahkan dalam aktiviti sekolah. Di sini saya nak memberi beberapa contoh aktiviti di mana unsur atau aktiviti untuk menggalakkan agar pelajar berjiwa patriotik adalah di mana setiap minggu apabila sekolah mengadakan perhimpunan, lagu *Negaraku* dan lagu negeri masing-masing dinyanyikan dengan menaikkan bendera *national flag*, dengan izin dan bendera negeri masing-masing.

Selain daripada itu, persatuan atau Kelab Sejarah diwujudkan di sekolah dan pada bulan kemerdekaan memang pelan Hari Kemerdekaan dilaksanakan. Dalam *blueprint* yang saya sebut tadi itu, konsep berjiwa patriotik dapat dilaksanakan juga di mana usaha untuk menggabung Pendidikan Islam dan Sivik akan dilaksanakan di mana nilai-nilai yang universal atau nilai-nilai yang sejagat dikongsi bersama di mana ini boleh mewujudkan unsur kekitaan supaya ada pelajar memahami dan dapat menghayati kepelbagaian di mana kita akan menggalakkan pelajar atau wujud pelajar yang berjiwa patriotik.

Selain daripada itu, RIMUP juga adalah satu aktiviti dan pada tahun 2014 pelaksanaan RIMUP bagi meningkatkan jiwa patriotisme akan dilaksanakan dan tiga elemen ada dalam program ini. Salah satu elemen ada berkaitan dengan jati diri dan patriotisme.

Bagi saya, saya rasa ini bukan hanya tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan pelajar yang berjiwa patriotik. Akan tetapi saya rasa ini juga tanggungjawab pihak ibu bapa, komuniti, masyarakat, NGO dan *stakeholder* untuk kita bekerjasama untuk mewujudkan pelajar yang berjiwa patriotisme.

## ■1030

Di sini saya hendak *quote* apa yang pernah disebut oleh Hillary Clinton, “*It takes the whole village to educate a child*”, dengan izin. Sekian, terima kasih.

3. **Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah projek-projek kerajaan yang terbengkalai sehingga kini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sehingga kini tiada projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Walau bagaimanapun, terdapat projek-projek yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh telah mengalami kelewatan dari tarikh yang dirancang untuk disiapkan. Antara sebab-sebab berlaku adalah pengurusan dalaman kontraktor yang lemah, masalah mendapatkan bekalan bahan binaan, masalah pengalihan dan pemasangan utiliti serta masalah tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sehingga 25 Julai 2013, terdapat sebanyak 238 projek yang dikategorikan sebagai lewat jadual dengan siling berjumlah RM4.48 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 projek lewat jadual dikategorikan sebagai projek sakit dengan siling berjumlah RM1.32 bilion. Langkah-langkah untuk pemulihan projek sakit dan juga projek lewat jadual, dibincangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Persekutuan di peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, kemudian peringkat negeri ada Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan dan di peringkat Majlis Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Menteri-Menteri Besar. Sementara bagi projek sakit juga, pihak kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Projek Sakit yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian.

Untuk membolehkan kita faham apa makna sakit dan juga lewat, projek sakit ialah projek lewat jadual yang mana peratus pencapaian sebenar pelaksanaan projek kurang daripada jadual dan jurang perbezaan itu melebihi 20 peratus atau kelewatan melebihi 2 bulan. Projek lewat jadual adalah projek yang telah mengalami kelewatan 10 peratus daripada jadual asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan soalan tambahan, Yang Berhormat Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada Menteri yang menjawab dengan baik. Tahniah juga kepada Menteri yang setiap hari berada di Dewan. Saya cuma ingin bertanya, tadi yang disebut di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, jadi adakah Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan itu telah selesai semua projek kerajaan yang dirancang. Itu soalan yang pertama.

Kedua, kita faham dengan keadaan semasa ini kadar harga barangan yang semakin meningkat. Jadi, apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan dalam membuat penawaran tender? Adakah kita hanya masih tertakluk kepada memberi kepada tender yang terendah sahaja atau bagaimanakah mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan? Terima kasih.

**Dato’ Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, untuk Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kelapan, sebab sekarang ini diperkenalkan *rolling plan*, jadi tidak perlu *midterm review*, jadi benda ini berterusan. Jadi, segala masalah diselesaikan berdasarkan kepada cadangan dan juga perancangan yang dibuat sepanjang masa. Oleh sebab saya tidak sebut tadi Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, bermakna semua projek-projek telah dilaksanakan di tahap 100 peratus.

Kemudian, berhubung dengan masalah pemberian kontrak. Saya pun pernah terlibat sebagai Pengerusi di peringkat negeri, kita tidak pernah terikat dengan harga terendah. Kita beri berdasarkan kepada harga yang bertepatan dengan harga yang telah ditetapkan oleh pihak JKR. Ia tidak lari jauh, kalau lari jauh makna kata ia akan mengalami kerugian, terlampau tinggi pula kita yang rugi.

Jadi, kita tidak terikat dengan harga yang terendah, tetapi harga yang dicadangkan oleh pihak kerajaan atau pun JKR itu adalah dijadikan panduan. Kita sedar bahawa benda ini sering ditimbulkan tentang kalau tidak beri terendah, dikatakan bahawa kita pilih kasih. Kalau beri tertinggi pun, kita pilih kasih. Akan tetapi, ia tetap mengambil pendekatan iaitu harga yang berdekatan dengan harga yang telah ditentukan oleh pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, memohon kepada Yang Berhormat Menteri, tidak adakah bentuk undang-undang dan juga langkah susulan lain yang lebih efektif bagi meneruskan projek-projek ini dan juga dari segi integriti dan kualiti serta kos apabila dibuat penenderan semula. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, semua Yang Berhormat sebut itu diambil kira, supaya apabila kita tender semula itu, semua aspek yang telah disebutkan itu diberi perhatian. Kita tidak mahu apabila kita tender semula itu, perkara yang telah disebutkan itu akan dijadikan pertikaian umum. Sekarang ini kita tahu bahawa ketelusan dan juga aspek-aspek lain yang berhubung dengan ketelusan itu diberi perhatian. Kita tidak mahu kalau dipanggil tender semula, bermacam-macam penilaian dibuat. Itu yang kita hendak elakkan daripada berlaku. Kita tahu bahawa pegawai-pegawai kerajaan sekarang ini telah pun maklum tentang peranan persepsi dan juga fakta.

Kalau sekiranya fakta itu kita simpan, ia akan jadi tidak fakta. Akan tetapi kalau kita biarkan persepsi berleluasa, ia akan jadi fakta walaupun ia bukan fakta. Jadi, kita ambil semua aspek ini untuk tender semula dan kita hendak pastikan supaya sifat ihsan kerajaan itu ada kepada setiap insan yang bernama kontraktor dan juga rakyat. Makna kata kita, kalau kita hendak tender semula bukan dalam tahap orang yang telah melaksanakan kerja itu, yang telah buat dengan tulus ikhlas, tiba-tiba mereka tertinggal begitu sahaja. Ia tidak begitu.

Kerajaan bukan sahaja hendak supaya projek ini dilaksanakan, tetapi dalam masa yang sama kita juga hendak beri bimbingan supaya kontraktor itu terus dapat bersama. Inilah cara kita hendak bangunkan negara. Kalau orang itu jatuh, kita cuba bangunkan semula. Akan tetapi kalau orang jatuh, kita- bahasa orang Perlis kata '*tanjai*', jadi dia tidak hidup lagi. Rakyat harus dibangunkan terus dan kerajaan mesti mempunyai sifat ihsan. Jadi ketelusan, integriti dan segala aspek itu diambil kira.

**4. Dr. Syed Husin Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan, tentang keberkesanan terapi gantian *methadone* dalam merawat ketagihan heroin. Adakah benar bahawa *methadone* mempunyai ketagihan yang jauh lebih tinggi daripada heroin dan simptom pengunduran yang lebih teruk, serta adakah program tersebut akan diteruskan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Tuan Yang di-Pertua, rawatan terapi gantian *methadone* telah berjaya menurunkan kes penagihan opiat termasuk heroin, daripada 21,981 pada tahun 2005 kepada 7,180 pada tahun 2012, dengan penurunan sebanyak 67 peratus. Rawatan terapi gantian dengan *methadone* ini juga telah berjaya mengurangkan peratus jangkitan HIV melalui penagihan dadah suntikan, daripada 66 peratus pada tahun 2005 kepada 29.5 peratus pada tahun 2012.

Secara amnya Tuan Yang di-Pertua, *methadone* tidak mempunyai ketagihan seperti mana heroin. Manakala simptom pengunduran akibat *methadone* pula pada amnya sangat rendah. Oleh sebab itu, memandangkan keberkesanan program ini, maka ia akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1040

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 333 buah Pusat Rawatan Methadone di seluruh negara yang meliputi 251 buah *facility* Kementerian Kesihatan, 41 buah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Sebanyak 18 buah institusi penjara, 21 buah klinik swasta dan dua buah *facility* Kementerian Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat, soalan tambahan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada anggapan bahawa *methadone* ini boleh membawa kematian. Kita tahu bahawa *methadone* digunakan bukan sahaja untuk merawat heroin tetapi juga untuk menghilangkan kesakitan yang terlampau. Dapatkah Menteri memberikan bilangan kematian yang telah berlaku akibat daripada *methadone* secara *direct* nya? Sehubungan dengan itu, apakah alternatif lain yang boleh digunakan selain daripada *methadone*? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, dulu pada peringkat awal cara *treatment* dadah dan heroin ini adalah melalui apa yang disebut sebagai "*cold turkey*", di mana pesakit itu dikurung di sesuatu tempat dan tidak diberi dadah. *Then*, dia akan melalui proses *withdrawal symptom* yang memang amat teruk.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, nampaknya yang ada sekarang ini tentang *treatment*, berkenaan dengan *treatment* melalui *methadone* ini nampaknya sudah berjaya dan sebenarnya kematian akibat *methadone* ini tidak berlaku. Yang berlaku ialah ada pihak yang pandai sedikit, lebih pandai daripada biasa, dari doktor. Dia campur *methadone* dengan *drug*, dengan yang dadah yang lain. Itu mungkin mengakibatkan kematian. Jadi, perangkaan tentang kematian akibat *methadone* setakat ini belum ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh manakah kerajaan mempromosikan perubatan atau terapi perubatan *complementary* seperti penggunaan herba, homeopati dan sebagainya? Ini memandangkan cara perubatan sedemikian juga telah diiktiraf keberkesannya dan diiktiraf oleh undang-undang negara kita. Adakah kerajaan menjalinkan kerjasama dengan klinik-klinik perubatan tradisional bagi merawat penagih-penagih dadah di Malaysia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua setakat ini memang kita dengar dalam masyarakat memang ada cubaan-cubaan untuk mengubat secara tradisional. Nampaknya ada kejayaan. Akan tetapi setakat ini Kementerian Kesihatan belum lagi *adopt* proses ini, cara ini Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Boon Som a/l Inong** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kerugian yang ditaksirkan akibat kejadian jerebu yang melanda negara baru-baru ini, serta apakah punca serta langkah-langkah berkesan bagi mengatasi masalah berkenaan memandangkan ia berlaku pada setiap tahun.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Jumlah kerugian akibat daripada kejadian Jerebu tidak dapat ditaksirkan secara nyata dalam bentuk kuantiti. Bagaimanapun kejadian jerebu ini telah menyebabkan peningkatan dari segi jumlah pesakit luar yang mengalami masalah gangguan pernafasan yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu bagi negeri-negeri yang terkena jerebu.

Selain daripada itu, kejadian jerebu juga telah menjejaskan sesi persekolahan, yang mana seramai 1,991,897 murid sekolah terlibat dalam tempoh pengisytiharan darurat bencana jerebu tersebut. Selain daripada itu, kegiatan-kegiatan luar yang melibatkan aktiviti sosioekonomi juga terpaksa dikurangkan.

Punca jerebu yang melanda Malaysia adalah jerebu merentasi sempadan. Ia berlaku akibat kebakaran tanah dan hutan gambut yang berleluasa yang tidak terkawal di Sumatera Indonesia terutamanya pada musim panas dan kering yang berpanjangan. Musim panas dan kering yang dihadapi di rantau ini biasanya di antara bulan Jun hingga September, yang mana ketika itu arah angin adalah angin monsun barat daya. Angin barat daya yang bertiup dari kawasan-kawasan titik panas di Sumatera Tengah Indonesia menghala ke arah Semenanjung Malaysia telah membawa asap jerebu di kawasan Pantai Barat semenanjung, termasuklah ke beberapa kawasan di Pantai Timur Semenanjung, seperti yang dialami semasa episod jerebu pada 15 Jun hingga 26 Jun 2013 yang lalu.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada berlakunya kejadian jerebu itu. Di antaranya ialah tindakan penguatkuasaan undang-undang yang kurang berkesan oleh kerajaan Indonesia dalam mengawal aktiviti pembakaran terbuka di kalangan rakyatnya yang masih mengamalkan tradisi bebas dan bakar untuk membersihkan hutan dan tanah gambut untuk tujuan pertanian. Faktor ini ditambah pula dengan keadaan sempadan geografi yang begitu luas bagi setiap wilayah di Indonesia yang menyukarkan lagi aktiviti pembakaran terbuka ini dibendung.

Tindakan kerajaan bagi menangani jerebu merentasi sempadan, antara usaha kerajaan adalah melalui mempertingkatkan langkah-langkah mencegah jerebu merentasi sempadan adalah melalui platform rundingan dan kerjasama, setia kawan ASEAN di peringkat bilateral dan serantau seperti berikut:

- (i) Malaysia akan terus menggesa Kerajaan Indonesia untuk meratifikasikan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan; dan
- (ii) Kerajaan Indonesia juga digesa untuk mempertingkatkan keberkesanan tindakan di peringkat tempatannya melalui pelan tindakan Indonesia menangani pencemaran jerebu merentasi sempadan.

Saya juga hendak maklumkan bahawa semasa jerebu baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah menawarkan bantuan kepada Indonesia iaitu menyediakan pesawat untuk mengaut air dan seterusnya kita sembur di tempat jerebu. Akan tetapi bila persediaan itu dibuat, jerebu pun hilang. Hujan mulai turun. Ini kita hendak tunjukkan betapa kita bukan sahaja minta dipatuhi kata orang yang telah disebut tetapi kita akan memberi segala bentuk bantuan yang diminta oleh abang kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila tambahan yang pertama Dato' Boon Som.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan dengan begitu *detail*. Soalan tambahan saya, perkara ini berlaku dan berlarutan hampir sepuluh tahun dan tiap-tiap tahun kita menghadapi benda yang sama. Adakah ASEAN perlu bertegas dalam usaha untuk mengurangkan jerebu ini? Apakah pandangan Menteri sendiri, jalan penyelesaian ke arah ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat daripada kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak termasuk *Singapore* dan juga Malaysia menunjukkan bahawa kita minta supaya Indonesia bertegas. Indonesia telah pun memberi reaksi, yang pertama agak emosi sedikit kepada *Singapore*. Akan tetapi kepada Malaysia, Malaysia telah menghantar Menterinya pergi ke sana untuk berbincang.

Jadi, yang itu kita boleh buat. Kita di peringkat antarabangsa ini, tahap itu sahaja yang kita boleh buat. Kalau sekiranya kita pergi ke tahap yang kedua itu, sudah cerita lain. Tahap untuk memastikan supaya negara-negara ASEAN, negara sahabat kita mematuhi perjanjian-perjanjian yang kita sudah memeterai.

Saya percaya kalau jerebu ini kita adakan forum dari semasa ke semasa untuk berbincang mengenainya dan mungkin kita adakan perbincangan di tempat kejadian. Ini supaya rakyat memahami betapa perbuatan mereka yang dengan sekali cetus api itu telah menyebabkan kesusahan berjuta orang. Kita kena beritahu yang itu.

Kemungkinan orang yang kena jerebu ini, orang yang membuat jerebu ini dia tidak kena jerebu kerana angin bertiup ke arah Malaysia. Jadi, dia selamat. Akan tetapi orang yang ada di sini tidak selamat. Saya percaya kesedaran kepada masyarakat itu harus diberikan dan forum-forum antarabangsa untuk menangani masalah ini harus diadakan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan yang kedua silakan Yang Berhormat Dato' Yusuf.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Malaysia telah melakukan banyak usaha termasuk memberikan bantuan tenaga sehingga kapal terbang untuk menghapuskan jerebu tersebut. Musim kemarau tahun depan, ia akan berlaku lagi dan akan berlaku yang satu kemungkinan kalau jerebu ini terdapat pula virus-virus tertentu yang boleh membahayakan manusia. Bayangkanlah apa terjadi kepada rakyat Malaysia, dan negara-negara jiran yang lain pada masa akan datang?

■1050

Pertanyaan tambahan saya ialah adakah kerajaan tidak bercadang untuk menjadi pelopor utama bagi mewujudkan satu jawatankuasa khas di peringkat ASEAN termasuk tabung jerebu bagi membantu bukan sahaja mendesak negara Indonesia tetapi membantu negara Indonesia supaya memastikan jerebu ini, kebakaran yang berleluasa ini tidak akan berlaku pada masa akan datang. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti jawapan yang mudahnya ialah kita akan buat yang terbaik dan jawapan itu sudah tentu jawapan yang tidak menyeronokkan banyak pihak dan ia meletakkan kita tidak bertanggungjawab.

Akan tetapi saya hendak memberitahu Yang Berhormat bahawa Kerajaan Indonesia telah berlaku perkara ini berulang kali, dia berjanji dan komited untuk hendak memastikan supaya undang-undang pembakaran terbuka ini dilaksanakan dengan lebih tegas dan rakyatnya akan dibagi latihan pemadaman kebakaran dan juga forum-forum pengurusan tanah gambut yang mampan dan bersepadu dan yang paling penting supaya kita dapat amaran awal. Walaupun kita tahu bahawa jerebu ini bila berlaku angin yang datang itu cepat tetapi kalau kita dapat amaran yang awal sudah pasti usaha-usaha untuk mengatasinya dapat diselesaikan. Manakala yang lain-lain itu saya percaya, yang paling baik sekali ialah forum, kesedaran bukan sahaja rakyat di sana tetapi termasuk juga rakyat di Malaysia dan mesti nampak ketegasan melaksanakan undang-undang itu dilaksanakan.

Undang-undang di Malaysia dan Indonesia saya percaya sudah cukup untuk menyelesaikan perkara ini. Akan tetapi kita agak longgar sedikit, kita hanya menunggu bencana berlaku baru kita ambil tindakan. Sepatutnya pembakaran terbuka ini bagi negara maju sudah tidak boleh, ia tidak benarkan tetapi kita masih membiarkan tangan-tangan itu berbuat demikian dan tetapi ada setengah pembakaran-pembakaran terbuka yang dibenarkan macam di sebelah MADA dibenarkan untuk tempoh-tempoh tertentu kerana ia berlaku dalam masa yang singkat, ia terbakar habis, ia tidak nampak sesuatu yang boleh menyebabkan jerebu tetapi tanah gambut ia bermasalah kerana ia akan menimbulkan jerebu. Jadi kerajaan akan membuat yang terbaik dan saya percaya perbincangan forum di peringkat antarabangsa ataupun kita dengan Indonesia ini akan berterusan. Terima kasih.

6. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hospital daerah yang sudah ada sekarang dan berapakah jumlah yang akan dibina pada tahun ini di seluruh negara; dan
- (b) bilakah Hospital Daerah Marang, Terengganu akan dibina seperti yang diminta berulang kali oleh penduduk Daerah Marang (satu-satunya daerah dalam negeri Terengganu daripada lapan daerah yang tidak mempunyai hospitalnya sendiri).

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kawan saya Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Ini berkenaan dengan hospital di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat 349 buah semuanya di seluruh Malaysia dan di antaranya 209 buah merupakan hospital swasta dengan jumlah katilnya dengan 13,367 buah katil dan 140 buah hospital kerajaan dengan jumlah katil 38,978 hampir 40,000 buah katil. Hospital kerajaan Tuan Yang di-Pertua, terbahagi kepada beberapa kategori iaitu hospital negeri, hospital daerah dan institusi perubatan khas. Hospital negeri ada 14 buah semuanya biasanya terletak di ibu negeri masing-masing termasuk juga Hospital Kuala Lumpur.

Hospital daerah ada 118 semuanya, 26 buah adalah hospital daerah yang berpakar major, kemudian 26 buah lagi hospital yang berpakar minor dan 66 buah lagi hospital tanpa pakar. Selain daripada itu terdapat juga lapan buah hospital yang dikategorikan sebagai institusi perubatan khas seperti psikiatri, perubatan respiratori, kawalan kusta, Rehabilitasi Cheras dan hospital wanita dan kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun ini Kementerian Kesihatan telah mendapat kelulusan untuk membina sebelas buah hospital baru iaitu Hospital Parit Buntar di Perak, Hospital Shah Alam - Selangor, Hospital Tampin, ini gantian di Negeri Sembilan, Hospital Rembau - Negeri Sembilan, Hospital Bera - Pahang, Hospital Rompin - Pahang, Hospital Kuala Krai - Kelantan, Hospital Bachok - Kelantan, Hospital Lawas Sarawak, Hospital Petrajaya Sarawak dan Hospital Sri Aman - Sarawak.

Bagi soalan yang bahagian keduanya iaitu tentang hal Hospital Marang, yang ini yang hendak ditanya oleh sahabat saya tadi. Hospital Marang setakat ini Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat keperluan mendesak untuk membina Hospital Marang oleh sebab ianya dekat, Marang ini daerahnya dekat dengan Kuala Terengganu, cuma 20km daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah ke Kuala Terengganu 20km. Jadi dalam 20 minit atau kurang boleh sampai ke Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Jadi sebagai untuk memenuhi kehendak rakyat di Marang, pihak Kementerian Kesihatan telah meluluskan sebuah klinik kesihatan tahap tiga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (*Third Rolling Plan*) di atas tapak tanah 7.2 ekar di bandar Marang dan dijangka bermula pembinaan pada 2014 tahun depan dengan anggaran kos sebanyak RM25 juta. Bila sebut tentang klinik kesihatan taraf ketiga ini, ia mengandungi pelbagai komponen, ada komponen *outpatient*, komponen kecemasan, *accident and emergency (A&E)*, dada, X-ray, ada makmal, ada farmasi, ada *dental* dan juga lengkap dengan perkhidmatan ambulans. Jadi saya ingat buat sementara waktu memang memadamkan keperluan di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat buat tambahan, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, Dewan dengan ini mengalu-alukan kehadiran delegasi Ahli-ahli Parlimen dari Perancis seramai tujuh orang ke Dewan ini ... [*Tepuk*]

Semoga dengan kehadiran ini akan mengeratkan lagi hubungan dua hala antara Parlimen Malaysia dengan Parlimen Perancis. Sekian terima kasih. Sekarang saya sambung semula pertanyaan tambahan kepada Dato' Rahman.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan yang dipertua, tahniah dan syabas juga terima kasih kepada Kerajaan BN yang banyak bina hospital di serata negara. Ini menunjukkan kerajaan begitu prihatin termasuk klinik kesihatan tahap ketiga di Marang. Apa yang saya hendak timbulkan ialah kesesakan dan masa menunggu yang begitu lama oleh pesakit-pesakit akibat kekurangan doktor. Jadi, apakah rancangan atau pelan kementerian bagi mengatasi perkara tersebut? Berapakah nisbah, seorang doktor dengan penduduk? Adakah kita Malaysia sekarang mencapai tahap nisbah doktor dengan penduduk berdasarkan negara-negara maju? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Rahman. Masalah kesesakan memang berlaku di mana-mana Tuan Yang di-Pertua, di seluruh Malaysia di fasiliti, di klinik-klinik kerajaan, memang berlaku dan memanglah ada kadang-kadang saya sendiri melawat, melihat ada bukan hanya pesakit yang menunggu lama yang sesak. Akan tetapi dalam bilik rawatan doktor pun kadang-kadang doktor berkongsi doktor empat orang satu bilik. Jadi, memang ini satu masalah sebab itu kita pihak kerajaan merancang untuk dengan izin, *decongest* dengan membina lebih banyak klinik kesihatan dan sebagainya.

#### ■1100

Contoh, baru-baru ini saya pergi melawat ke Besut, kebetulan pilihan raya kecillah Tuan Yang di-Pertua. Didapati untuk *decongest*, untuk hendak dikurangkan kesesakan di Kuala Besut, kerajaan telah membina dan sudah siap pun Klinik Padang Luas. Klinik tahap tiga yang paling luas. Jadi, pesakit sudah ramai pergi ke sana dan kurang pesakit yang pergi ke Hospital Daerah Dungun. Dari segi jumlah doktor, memang hari ini Malaysia sudah dapat keluaran doktor baru. Tahun lepas 3,700 doktor baru yang keluaran dari dalam Malaysia dan di luar Malaysia. Mereka dilatih dan kita berharap dalam masa terdekat dapat mengisi kekosongan yang berlaku di banyak klinik kita.



Tuan Yang di-Pertua, kadar penduduk ke jumlah doktor sekarang ini 1:700 dan kita bercadang pada tahun 2020, kita hendak kurangkan kepada 1:400 penduduk. Jadi, ini jangkauan kita Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, apakah kriteria kementerian untuk menetapkan di daerah manakah patut dibina hospital?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini Kementerian Kesihatan membina hospital tidak mengikut daerah lagi. Macam dahulu kita ikut daerah, satu daerah satu hospital. Cuma Marang belum lagi ada hospital daerah. Hari ini kita ikut keperluan Tuan Yang di-Pertua. Kalau populasi di tempat itu ramai, maka kita akan bina klinik ataupun hospital mengikut keperluan di situ. Contohnya, kalau 120,000 penduduk dalam satu kawasan, dia boleh dapat satu hospital daerah. Jadi, tidak lagi ikut daerah Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Chih Tiang Chai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah isu sebenar di sebalik insiden bumbung runtuh yang kerap kali berlaku ke atas beberapa bangunan yang baru dibina; dan
- (b) apakah jalan penyelesaian yang kementerian bakal laksanakan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya amat memandang serius beberapa insiden keruntuhan bangunan yang berlaku di negara ini. Terdapat pelbagai faktor ataupun punca boleh berlaku keruntuhan tersebut. Walau bagaimanapun, ia boleh disimpulkan kepada tiga faktor seperti berikut:

- (i) faktor reka bentuk;
- (ii) faktor bahan; dan
- (iii) kualiti hasil kerja yang tidak mengikut spesifikasi serta faktor-faktor pengawasan dan pengawalan kualiti tidak dilaksanakan di tapak projek.

Sehubungan itu, tindakan perundangan terhadap pihak-pihak yang terlibat dengan insiden kecuaiannya ini, boleh diambil menerusi tiga kategori berikut:

- (i) aspek keahlian profesional;
- (ii) aspek kontraktual; dan
- (iii) aspek kawal selia.

Dari sudut keahlian profesional, terdapat akta-akta yang boleh diguna pakai untuk mendakwa pihak-pihak yang terlibat iaitu Akta Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967, dan Akta Juru Ukur Bahan 1967. Daripada aspek kontraktual pula, ia melibatkan pelbagai akta yg sedia ada. Antaranya Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan atau CIDB 1994. Manakala dari segi aspek kawal selia pula, ia melibatkan agensi seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia atau CIDB dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia atau lebih dikenali sebagai DOSH.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sebagai agensi teknikal utama kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan pasukan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pakar-pakar industri pembinaan di negara ini.

Jawatankuasa pakar tersebut akan mengkaji semula semua aspek yang berkaitan dengan amalan pembinaan semasa termasuklah prosedur operasi standard ataupun SOP di tanah pembinaan dan seterusnya mengemukakan syor-syor penambahbaikan kepada kerajaan.

Di samping itu, jawatankuasa tersebut juga turut mengkaji sama ada punca keruntuhan susur keluar jambatan kedua Pulau Pinang ialah disebabkan berlaku ketidakpatuhan terhadap amalan SOP. Apabila siap nanti, hasil laporan jawatankuasa ini akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan kerajaan bagi tujuan penambahbaikan kepada amalan sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya, Datuk Chiu Tiang Chai.

**Datuk Chiu Tiang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Jika kementerian mempunyai rekod sekarang, berapakah jumlah kontraktor dan subkontraktor yang sudah diambil tindakan seperti disenaraihitamkan, diambil tindakan mahkamah serta telah dijatuhkan hukuman seperti dikenakan denda dan sebagainya? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Memandangkan pertanyaan ini adalah pertanyaan umum, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab secara bertulis mengenai jumlah kontraktor yang terlibat sama ada dari segi tindakan mahkamah, denda dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya hendak timbulkan di sini, apakah kos runtuh bangunan-bangunan ini setakat ini dan siapakah yang terpaksa menanggung kos runtuhnya bangunan-bangunan yang terpaksa diperbaiki?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Persoalan ini juga agak *detail*. *I mean, general*, dengan izin. Saya mohon untuk menjawab secara bertulis. Ini kerana untuk pengetahuan Yang Berhormat, bagi kes-kes keruntuhan faktanya juga berbeza. Kesilapan ataupun kesalahan tidak boleh ditujukan kepada pihak yang sama. Ia bergantung kepada insiden tersebut. Jadi, keruntuhan Jambatan Pulau Pinang akan mempunyai fakta yang berbeza dengan keruntuhan-keruntuhan yang berlaku sebelum ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**8. Dato' Jaspal Singh a/ Gurbakhes Singh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik perkahwinan kanak-kanak dari 2010-2013. Apakah faktor penentu bagi pengiktirafan perkahwinan dengan seorang minoriti atau kedua-dua pasangan minoriti.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bertanya soalan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara, hanya mendaftar perkahwinan bagi orang bukan Islam dan tidak membenarkan perkahwinan di bawah umur. Selaras dengan Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 [Akta 164].

Sehubungan dengan itu, KDN tidak mempunyai rekod statistik perkahwinan kanak-kanak dari tahun 2010 hingga 2013 dan maklumat penentu pengiktirafan perkahwinan di kalangan mereka. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat juga bertanya berhubung dengan apakah faktor penentu bagi pengiktirafan perkahwinan dengan seseorang minoriti dan kedua pasangan minoriti.

Di bawah undang-undang, *the Law Reform Marriage and Divorce Act 1976* yang disebutkan tadi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Istilah minoriti ini bermakna orang yang di bawah umur 21 tahun. Makna dia, perkahwinan di bawah 21 tahun itu tidak dibolehkan melainkan telah mendapat kepastian yang tertentu.

Kepastian yang tertentu saya maksudkan di sini ialah perkahwinan lelaki dan perempuan bukan Islam yang berumur di bawah 21 tahun tetapi genap 18 tahun dengan persetujuan bapa dan jika itu adalah tidak sah taraf atau bapa telah mati, ibu atau pihak yang dibenarkan di bawah seksyen 12(1). Seksyen 12(1) menyebut bahawa sama ada salah seorang daripada ibu ataupun bapa ataupun salah seorang daripada ibu bapa yang kepada anak angkat ataupun *guardian* kepada anak tersebut telah memberi kebenaran kepada yang berumur sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

■1110

Kedua, perkahwinan dengan perempuan berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun yang juga tidak dibolehkan oleh perundangan ini tetapi memerlukan kelulusan lesen daripada Ketua Menteri di bawah seksyen 10, dan seksyen 21, Akta 164. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada bulan lalu, kita ada satu seminar di Malaysia dan di sini diberitahu statistik terdapat lebih kurang 6,800 gadis di bawah 15 tahun yang telah berkahwin di Malaysia sejak tahun 2000. Semua kaum. Ada orang Melayu, bumiputera daripada Sabah, orang-orang India, orang-orang Cina. Risikonya mereka yang berkahwin bawah 15 tahun ialah risiko kesihatan. Lima kali lebih risiko kematian jika mereka mengandung di bawah umur 15 tahun. Didapati juga terdapat 235 budak-budak ini menjadi balu bila umur hanya 10 tahun hingga 14 tahun dan 79 telah pun bercerai.

Soalan saya ialah apakah strategi kerajaan hendak bekerjasama dengan kementerian seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberi pendidikan kepada kumpulan-kumpulan sasaran ini, budak-budak dan ibu bapa mengenai isu-isu perkahwinan di bawah umur? Kedua, selalunya mereka berkahwin ini golongan miskin sebab dianggap gadis-gadis ini beban kepada keluarga. Jadi kahwin membuat rasa tidak ada beban. Apakah bantuan yang kerajaan bercadang untuk berikan kepada keluarga-keluarga seperti ini.

Akhir sekali dari segi rang undang-undang, akta yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Akta Perkahwinan dan Penceraian 1976 ini berlainan sedikit. Memberi kebenaran ibu bapa. Akan tetapi akta dari segi kelakuan seks di bawah umur 16 tahun memang jelas sekali sama ada kebenaran ibu, bapa ataupun budak itu, itu kes rogol. Jadi sama ada kementerian bercadang hendak menukar akta ini supaya umur minimum bagi budak-budak hendak kahwin ini *at least* 16 tahun. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu banyak sebenarnya. Pertama, soalan pendekatan kerajaan untuk mengatasi masalah perkahwinan yang di bawah umur sebagaimana yang saya sebutkan tadi di bawah undang-undang. Sebenarnya oleh kerana ia tidak didaftarkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Pendaftaran Negara, maka kita tidak ada mekanisme yang tertentu untuk mengurus ataupun memantau perkara tersebut. Perkara ini mungkin juga berlaku berlandaskan amalan ataupun adat yang telah diamalkan selama ini.

Kedua, Yang Berhormat pendekatan yang kedua untuk mengajar dan mendidik mereka ini juga, kita tidak boleh jalankan oleh kerana sebab-sebab tersebut. Ini kerana kita tidak mempunyai secara rasminya rekod soalan perkahwinan tersebut yang dianggap tidak sah di bawah undang-undang. Sama ada ia di bawah undang-undang sivil ataupun undang-undang Islam.

Bahkan undang-undang Islam juga menetapkan bahawa umur minimum untuk berkahwin ialah 18 tahun dan 16 tahun lelaki sebagaimana undang-undang sivil juga telah ditetapkan khususnya di negeri-negeri seperti Selangor, Melaka, Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Enakmen-enakmennya ada sedemikian juga. Bermakna penyelarasan daripada garis panduan undang-undang berhubung dengan umur ini telah dibuat oleh kerajaan sama ada perkahwinan sivil ataupun perkahwinan secara syarie. Jadi dalam keadaan sedemikian soalan sosial yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, kita belum ada mekanisme tetapi saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat itu.

Kedua, soalan undang-undang yang disebutkan tadi, mungkin kita boleh melihat semula undang-undang *Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976* ini untuk diperkemas lagi soalnya dan mungkin juga kita boleh memikirkan apakah mekanisme yang boleh dibuat ke atas perkahwinan yang dibuat secara tidak khas kalau ada maklumat-maklumat terperinci pada kita. Terima kasih Yang Berhormat.

**9. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, jumlah subsidi minyak diesel bagi sektor perikanan dan jumlah pendaftaran sebenar ikan di seluruh negara. Adakah kementerian tidak mempunyai perancangan lebih efektif bagi mengawal harga pasaran ikan agar tidak membebankan pengguna.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan subsidi diesel kepada nelayan bermula pada tahun 2006. Sehingga bulan Mac 2013, sejumlah 7.7 bilion liter diesel dengan jumlah subsidi kerajaan bernilai RM11.1 bilion telah disalurkan kepada nelayan. Seramai 34,000 orang nelayan dan *vesse/* yang terlibat ialah 6,800 kerana *vesse/* ini sebenarnya bukannya milik nelayan. Jadi yang dapat bantuan diesel ini ialah pemilik *vesse/* ataupun bot itu. Nelayan tidak dapat apa, dia bekerja sahaja. Jumlah pendaratan ikan daripada tangkapan marin di seluruh negara bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PENDATARAN (juta / tan metrik)	NILAI (RM /juta)
2010	1.3	RM6.651
2011	1.37	RM6.939
2012	1.47	RM7.981

Berhubung dengan langkah dalam mengawal harga pasaran ikan agar tidak membebankan pengguna, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- (i) pembinaan pasar nelayan. Pembinaan pasar nelayan di seluruh negara bertujuan memudahkan nelayan membuat jualan terus ikan kepada pengguna. Melalui konsep ini, nelayan mendapat harga jualan yang baik manakala pengguna dapat membeli ikan pada harga yang berpatutan. Sejumlah 35 buah pasar nelayan telah dibina dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merancang untuk membina 100 buah lagi pasar nelayan untuk tempoh 2013 hingga 2015;
- (ii) Program Ikan Rakyat. Program Ikan Rakyat diperkenalkan supaya pengguna dapat membeli tujuh spesies ikan sejuk beku yang digemari ramai pada harga yang berpatutan iaitu di antara RM6.50 hingga RM9 sekilogram. Ikan Rakyat ini terdiri daripada ikan kembung, cencaru, pelaling, selayang, tilapia dan keli. Bekalan Ikan Rakyat diperolehi secara konsisten melalui penyediaan stok simpanan secara sejuk beku oleh pembekal iaitu Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) dan beberapa persatuan nelayan negeri. Sebanyak 35 buah pusat jualan Ikan Rakyat telah diwujudkan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani merancang sebanyak 200 buah pusat jualan Ikan Rakyat untuk tempoh dua tahun akan datang;

■1120

- (iii) peraturan larangan eksport ikan terpilih. Bagi mengawal harga ikan ke peraturan larangan eksport bagi ikan terpilih seperti ikan rakyat akan dikuatkuasakan semasa musim-musim perayaan dan juga semasa musim tengkujuh; dan,

- (iv) galakan dan promosi makan ikan air tawar. Galakan dan promosi makan ikan air tawar dilaksanakan sebagai *substitute*, dengan izin kepada ikan marin dan mempelbagaikan pilihan ikan untuk dibeli oleh pengguna. Secara purata harga ikan air tawar adalah lebih murah berbanding ikan marin. Pertambahan penggunaan ikan air tawar akan mengurangkan tekanan permintaan terhadap ikan marin dan diyakini boleh mengawal harga di pasaran.

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan permintaan terhadap ikan air tawar adalah:

- (i) mewujudkan pusat pengumpulan dan pengedaran ikan air tawar bagi memudahkan akses kepada pengguna;
- (ii) pengedaran ikan tilapia dan keli melalui program pemasaran ikan rakyat; dan,
- (iii) promosi pendidikan kepada pengguna melalui media massa dan kempen makan ikan air tawar.

Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Yang Berhormat Menteri yang telah menggariskan usaha-usaha kerajaan untuk membendung masalah kekurangan ataupun bekalan makanan ikan di Malaysia.

Soalan tambahan saya ialah apakah usaha dan perancangan kerajaan bagi memastikan nelayan-nelayan pesisir pantai dan juga yang mempunyai lesen laut dalam yang menerima subsidi supaya mendaratkan hasil tangkapan minimum mereka di jeti-jeti LKIM? Terdapat *vessel* ataupun nelayan-nelayan ini tidak membawa ikan mereka melalui jeti-jeti LKIM dan dengan itu ikan-ikan itu biasanya dijual di tengah lautan kepada negara seperti Thailand. Kemudian, ada pertukaran di situ dan bila dimasukkan balik, dikatakan ikan itu ada di Thailand dan harganya akan meningkat.

Soalan seterusnya ialah adakah syarat seperti tangkapan minimum ini akan dilaksanakan supaya jumlah subsidi itu setanding dengan apa tangkapan nelayan-nelayan? Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Ketirisan ini sedikit sebanyak berlaku, kita tidak dapat menafikannya. Walau bagaimanapun kerajaan, LKIM, kita mengambil tindakan sebaik mungkin untuk mengatasinya. Bagi mengelakkan daripada nelayan-nelayan ini di tengah laut menjual ikan kepada mana-mana pihak sama ada dari Thailand dan sebagainya itu, LKIM menggunakan *GPS monitoring*, dengan izin, kedudukan lokasi *vessel* ini di laut. Kita tahu dia bergerak daripada satu *point* kepada satu *point* dan juga apabila dia berada di sesuatu lokasi itu sama ada bot dia sahaja ataupun ada bot orang lain yang memberikan maklumat bahawa ada kegiatan mungkin transaksi ataupun perhubungan di antara dia dengan pihak lain yang boleh dianggap sebagai pembeli kepada ikan itu.

Jadi boleh dikesan. Itu satu langkah. Keduanya, kerajaan juga memberikan insentif 10 sen satu kilo ikan yang dibawa, didaratkan di jeti-jeti LKIM. Jadi maknanya, kalau dia bawa, dia akan dapat insentif itu. Kalau dia tidak bawa, dia tidak dapatlah insentif itu. Jadi ini juga merupakan langkah untuk mengelakkan daripada berlakunya penyelewengan yang mana nelayan hanya hendak mendapatkan subsidi diesel atau petrol tetapi tidak membawa ikan untuk didaratkan bagi kepentingan pengguna dan rakyat. Terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Subsidi diesel kepada nelayan, selalu disalah *channel*, salah diguna dan serta tujuan baik kerajaan *defeated*, dengan izin. Jadi, sedarkah kementerian tentang perkara ini dan apakah langkah-langkah diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah tersebut? Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Sebenarnya tadi saya sudah jawab sudah soalan itu daripada soalan tambahan iaitu kita akan mengadakan pemantauan sebagaimana yang saya sebut supaya mengelakkan daripada nelayan ini mengambil subsidi diesel tetapi tidak membawa ikan balik untuk didaratkan di jeti-jeti nelayan LKIM. Itu satu daripadanya.

Keduanya, sebagaimana yang saya sebut tadi, kita memberikan insentif kepada mereka untuk membawa balik dia punya tangkapan dan daripada insentif itu, kita harap ia cukup untuk menggalakkan mereka ataupun tidak menggalakkan mereka daripada menjual ikan di laut. Akan tetapi beri diesel untuk guna untuk kereta dan lain-lain tidak adalah kot, tidak berlaku. Terima kasih.

**10. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan bahawa usaha untuk memajukan dasar industrialisasi Malaysia ke peringkat yang lebih tinggi memerlukan pakar-pakar dalam pelbagai bidang, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menambahkan pakar-pakar ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.*

**Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin. Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan negara kita mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi, kita memang memerlukan modal insan yang mencukupi dan berkualiti. Ini termasuklah keperluan pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Untuk menambahkan jumlah pakar-pakar ini, kerajaan telah mengambil berbagai-bagai langkah dan izinkan saya menyebut empat daripadanya.

Pertama sekali di peringkat akademik. Kerajaan telah meningkatkan kapasiti di institut-institut pengajian tinggi awam dan swasta yang kini berjumlah 65 buah. Lima daripada IPTA tersebut telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan ataupun *research university* iaitu Universiti Malaya, UTM, UKM, UPM dan USM. Antara lain, kerajaan juga meningkatkan lagi jumlah pelajar-pelajar pasca ijazah melalui program-program seperti MyBrain15. Program ini merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan juga inovasi. Sasaran program ini ialah untuk menghasilkan seramai 60,000 pemegang PhD. menjelang tahun 2023 iaitu 10 tahun lagi daripada sekarang.

Keduanya ialah untuk melahirkan kepakaran khusus dalam kejuruteraan teknologi. Kerajaan telah pun mengambil dua pendekatan. Pertama sekali untuk menubuhkan jaringan empat universiti teknikal yang dikenali sebagai *Malaysian Technical University Network* iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Teknologi Melaka, Universiti Malaysia Pahang dan juga Universiti Tun Hussein Onn. Program ini berjaya melahirkan ramai graduan termasuklah lebih 7,743 orang untuk tahun 2012.

Pendekatan kedua ialah mengadaptasi kaedah mewujudkan tenaga mahir di negara maju. Jadi kita telah pun menubuhkan *German-Malaysia Institute*, *Japan-Malaysia Technical Institute* dan juga *British-Malaysia Institute* dan *Malaysia-France Institute*. Sebagai contohnya, daripada jumlah graduan untuk tahun 2012, kita telah berjaya melahirkan seramai 2,636 dalam kalangan GMI, BMI dan *Malaysia-France Institute* tersebut.

#### ■1130

Ketiganya ialah dengan penubuhan TalentCorp yang telah ditubuhkan pada tahun 2011. Jadi, TalentCorp bertujuan untuk meningkatkan takungan tenaga pakar dan tenaga mahir dalam negara dan seterusnya mengekalkan tenaga mahir bagi keperluan negara. Jadi, terdapat pelbagai program yang telah dilaksanakan oleh TalentCorp. Antaranya *Graduate Employability*, *Maximum Skim*, *Scholarship Talent Attraction and Retention Program* atau *pun Star Program*, *Stretching Internship Program*, dengan izin, dan program kepulangan pakar, *Returning Expert Program*, dengan izin. Kita juga ada *Program Pass Resident*. Ini merupakan antara program-program TalentCorp yang telah dilaksanakan.

Keempat, yang terakhir sekali ialah kolaborasi atau pun kerjasama di antara universiti dan juga industri. Banyak contohnya seperti program *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre* (CREST), dengan izin. CREST ini telah pun dilancarkan pada bulan Jun tahun lepas.

ia merupakan satu kerjasama di antara sepuluh syarikat terkemuka sektor *electrical* dan elektronik seperti *Advanced Micro Devices (AMD)*, Agilents, Altera, Avago Technologies, *Alternance*, Intel, Motorola, National Instruments, Osram dan Silterra bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Koridor Utara, Khazanah Nasional dan juga Universiti Sains Malaysia iaitu universiti Yang Berhormat Senator sendiri. Jadi, program ini memang berkesan untuk melahirkan pakar-pakar yang dapat digunakan dalam industri ENE terutamanya di negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, ini kerana masa sudah menunjukkan 11.31 dan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, mulai hari ini, selepas ini kita akan mulakan jawapan daripada kementerian-kementerian dan kementerian juga ada lebih kurang 20 kementerian lebih. Maka, kemungkinan kita akan sambung sampai ke malam. Di samping itu juga, saya berharap kementerian-kementerian memberi jawapan-jawapan yang telah pun dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kepada Yang Berhormat semua yang telah hadir menjawab tadi khususnya Menteri-Menteri dan sebagainya, saya ucapkan berbilang-bilang terima kasihlah bagi soalan lisan. Sekarang, kita terus sambung. Saya serahkan kepada Timbalan saya untuk meneruskan program kita hari ini. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat begitulah sudah selesai sesi jawab lisan kita pada hari ini. Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum hari ini serta esok 30 Julai telah diuntukkan untuk pihak kementerian menjawab segala pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat-Yang Berhormat telah bangkitkan semasa membahaskan Titah Diraja minggu lepas. Oleh yang demikian, maka saya berharap semasa pihak kementerian menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat selama mana boleh beradalah di dalam Dewan supaya sekiranya ada soalan-soalan Yang Berhormat yang tidak dijawab, maka Yang Berhormat bolehlah menyoal serta bertanya sekali lagi semasa Menteri berada di dalam Dewan. Sekian, terima kasih.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]*

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”. **[25 Julai 2013]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**11.34 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang diutarakan berkenaan Kementerian Kewangan.

Izinkan saya untuk memberi penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan tersebut. Yang Berhormat Senator S. Bagiam, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, Yang Berhormat Senator Puan Roslin Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan membangkitkan tentang masalah hutang isi rumah. Angka yang sebenar berkenaan masalah hutang isi rumah adalah 82.9 peratus kepada KDNK atau jumlahnya RM784.4 bilion.

Tahap keberhutangan sektor isi rumah yang meningkat terutama sejak kebelakangan ini memang mendapat perhatian khusus kerajaan. Pelbagai langkah kita sedang laksanakan. Antaranya ialah:

- (i) memperkenalkan Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia bagi tujuan membangunkan rumah mampu milik untuk rakyat yang berpendapatan sederhana di kawasan bandar-bandar utama;
- (ii) membendung aktiviti spekulatif dalam pasaran harta kediaman dengan menyusun semula struktur cukai untung harta tanah dengan izin, *Real Property Gains Tax* (RPGT);
- (iii) memperkenalkan nisbah maksimum dengan izin, *loan to value* (LTV) 70 peratus untuk pinjaman perumahan ketiga dan seterusnya oleh individu dan LTV 60 peratus bagi pinjaman perumahan oleh bukan individu;
- (iv) menambahbaikkan sistem pengangkutan awam sekali gus mengurangkan keperluan sektor isi rumah memiliki kenderaan dan meminjam bagi pembiayaan kenderaan berkenaan. Pembiayaan kenderaan kini merangkumi 17.6 peratus daripada jumlah pinjaman terkumpul sektor rumah;
- (v) menggalakkan amalan pemberian pembiayaan yang bertanggungjawab dan terus kepada individu dengan memperkenalkan garis panduan mengenai amalan pembiayaan yang bertanggungjawab kepada institusi kewangan sejak 2012;
- (vi) mengekang penggunaan kad kredit yang tidak berhemat khususnya di kalangan golongan muda melalui syarat berikut iaitu:
  - (i) menaikkan kelayakan pendapatan tahunan minimum daripada RM18,000 kepada RM24,000;
  - (ii) menghadkan nilai kredit yang diberi oleh setiap pengeluar kad kredit tidak boleh melebihi dua kali ganda pendapatan bulanan pemegang kad kepada golongan yang berpendapatan tahunan kurang daripada RM36,000; dan
  - (iii) menghadkan pemilikan kad kredit daripada dua pengeluar sahaja.
- (vii) menyediakan khidmat nasihat mengenai pengurusan kewangan dan kemudahan mekanisme mengurus hutang dengan menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sejak tahun 2006;
- (viii) menghadkan tempoh maksimum bayaran balik bagi pembiayaan peribadi kepada 10 tahun;



- (ix) mengehendkan tempoh maksimum bayaran balik bagi pembiayaan pembelian hartanah kepada 35 tahun;
- (x) menambah baik struktur ganjaran untuk penjawat awam serta menstrukturkan semula skim pencen tahunan untuk pesara awam; dan
- (xi) memberi bantuan kewangan contohnya bantuan BR1M.

Berdasarkan kepada penyiasatan pendapatan isi rumah tahun 2012, bilangan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 adalah 2.46 juta berbanding 3.18 juta isi rumah pada tahun 2009. Data ini menunjukkan sebanyak 0.72 juta isi rumah yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah telah berjaya dikurangkan dalam tempoh tersebut. Dalam bentuk taburan peratusan isi rumah, jumlah isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan telah berjaya dikurangkan daripada 52.8 peratus dalam tahun 2009 kepada 38.5 peratus pada tahun 2012.

Yang Berhormat senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah dan Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam juga bertanya tentang BR1M. Jumlah penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan RM2.9 bilion merangkumi 4.8 juta penerima isi rumah dan 2 juta penerima bujang. Permohonan yang tidak berjaya adalah seramai hampir 920,000 atau 11.9 peratus daripada keseluruhan permohonan.

Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih atau telah wujud, maklumat pemohon pasangan dan tanggungan tidak lengkap atau pun pendapatan isi rumah melebihi RM3,000 dan pendapatan individu melebihi RM2,000.

Pada masa ini berbagai-bagai inisiatif telah dilaksanakan bagi mengurangkan beban keluarga seperti pemberian bantuan persekolahan, Baucar Buku 1Malaysia. Di samping itu, kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi telah lama melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk individu yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Antaranya adalah program latihan dan keusahawanan. Usaha meningkatkan kemahiran serta menyediakan bantuan kewangan dan pinjaman bagi melibatkan diri dalam industri kecil-kecilan seperti Dana Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN, MARA dan juga Dana PKS.

Selain itu, kerajaan juga telah memastikan harga barangan dan perkhidmatan berada pada tahap yang rendah melalui pembukaan Kedai Rakyat 1Malaysia, yang menawarkan produk harian dengan harga yang lebih rendah dari pasaran. Klinik 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia dan memperbanyak pasar tani serta jualan terus dari kilang.

#### ■1140

Di samping itu kerajaan juga telah mewartakan pelaksanaan gaji minimum yang meningkatkan jumlah pendapatan kepada RM800 di Semenanjung dan RM900 di Sabah dan Sarawak. Kesemua usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan golongan berpendapatan rendah dan sederhana tidak terpinggir dan memastikan taraf hidup mereka dapat ditingkatkan. Pelaksanaan BR1M yang akan datang akan mengambil kira penambahbaikan termasuk cara pendaftaran dan pengagihan serta verifikasi pemadanan, data terkini bagi memastikan tiada pemohon yang layak tercicir. Ini semua dilakukan bagi meningkatkan lagi kecekapan program BR1M.

Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader membangkitkan tentang pengurup wang berlesen. Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang (APPW) yang telah diperkenalkan dengan tujuan untuk memastikan perkembangan industri dan perniagaan perkhidmatan wang yang lebih moden dan tersusun serta untuk memperkukuhkan keutuhan industri supaya tidak disalahgunakan untuk tujuan haram. Dengan penguatkuasaan APPW, proses pelesenan semula terhadap peserta-peserta industri perniagaan perkhidmatan wang yang sedia ada telah dilaksanakan bagi memastikan hanya peserta-peserta yang profesional dan berkeupayaan memenuhi kriteria minimum layak dan sesuai dengan izin, *fit and proper*, serta keperluan operasi dan kewangan minimum layak menjalankan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang.

Berdasarkan proses pelesenan, pihak Bank Negara Malaysia telah memberi peluang kepada pengurup wang yang mempunyai kelemahan operasi tertentu tetapi telah menunjukkan keinginan dan komitmen dalam menambah baik. Tempoh masa yang mencukupi antara enam hingga dua belas bulan telah diberi kepada mereka.

Walau bagaimanapun, pihak Bank Negara Malaysia sentiasa memandang serius dan mengambil tindakan terhadap sebarang peruntukan undang-undang. Antaranya ialah penglibatan dalam aktiviti-aktiviti haram, mereka yang menunjukkan ketidakpatuhan berulang kali walaupun peringatan telah diberi oleh pihak Bank Negara Malaysia serta kegagalan pengarah dan pengurus dalam memenuhi keperluan minimum layak dan sesuai (*fit and proper*).

Oleh itu selepas proses pelesenan semula seramai 514 pemegang lesen telah dilesenkan. Sebelum itu pada tahun 2012 sebanyak 839 lesen. Mereka ini beroperasi melalui lebih daripada 900 premis perniagaan di seluruh negara. Ini dapat memastikan pelanggan dapat akses kepada perkhidmatan pengurup wang secara mudah, berkualiti dan berterusan.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman membangkitkan tentang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram hendaklah dikaji semula. Kementerian Kewangan selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap AMLA-TFA akan melakukan perkara yang berikut. Semakan ini adalah penting untuk:

- (i) memperkukuhkan kuasa penyiasatan dan pendakwaan agensi-agensi penguatkuasaan bagi kes-kes yang melibatkan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan; dan
- (ii) mengambil kira keperluan yang digariskan oleh Piawaian Antarabangsa mengenai pencegahan dan pengubahan wang haram. Cadangan yang dikemukakan oleh panel penilai semasa penilaian bersama dengan pihak, *Asia/Pacific Group on Money Laundering*, dengan izin, pada tahun 2007.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah membangkitkan tentang memohon pengisian jawatan utama tertinggi di dalam GLC dilantik di kalangan golongan wanita. Syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC utama di bawah Program Transformasi GLC sedia maklum tentang polisi kerajaan untuk meningkatkan jumlah keanggotaan wanita di peringkat tertinggi sektor korporat termasuk Lembaga Pengarah GLC.

Sehubungan itu GLC ini sedang berusaha untuk meningkatkan kebolehan golongan tersebut dalam syarikat masing-masing ke arah merealisasikan hasrat kerajaan tersebut, namun tidak tertakluk kepada wanita daripada golongan tertentu. Secara amnya kriteria pelantikan calon-calon Lembaga Pengarah GLC adalah berdasarkan pengalaman serta kepakaran yang dimiliki. Sukacita dimaklumkan setakat 31 Disember 2012, 9 peratus daripada barisan Lembaga Pengarah dan 28 peratus daripada anggota pengurusan kanan di 17 GLC di bawah Program Transformasi GLC terdiri daripada golongan wanita.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong mencadangkan memberikan tempat kepada individu-individu yang berwibawa di kalangan masyarakat Siam menerajui mana-mana syarikat GLC. Pelantikan ke jawatan-jawatan utama termasuk Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat berkaitan dengan kerajaan GLC di buat berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran masing-masing. Ini adalah bagi memastikan GLC diterajui oleh individu yang benar-benar layak dan berkebolehan termasuklah masyarakat Siam.

Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan bertanyakan tentang SPNB dan Rumah Mesra Rakyat. Kerajaan sememangnya amat prihatin dalam usaha membantu golongan miskin berpendapatan rendah dan golongan muda untuk memiliki rumah. Pada tahun 2008 hingga tahun 2013, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah menerima sejumlah 62,199 permohonan penyertaan Rumah Mesra Rakyat (RMR).

Sehingga 31 Mei 2013, SPNB telah menyiapkan dan menyerahkan sebanyak 21,699 unit RMR kepada peserta program tersebut, manakala 6,675 unit lagi sedang dalam peringkat pembinaan. Di samping itu, terdapat sebanyak 10,098 permohonan daripada jumlah keseluruhan permohonan yang diterima telah dinilai layak oleh SPNB. Berikut adalah statistik pecahan RMR dari tahun 2002 hingga tahun 2013:

**STATISTIK PECAHAN RMR DARI TAHUN 2002 HINGGA TAHUN 2013**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN RMR (buah)</b>
Terengganu	3,006
Kelantan	3,347
Pahang	1,619
Perak	2,389
Pulau Pinang	177
Kedah	2,696
Perlis	423
Selangor	1,167
Negeri Sembilan	1,890
Melaka	1,072
Johor	2,668
Wilayah Persekutuan Putrajaya	9
Sabah	552
Sarawak	654
Labuan	30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>21,699</b>

Jumlah keseluruhan 21,699 Rumah Mesra Rakyat telah siap dibina dan diserahkan kepada pemilik. Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung minta penjelasan mengenai Sarawak Energy Berhad.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih di atas jawapan yang begitu komprehensif mengenai dengan data Rumah Mesra Rakyat. Akan tetapi isu yang saya bangkitkan ialah bagaimana cara pemilihan yang terkini yang mana saya difahamkan ia dibuat sekarang ini berasaskan kepada penyata gaji mereka yang berpendapatan di bawah RM3,000. Jika ini benar, saya melihat ia akan menimbulkan masalah kerana mereka yang di bawah paras RM3,000 ini sebahagian besarnya adalah yang bekerja sendiri atau pun bekerja di sektor informal yang tidak mempunyai penyata gaji. Pohon penerangan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Rumah Mesra Rakyat ini dibuka kepada peserta berusia antara 18 tahun hingga 65 tahun. Memang benar, berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan tetapi hendaklah mereka mempunyai tanah sendiri dan tidak memiliki rumah atau tinggal di rumah usang atau pun menumpang di rumah keluarga. Mengenai apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai slip gaji dan sebagainya itu kita juga boleh membuat kenyataan dan disahkan oleh pimpinan tempatan oleh Tok Penghulu, Ketua Kampung, Pegawai Daerah, ADUN dan juga Ahli Parlimen untuk mengesahkan pendapatannya itu adalah kurang daripada RM3,000 sebulan dan tidak semestinya menggunakan slip gaji.

Kembali kepada Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung yang bertanya tentang Sarawak Energy Berhad. Untuk makluman Yang Berhormat, Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB) syarikat milik penuh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan diperbadankan adalah bertanggungjawab ke atas pembangunan Projek Hidroelektrik Bakun. Keupayaan terpasang tenaga elektrik bagi projek Bakun ini adalah sebanyak 2,400 megawatt yang akan dijana oleh lapan unit *turbine*. Kerajaan Persekutuan pada bulan Jun 2010 telah bersetuju supaya sumber tenaga elektrik daripada projek Bakun dijana untuk pembangunan *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE). Sehubungan itu perjanjian *Power Purchase Agreement* dengan izin, PPA, di antara SHSB dan SESCO Berhad, sebuah syarikat utiliti tunggal di Sarawak telah ditandatangani pada 1 Jun.

Pada masa ini hanya empat turbin di projek Bakun yang siap dipasang dan sedang beroperasi. Manakala baki empat turbin lagi masih dalam proses pembinaan. Turbin terakhir dijangka siap dan mula bertugas pada bulan Januari 2014. Kemajuan keseluruhan projek Bakun sehingga bulan Jun 2013 adalah sebanyak 99.53 peratus yang melibatkan kos sebanyak RM7.75 bilion.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, punca sebenar terputusnya bekalan elektrik di seluruh negeri Sarawak yang berlaku pada 27 Jun 2013 masih dalam penyiasatan. Perunding bebas juga dilantik agar penemuan kajian dan cadangan yang dikemukakan kelak bersifat neutral mengenai keputusan bekalan elektrik ini.

#### ■1150

Kita tidak akan menyebelahi mana-mana pihak, sama ada SHSB dan SEB. Hasil kajian ini diharap dapat diguna pakai oleh SHSB dan Sarawak Energy Berhad bagi menyelesaikan isu gangguan bekalan elektrik di Sarawak secara keseluruhan.

Selain itu untuk makluman Yang Berhormat, lebih kurang 10,000 orang penduduk telah dipindahkan ke penempatan semula Sungai Asap semasa pembinaan projek Bakun dilaksanakan. Ia melibatkan kos sebanyak RM534 juta dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, terdapat lebih kurang 130 orang penduduk memilih untuk terus kekal di Naha Jalei, Hulu Balui, manakala lebih kurang 105 orang penduduk terus kekal di Long Jawi, Hulu Balui. Bagi penduduk yang dipindahkan di penempatan semula Sungai Asap, mereka disediakan kemudahan yang lengkap termasuklah kemudahan air yang bersih, kemudahan infrastruktur seperti sekolah, klinik dan jalan raya.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh memohon kerajaan untuk menyasat penjualan saham Maika kepada *G-Team Resources*. Pada 12 Mei 2010 *G-Team* menghantar notis pengambilalihan untuk memperoleh kesemua syer untuk mengundi dalam Maika pada harga 80 sen bagi setiap syer Maika. Tawaran pengambilalihan tersebut adalah tertakluk kepada penerimaan yang diterima oleh *G-Team* melebihi 50 peratus syer mengundi dalam Maika.

Tawaran pengambilalihan tidak memerlukan kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, walau bagaimanapun ianya dikehendaki keperluan kod Malaysia mengenai pengambilalihan dan percantuman. Dalam memenuhi keperluan kod Malaysia, dokumen tawaran telah dihantar kepada pemegang saham Maika pada 1 Jun 2010 dan pekeliling nasihat bebas telah dihantar pada 10 Jun 2010. Tawaran pengambilalihan telah ditutup pada 30 Julai 2010 di mana *G-Team* memperoleh penerimaan sebanyak 80.51 peratus syer mengundi Maika.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud bertanyakan tentang...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta celah. Saya membawa soalan mengenai Maika dan bukan tentang transaksi penjual saham itu. Tentang komitmen yang telah diberikan oleh *G-Team* bahawa *G-Team* itu adalah satu SPV dan selepas habis transaksi ini keuntungan aset-aset Maika akan diberikan balik kepada komuniti India. Saya hendak tahu sama ada Kementerian Kewangan adalah institusi yang memantau komitmen ini ataupun agensi manakah yang sepatutnya memantau supaya komitmen yang diberikan memberi balik keuntungan ini akan dilaksanakan?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa tawaran ini tidak memerlukan kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang di bawah Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, sebagaimana Yang Berhormat sebut, keuntungan Maika yang diberikan semula kepada masyarakat India itu akan diambil perhatian dan jika ada maklumat-maklumat tambahan saya akan berikan kepada Yang Berhormat.

Menyambung kembali Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud yang bertanyakan bilakah bonus Aidilfitri yang akan diberikan pada kakitangan kerajaan dan berapakah jumlahnya? Pada 24 Julai 2013 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM500 kepada penjawat awam bagi Gred 1 hingga Gred 54 dan Bayaran Bantuan Khas Kewangan RM250 kepada pesara kerajaan. Jumlahnya ialah bantuan khas RM500 berjumlah RM670 juta, bantuan khas kepada pesara berjumlah RM165 juta, jumlah keseluruhan RM835 juta dan bayaran akan dibuat pada 31 Julai iaitu dua hari lagi.

Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan ingin membangkitkan dan telah membangkitkan mengenai SPANCO. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik syarikat konsesi penswastaaan kereta-kereta *saloon* kerajaan bermula 1 Januari 1994. SPANCO bertanggungjawab untuk membekal, menyelenggarakan dan membaiki kereta yang dipajak oleh kerajaan. Manakala bagi kenderaan kerajaan, selain daripada kereta *saloon* adalah tidak tertakluk dengan perjanjian konsesi di antara kerajaan dan SPANCO.

SPANCO telah melantik bengkel-bengkel sebanyak 199 pusat servis diiktiraf PSD di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak 103 PSD adalah milik bumiputera. Kerajaan membayar kos sewaan, pembaikan dan penyelenggaraan kepada SPANCO setiap bulan secara tetap dan berjadual berasaskan bilangan dan jenis kereta yang dipajak. Kos perbelanjaan sewaan dan selenggaraan kenderaan bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM205.3 juta bagi jumlah 9,377 buah kereta, bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM220.3 juta bagi 9,559 buah kereta dan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM232.6 juta bagi 9,751 buah kereta.

Yang akhir yang dibangkitkan kepada Kementerian Kewangan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim mohon kerajaan menangani masalah para isteri yang mufliis dan ditinggalkan setelah dipergunakan oleh suami untuk membuat pinjaman bagi kegunaan suami. Akta Kebankrapan 1967 memberi perlindungan kepada penjamin sosial iaitu seseorang yang memberi jaminan untuk pinjaman biasiswa atau bantuan untuk tujuan pendidikan atau penyelidikan, transaksi sewa beli untuk kenderaan persendirian atau bukan untuk perniagaan dan perumahan untuk kediaman sendiri.

Dalam hal ini pemiutang tidak berhak untuk memulakan tindakan kebangkrapan melainkan ia dapat membuktikan bahawa ia sudah kehabisan ikhtiar untuk mendapatkan balik semua bayaran yang terhutang oleh peminjam. Tambahan pula untuk memastikan hak dalam kepentingan penjamin sentiasa dilindungi, khususnya bagi pinjaman peribadi sehingga RM250 ribu. Bank Negara Malaysia telah mengarahkan institusi kewangan supaya menggunakan usaha terbaiknya untuk mengutip semula hutang daripada peminjam, sebelum tuntutan boleh dibuat daripada penjamin seperti yang diperuntukkan di bawah garis panduan penerimaan jaminan sebagai cagaran. Sekiranya terdapat institusi kewangan di bawah seliaan Bank Negara Malaysia yang tidak mematuhi peruntukan tersebut, kes-kes berkenaan boleh dikemukakan di Bank Negara untuk tindakan selanjutnya. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas segala jawapan yang diberi tadi dan sekarang kita beralih ke Kementerian Pendidikan. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**11.56 pg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan sektor pendidikan negara. Pada perbahasan kali ini, seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan pelbagai perkara berkaitan pendidikan. Justeru itu, saya akan perjelas dan menjawab isu-isu yang dibangkitkan berdasarkan sebelas fokus seperti berikut:

- (i) penggabungan Kementerian Pendidikan dan pelan transformasi pendidikan;

- (ii) usaha memupuk perpaduan;
- (iii) kurikulum pendidikan;
- (iv) pendidikan Islam di peringkat sekolah;
- (v) merapatkan jurang pendidikan;
- (vi) pembangunan infrastruktur;
- (vii) isu pendidikan tinggi;
- (viii) perjawatan guru;
- (ix) salah laku murid;
- (x) Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris atau MBMMBI; dan
- (xi) isu-isu pendidikan lain.

Penstrukturan Kementerian Pendidikan dan Pelan Transformasi Pendidikan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat telah membangkitkan dan menanyakan tentang penggabungan Kementerian Pendidikan dan langkah penambahbaikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk membangunkan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, penggabungan kedua-dua kementerian ini merupakan lambang keprihatinan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melihat bidang pendidikan menjadi sebagai peneraju utama dalam membangunkan modal insan negara. Secara langsung, akan membolehkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan diseragamkan secara bersepadu, berpaksikan atau satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta berlandaskan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan. Ini juga dapat menyelaraskan serta menyusun pertindihan fungsi dan peruntukan kementerian yang disalurkan oleh kerajaan kepada sektor pendidikan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendidikan merupakan agenda utama pembangunan modal insan negara dan pastinya pelbagai intervensi perlu dilakukan untuk meletakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih baik.

#### ■1200

Oleh itu di bawah transformasi pendidikan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, proses perubahan ini akan merangkumi seawal pendidikan prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini diterjemahkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Usaha ini dapat menjana modal insan dan mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, *proficiency* dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Satu penyelarasan dan penjajaran semula kini sedang dilaksanakan oleh kementerian merangkumi lima perkara utama iaitu:

- (i) akses;
- (ii) kualiti;
- (iii) ekuiti;
- (iv) perpaduan;
- (v) kecekapan.

Melalui langkah ini transformasi pendidikan akan dapat di laksana dengan lebih tersusun dan mencapai matlamat negara menjadikan berpendidikan bertaraf dunia menjelang 2020.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan bagaimana dengan pertindihan tanggungjawab dan peranan di peringkat negeri JPN dan di daerah PPD.

Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan kajian penstrukturan keseluruhan KPM yang melibatkan penyusunan semula fungsi semua peringkat kementerian meliputi bahagian JPN dan juga PPD.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pembahagian fungsi yang jelas di antara bahagian JPN dan PPDW. Di mana setiap fungsi bahagian di KPM akan dilihat secara terperinci bagi menentukan fungsi penggubal, pemantauan dasar untuk dikekalkan di peringkat bahagian. Manakala fungsi pelaksanaan, penguatkuasaan operasi diperturunkan kepada JPN dan PPD bersekali dengan perjawatan yang terlibat selaras dengan hasrat untuk memperkukuhkan JPN dan PPD.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan penstrukturan semula bagi kenaikan pangkat bagi pegawai di PPD dari Gred 44 hingga 54 dengan merujuk kepada pengalaman pegawai guru tersebut akan saya jawab dalam jawapan ini. Selain daripada penyusunan semula Kementerian Pendidikan Malaysia kita juga perlu mengambil kira keputusan-keputusan yang dibuat oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Terutamanya perkhidmatan awam yang kejut, *lean civil service*, dengan izin, pelaksanaan *outcome based budget*, dengan izin, penerapan elemen *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), dengan izin, dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pendekatan-pendekatan yang telah dikenal pasti ialah memastikan segala urusan penstrukturan dan pemantapan organisasi dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan dan pertambahan jawatan sedia ada.

Oleh yang demikian keperluan pengukuhan perjawatan di JPN dan di PPD akan dilaksanakan bersama dengan kajian penstrukturan keseluruhan KPM tersebut iaitu melalui kaedah penempatan semula *redeployment*, dengan izin jawatan-jawatan dari peringkat bahagian. Selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 khususnya di bawah Anjakan 8 - mentransformasikan kebolehpayaan dan kapasiti penyampaian kementerian, terdapat sub inisiatif bagi penempatan pegawai-pegawai berprestasi tinggi di JPN dan PPD. Kementerian Pendidikan Malaysia sedang giat menyusun pelan tindakan dalam menyediakan barisan kepimpinan bagi menerajui JPN dan PPD.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah membangkitkan isu mengenai Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang tidak dapat dicapai. Diharap kegagalan ini tidak berulang dalam pembentukan PPPM. Untuk maklumat Yang Berhormat hampir 300 pelan tindakan bagi semua teras PIPP telah berjaya mencapai prestasi 80 peratus sasaran yang ditetapkan. Dokumen PPPM 2013-2025 turut menilai prestasi mencapai sistem pendidikan dengan mengambil kira secara objektif pencapaian lampau termasuk pencapaian PIPP 2006-2010. Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan selama lima tahun menunjukkan prestasi pencapaian 80 peratus baik bagi setiap teras dengan pencapaian sebenar melepasi sasaran. Kejayaan pelaksanaan PIPP 2006-2010 sebagai setiap teras diukur berdasarkan *indicator* yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya prestasi pencapaian seperti mana yang dikatakan tadi mencapai kejayaan dan sasaran yang ditetapkan.

Kedua usaha memupuk perpaduan. Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Malaysia menerapkan agenda perpaduan dan keharmonian kaum dalam sistem pendidikan. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan usaha memupuk perpaduan dalam kalangan murid semua kaum di negara ini yang dijalankan melalui kurikulum persekolahan melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) murid berkebolehan berinteraksi dengan orang lain, menghormati perasaan serta hak orang lain dan seterusnya membentuk perhubungan yang positif dengan orang dewasa.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah murid diajar memahami, menghayati dan mengamalkan 14 nilai murni sejagat. Nilai-nilai murni sejagat adalah kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hemah tinggi, hormat, kasih sayang, keadilan, toleransi, keberanian, kejujuran, kerajinan, kerjasama dan kesederhanaan. Antara fokus PPPM 2013-2025 adalah berkaitan dengan projek khidmat masyarakat yang diperkenalkan dengan kurikulum sekolah rendah dan menengah. Penekanan dalam Gelombang 2 (2016-2020) bagi memupuk dan mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan nilai murni dalam kalangan murid.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyatakan bahawa tiada integrasi dalam kalangan murid kerana aliran sekolah berbeza-beza.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia mengekalkan aliran sekolah sedia ada. Akan tetapi penekanan terhadap budaya integrasi nasional dalam pendidikan terus diperkukuh. Penekanan terhadap budaya integrasi ini bukan hanya tertumpu pada mata pelajaran yang diajar kepada murid sebaliknya pelbagai aktiviti lain disediakan seperti dalam kelab, persatuan dan badan beruniform, aktiviti sukan dan permainan serta program-program khusus antaranya Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan ataupun dengan ringkas dipanggil RIMUP. Sekolah wawasan...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sebentar, biar saya selesaikan jawapan ini sedikit Yang Berhormat. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sekolah Wawasan, penempatan murid ke sekolah berasrama penuh tanpa mengira negeri kelahiran termasuklah dari Sabah dan Sarawak juga menyediakan kuota kemasukan bumiputera dan bukan bumiputera seperti di matrikulasi. Langkah-langkah ini dilakukan oleh kementerian, ini sudah pasti akan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan murid di negara ini. Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ya. Memandangkan kelakuan seperti Alvin & Vivian dan ucapan dalam *website* yang kebencian antara bangsa-bangsa dalam laman web bolehlah dibacakan oleh semua orang seluruh negara. Jadi dalam ucapan kementerian memang sebetulnya langkah-langkah dan sistem pendidikan kita ada mengajar pelajar supaya pemantauan dikukuhkan tetapi semakin lama perpaduan semakin teruklah. Jadi pandangan daripada kementerian manakah salah pihak yang mengakibatkan keadaan begini? Terima kasih.

■1210

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian akan sentiasa mengambil tindakan sewajarnya dalam proses memperkukuhkan sistem. Akan tetapi saya rasa bila perkara-perkara itu berlaku, ini menjadi tanggungjawab kita semua tanpa mengira agama, latar belakang, bangsa, pegangan politik. Jangan kita satukan dalam proses-proses seperti ini. Kita harus mengajar anak murid kita, kita harus mengajar ahli-ahli parti politik supaya mengamalkan sistem demokrasi yang sedia ada, menghormati pemimpin, menghormati sistem yang sedia. Saya rasa perkara ini tidak berlaku.

Secara ringkas saya rasa yang paling penting ialah tanggungjawab bersama. Kita harus ada tanggungjawab kita untuk memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku dan kita tidak boleh membiarkan ia berlaku. Biarlah isu itu menjadi satu pengajaran kepada semua rakyat Malaysia supaya perkara-perkara yang tidak harus disebut dan dinyatakan, tidak perlu disebut dan dinyatakan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sensitif dan kita sama-samalah memastikan di masa akan datang, masa depan di negara yang bertuah, di bumi yang bertuah ini tidak akan menghadapi masalah-masalah seumpamanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang sekolah wawasan ini. Saya juga menyokong usaha kementerian menubuhkan sekolah wawasan yang bermatlamat utamanya untuk tujuan integrasi murid-murid dari pelbagai sekolah ditempatkan pada satu lokaliti, misalnya di USJ. Akan tetapi tinjauan daripada pihak-pihak tertentu, saya sendiri ada membuat sedikit kajian, matlamat sekolah wawasan ini belum begitu berjaya.



Belum dapat dicapai sebaik yang diharapkan kerana antara sebabnya ialah sesetengah pengetua atau guru besar tidak memberikan kerjasama untuk melaksanakan program-program bersama dengan menggunakan padang yang sama dan sebagainya. Jadi, matlamat Kementerian tidak tercapai dengan adanya sikap sesetengah pengetua yang sedemikian.

Soalan saya ialah bagaimana Kementerian memantau pelaksanaan sekolah-sekolah wawasan ini sebelum ia diperluaskan di tempat-tempat lain yang sepatutnya sudah mantap sekarang ini. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekolah wawasan ini saya setuju. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana memberikan sokongan terhadap pengimplementasian sekolah wawasan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memandang berat untuk mengimplementasikan sekolah wawasan ini. Dalam laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, Bab 7, struktur sistem, kita mengkhususkan bagaimana kita hendak menambah baik sekolah wawasan ini. Apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya ambil pendapat Yang Berhormat dan kita akan terus proses pemantauan ini.

Sekiranya benar-benar ada masalah seumpama ini yang mana ada pengetua-pengetua tidak mengizinkan atau tidak memberikan penggunaan *facilities*, dengan izin, silakan kepada kita di pejabat PPD ataupun Pejabat Pendidikan Negeri. Kita akan mengambil pendekatan untuk mencari penyelesaian yang adil dan saksama supaya semua anak murid dapat menggunakan kemudahan yang ada kerana itulah harapan dan konsep sekolah wawasan. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah sedikit?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Apa masalah sebenar yang sekolah wawasan tidak dilaksanakan lagi? Bagaimana langkah Kementerian supaya sekolah wawasan akan menjadi kenyataan sebab ada sungutan ramai daripada rakyat negara ini yang berkehendakkan sekolah wawasan dibina dengan segera sebab sekolah ini adalah ejen perpaduan nasional. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat terima kasih. Kita akan terus mewujudkan maklumat, kita akan meningkatkan lagi maklumat terperinci, kesedaran bagaimana sekolah wawasan ini dapat mengatasi pelbagai masalah. Saya kagum dengan keprihatinan Yang Berhormat, memang hendak melihat kejayaan sekolah wawasan ini, terima kasih. Saya rasa ramai Ahli Yang Berhormat di sini juga ingin melihat kejayaan sekolah wawasan. Kita juga harus mengambil kira lokasi-lokasi sekolah yang berdekatan kerana ia juga akan menelan kos yang besar untuk mewujudkan satu sekolah dengan pelbagai kemudahan dan sebagainya. Sekolah-sekolah yang sedia ada kita boleh dekatkan. Banyak isu-isunya tetapi kita komited. Oleh kerana itulah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan kita telah spesifik dalam struktur, Bab 7, spesifik bagaimana kita hendak meneruskan kejayaan sekolah wawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sambung...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Minta celah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi yang berminat untuk mencelah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak sentuh sedikit tentang isu perpaduan antara kaum. Ini kerana saya rasa perpaduan ini, *attraction among* kaum ini memang sepatutnya lebih baik bermula daripada Darjah 1 ataupun di sekolah. Ini memang penting sekali tapi saya dapati sekarang ada banyak sekolah di mana nisbah kaum itu berlainan betul dari segi demografi rakyat. Seperti saya baca di akhbar Sekolah Pristina 1,300 murid-murid, hanya lebih kurang 30 atau 40 orang yang bukan orang Melayu. Jadi, kenapa kita dapati sekolah yang begitu berlainan daripada nisbah demografi. Kalau sekolah itu terlalu eksentrik satu kaum ini, bagaimana kita hendak mencapai perpaduan antara kaum dari segi permulaan di sekolah-sekolah.

Jadi, saya hendak tahu sama ada kementerian sedang mengkaji tentang bagaimana perkara ini terjadi dan apakah langkah-langkah seperti buat *balance*, semua kaum ada di sekolah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian tidak boleh memaksa ibu bapa menghantar anak mereka ke satu sekolah yang spesifik. Mungkin di sekolah itu ada sekolah Tamil dan sekolah jenis kebangsaan Cina yang berdekatan. Itu hak ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka di sekolah tersebut. Pilihan untuk memilih sekolah ini terpulang kepada ibu bapa. Kalau ibu bapa ingin menghantar anaknya ke sekolah kebangsaan, kita tidak ada halangan. Sama juga kepada sekolah SJK(C) ataupun SJK(T) kerana ini proses pembelajaran yang sedia ada. Akan tetapi kita akan terus memantau sekiranya ada cara-cara untuk kita melaksanakan input yang baru kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Saya akan teruskan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tambah sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh saya sambung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sedikit, sedikit.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Banyak kerana banyak saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kemudian, kemudianlah. Nanti saya bagi peluang. Banyak lagi ini, ada 54 muka surat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Mungkin selepas habis menjawab nanti Yang Berhormat boleh mencelah. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada 54 muka surat Yang Berhormat. Saya akan bagi peluang untuk mencelah, *no problem*, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Seterusnya, Yang Berhormat Sentor Dr. Syed Husin Ali terus memberi cadangan supaya *syllabus* yang sedia ada perlu diperbaiki dengan memasukkan mata pelajaran kebudayaan bagi menggalakkan pelajar mengenal budaya kaum yang lain. Unsur kebudayaan bagi menggalakkan murid mengenal budaya antara kaum diajar melalui Pendidikan Muzik. KSSR Tahun 1, memperkenalkan lagu Cina untuk semua sekolah termasuk SK dan SJK(T). KSSR tahun dua, memperkenalkan lagu Tamil di semua sekolah termasuk SK dan SJK(C). KSSR Tahun 3, semua murid mempelajari lagu perayaan seperti lagu perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali. Murid juga mempelajari apresiasi muzik. Murid diperkenalkan dengan lagu etnik dari Sabah dan Sarawak.

Murid juga mempelajari asal usul muzik tradisional yang berdaftar di Malaysia serta pengaruh budaya yang terdapat di dalamnya, perkaitan Melaka sebagai pelabuhan terkenal di kurun ke-14, contohnya. Ghazal dari Johor, pengaruh budaya adalah biola barat, gambus daripada Arab, tabla dari India dan harmonium juga dari India, dondang sayang, Melaka, pengaruh budaya adalah gendang Melayu, biola Barat, gong Cina, akordion Barat, penyanyi Baba.

#### ■1220

Semua ini diperkenalkan. Dalam Pendidikan Moral, untuk menjadikan mata pelajaran Pendidikan Moral lebih berkesan dan membawa perubahan moral khususnya, mengenali pelbagai kaum. Selain daripada menekankan aspek nilai, beberapa pendekatan telah dilaksanakan dalam *syllabus* Pendidikan Moral antaranya kandungan di dalam mata pelajaran Pendidikan Moral terdiri daripada pelbagai isu termasuk isu kepelbagaian budaya mengikut kaum yang dinyatakan secara eksplisit dan dibincangkan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Isu ini dinyatakan secara berulang kali di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, guru digalakkan untuk menggunakan isu yang menggalakkan murid mengenali budaya kaum lain. Dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral, murid mesti mengamalkan nilai-nilai yang dipelajari ketika mengendalikan aktiviti simulasi yang berkaitan dengan amalan budaya kaum lain. Melalui pendekatan-pendekatan ini, elemen kebudayaan masyarakat Malaysia dapat dipupuk dan diamalkan.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun bin Haji Mat Amin mencadangkan supaya Rukun Negara perlu diterapkan di institusi pendidikan serta dicadangkan juga Rukun Negara dibaca pada setiap minggu di sekolah. Saya telah menjawab soalan ini secara lisan minggu lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat, matlamat Rukun Negara yang diterapkan adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warga negara Malaysia dan warga dunia.

Di peringkat sekolah rendah, Rukun Negara di bincang dalam mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan KBSR Tahun 4 yang sedang dilaksanakan kini di bawah tema "Malaysia negaraku". Di peringkat sekolah menengah komponen ini juga ditekankan dalam mata pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 5 di bawah tajuk Pembangunan dan Perpaduan Untuk Kesejahteraan. Melalui pengetahuan dan penghayatan Rukun Negara, murid diberi penjelasan tentang dasar pengenalan Rukun Negara dan peranannya dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara.

Isu ketiga, kurikulum pendidikan. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bertanyakan langkah dan kaedah KPM bagi memastikan mata pelajaran Matematik dan Sains meningkat dari segi kualiti pencapaian murid setanding dengan negara maju. Kemosrotan pencapaian murid berkait rapat dengan keupayaan mereka menjawab soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi. Antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani isu kualiti murid adalah dari segi pengajaran dan pembelajaran. Kementerian Pendidikan Malaysia akan memberi fokus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Langkah yang dilaksanakan untuk memahami KBAT seperti taklimat kepada semua guru Sains dan Matematik. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah dijalankan di 39 pusat dan melibatkan 4,813 guru sains dan matematik termasuk pegawai JPN dan PPD. Peserta juga diberi pendedahan mengenai status pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA soalan KBAT. Selain daripada taklimat kepada semua guru sains dan matematik, kementerian juga mengadakan sesi seperti penaksiran kompetensi dan literasi (PKL), taklimat-taklimat kepada pengetua, kursus peningkatan profesionalisme guru, Pembangunan Bahan Sumber KBAT, bimbingan dan pemantauan, merupakan di antara aspek-aspek yang telah kita ambil guna dan akan selaraskan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mencadangkan supaya murid diberi peluang untuk belajar bahasa yang lain seperti bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil. Benar. Untuk maklumat Yang Berhormat, di semua peringkat persekolahan diberi peluang untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran teras dan bahasa Cina dan bahasa Tamil mata pelajaran elektif dan juga bahasa antarabangsa seperti bahasa Arab, Perancis, Jerman, Jepun dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal mohon kaji semula Pendidikan Moral di sekolah Tamil. Untuk makluman Yang Berhormat, kurikulum pendidikan moral yang sedia ada iaitu di bawah KBSR telah dikaji dan dibuat beberapa perubahan mengikut Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan mulai tahun 2011. Antara perubahannya adalah menyusun dan memperincikan nilai utama yang diterapkan kepada murid sekolah rendah termasuk murid sekolah Tamil.

Kurikulum Standard Pendidikan Moral Sekolah Rendah digubal mengikut tema. Ia mengandungi enam tema yang menjadi wahana untuk menyampaikan nilai-nilai universal. Penggubalan tema ini mengambil kira struktur hubungan murid dengan persekitarannya. Seperti contoh tema-tema tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 1 - temanya "Diri Saya";
- (ii) Tahun 2 - "Saya dan Keluarga";
- (iii) Tahun 3 - "Saya dan Sekolah";

- (iv) Tahun 4 - "Saya dan Jiran";
- (v) Tahun 5 - "Saya dan Masyarakat"; dan
- (vi) Tahun 6 - "Saya dan Negara".

Bagi membolehkan nilai-nilai universal dipupuk secara berterusan dalam diri murid, nilai yang sama di ajar setiap tahun iaitu daripada Tahun 1 hingga Tahun 6. Walaupun nilai itu diulang, tema dan standard kandungan kurikulum adalah berbeza selaras dengan tahap perkembangan dan kematangan murid-murid sekolah tersebut.

Yang Berhormat Senator Pua Hajah Maryani binti Mohammad Yit bertanya perlukah guru yang sama mengejar murid dari Tahun 1 hingga Tahun 6 untuk memastikan PBS berjalan dengan lancar untuk kesinambungan PDP serta mengekalkan kecemerlangan guru dan murid? Secara spontan ataupun secara dasarnya tidak perlu. Semua guru adalah guru yang terlatih yang telah menerima latihan mengendalikan pelaksanaan PBS. Laporan melalui Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) mempunyai maklumat dan data perkembangan murid serta pencapaian murid. Mana-mana guru yang mengajar murid boleh mengesan dan memantau perkembangan murid yang diajar.

Yang keempat ya, kita pergi ke topik yang keempat, mengenai Pendidikan Islam. Yang Berhormat Senator Hajah Rohani binti Abdullah bertanyakan bilangan guru j-QAF di sekolah di seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini bilangan guru j-QAF di seluruh negara adalah seramai 21,971 orang. Daripada jumlah tersebut, 16,575 orang telah dilantik, 2,350 orang dalam lantikan dan 3,046 guru akan dilantik secara interim. Apakah langkah-langkah memperkasakan j-QAF? Yang Berhormat Senator, bagi memperkasakan program j-QAF, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

- (i) taklimat program j-QAF secara menyeluruh kepada pelaksana program tersebut sehingga ke peringkat akar umbi yang melibatkan JPN, PPD, pentadbir sekolah dan guru Pendidikan Islam;
- (ii) pemantauan ke atas pelaksanaan j-QAF di JPN, PPD dan sekolah;
- (iii) penambahbaikan modul PDF j-QAF;
- (iv) latihan dan kursus dan semasa ke semasa kepada guru j-QAF dan semua guru Pendidikan Islam. Ia juga akan membuat laporan pencapaian prestasi murid JKAP sebanyak dua kali setahun bagi mengesan pencapaian dan keberkesanan program j-QAF; dan
- (v) melaksanakan kajian keberkesanan program j-QAF termasuklah secara kerjasama dengan IPTA dan agensi luar yang berkaitan dan juga mengadakan seminar dan perbincangan tentang isu-isu pelaksanaan program j-QAF bagi memantapkan pelaksanaan program j-QAF.

Cadangan murid sekolah rendah yang beragama Islam diwajibkan membaca surah-surah lazim setiap pagi sebelum memulakan kelas. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti membaca surah lazim telah pun diamalkan di sekolah-sekolah tertentu mengikut kesesuaian sekolah masing-masing.

Sama ada program j-QAF akan diteruskan di peringkat menengah? Buat masa ini belum lagi. Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia menumpukan usaha menyelesaikan isu-isu pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah terlebih dahulu seperti isu kefahaman terhadap pelaksanaan program j-QAF, perjawatan guru, model dan modul dan sebagainya, sebelum meneliti kesesuaian di peringkat menengah.

Soalan, sejauh manakah kebenaran terdapat sekolah aliran Syiah di negara kita? Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana dalam sistem pendidikan kebangsaan, kementerian tidak mewujudkan sekolah Syiah ataupun aliran Syiah.

## ■1230

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menanyakan terdapat kajian yang dilaksanakan di beberapa...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh saya mencelah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Sebentar. Boleh saya jawab... okey. Dipersilakan Yang Berhormat sebelum saya jawab soalan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa, memang saya yakin memang kerajaan tidak menubuhkan sekolah Syiah di Malaysia. Itu bertentangan dengan konsep yang telah diterima oleh kita, Malaysia sebagai negara Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi apa yang disuarakan ialah ada sekolah-sekolah yang ditubuhkan secara sendiri atau *private school* yang telah ditubuhkan oleh mereka termasuk juga Maahad Tahfizul Quran. Jadi saya ingin tahu, adakah perkara ini ada dalam pemantauan pihak kementerian? Kalau ada, saya ingin tahu apa tindakan yang telah diambil.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, seperti mana yang telah saya jawab tadi, sekolahnya tidak ada, alirannya tidak ada. Sekiranya ada, proses pemantauan ini akan dilakukan oleh JAKIM dan kita di kementerian akan memberi kerjasama untuk JAKIM untuk melaksanakan apa yang perlu dilaksanakan tetapi sekiranya ada isu-isu ini, saya cadangkan kepada Yang Berhormat untuk beri maklumat secara terperinci kepada JAKIM supaya mereka dapat membuat pemantauan ini secara terperinci. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya sambung, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed menyatakan terdapat kajian yang dilaksanakan di beberapa buah sekolah menunjukkan 38 peratus pelajar sangat lemah penguasaan solat dan buta al-Quran. Apakah usaha kementerian mengatasi masalah tersebut? Saya difahamkan kajian ini dilakukan di Terengganu oleh pihak luar. Kementerian Pendidikan Malaysia setuju ada kelemahan tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan program j-QAF bertujuan untuk memastikan murid sekolah rendah khatam al-Quran, menguasai bacaan dan tulisan jawi, menguasai asas bahasa Arab dan mampu menunaikan solat dengan sempurna.

Laporan pencapaian program tersebut mendapati penguasaan murid dalam semua kemahiran j-QAF sangat baik termasuk aktiviti amali solat dan pembacaan al-Quran. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2005 sehingga sekarang. Kementerian Pendidikan Malaysia amat berharap dan menghargai peranan masyarakat dan ibu bapa dalam menjayakan program ini.

Cadangan supaya subjek Pendidikan Islam dijadikan subjek wajib lulus di dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Walaupun mata pelajaran Pendidikan Islam tidak dijadikan mata pelajaran wajib lulus dalam mana-mana peperiksaan awam di negara ini, namun mata pelajaran tersebut adalah mata pelajaran teras dan wajib dipelajari oleh murid Islam sebagaimana yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Untuk memastikan pemilihan guru Pendidikan Islam dalam kalangan yang benar-benar menguasai hal ehwal pendidikan Islam, Yang Berhormat, dalam pemilihan guru Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia amat teliti khususnya berkaitan kelayakan calon guru Pendidikan Islam seperti dalam seksyen 51, Akta Pendidikan 1996.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat bertanyakan jumlah sekolah yang menawarkan aliran agama. Untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan 57 sekolah menengah kebangsaan agama dan 2,390 kelas aliran agama dengan jumlah murid seramai 62,590 orang di sekolah menengah harian. Pada masa kini, terdapat 198 buah sekolah agama bantuan kerajaan. Selain daripada itu, terdapat juga sekolah agama negeri, sekolah agama rakyat dan sekolah agama swasta yang bukan bawah kendalian Kementerian Pendidikan Malaysia.

Apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjadikan SABK pilihan utama? Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa membuka peluang kepada sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri untuk mendaftar sebagai SABK.

Langkah-langkah promosi dilakukan secara berterusan untuk memberi keyakinan kepada sekolah-sekolah berkenaan mendaftar sebagai SABK. Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah berjaya mendaftarkan sebanyak 198 buah SABK.

Soalan apakah perancangan KPM agar sekolah agama di luar KPM mendapat perhatian dan bantuan daripada kerajaan. Kementerian Pendidikan Malaysia amat menyedari sekolah agama di luar KPM ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia masih memerlukan bantuan. Justeru, dengan jumlah peruntukan sedia ada, bantuan ihsan boleh dipertimbangkan berdasarkan *case-by-case*, dengan izin, berdasarkan kepada permohonan daripada sekolah agama yang benar-benar memerlukannya.

Bagi membolehkan sekolah agama mendapat bantuan yang lebih baik seperti mana yang dinikmati oleh sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang lain, Kementerian Pendidikan Malaysia menggalakkan sekolah agama terutamanya sekolah agama rakyat agar mendaftar sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. Dengan berbuat demikian, sekolah agama yang menikmati bantuan pembangunan dan pembaikan kecil, utiliti, kebersihan kawasan, kawalan keselamatan, makanan asrama bermasak, guru yang berkeelayakan dan mencukupi, bantuan geran per kapita, mata pelajaran bagi pelaksanaan aktiviti pengukuhan, bantuan buku teks, penilaian yang bersistematik dan sebagainya.

Yang Berhormat meminta mengkaji semula sukatan Pendidikan Islam agar dimasukkan juga unsur yang boleh menjadikan perpaduan dan rasa cintakan kaum. Sukatan Pendidikan Islam telah memasukkan unsur yang boleh mewujudkan perpaduan dan rasa cinta kaum. Antara tajuk yang berkaitan dengan perkara tersebut ialah, ada lima perkara:

- (i) memahami surah berkaitan hubungan antara kaum;
- (ii) pemaaf;
- (iii) kasih sayang;
- (iv) adab berkomunikasi; dan,
- (v) adab kejiranan.

Saya terus ke topik lima iaitu Merapatkan Jurang Pendidikan. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul dan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali bertanyakan usaha kementerian dalam merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan di luar bandar daripada segi infrastruktur serta kemenjadian murid.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, usaha bagi merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar adalah satu langkah berterusan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan murid-murid dan guru-guru di kawasan luar bandar mendapat kemudahan pendidikan dan kebajikan yang sama dengan murid-murid dan guru-guru di kawasan bandar. Merapatkan jurang pendidikan telah menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang mana Kementerian Pendidikan Malaysia memberikan fokus dalam menyediakan kemudahan asas infrastruktur serta kemudahan bekalan air bersih, bekalan elektrik 24 jam...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya celah sedikit?

**Tuan P. Kamalanathan a/ P.Panchanathan:** Sebentar, sebentar Dato'. Bekalan elektrik 24 jam, kemudahan asrama dan rumah guru. Manakala dalam tempoh RMKe-10 (2011-2015), Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan fokus bagi memantapkan infrastruktur fizikal institusi pendidikan dan meningkatkan kemudahan fizikal serta kemudahan asas yang melibatkan keperluan bilik darjah dan juga kemudahan rumah guru terutama di kawasan luar bandar di seluruh negara terutama di Sabah dan Sarawak.

Dalam menyediakan kemudahan asas serta keperluan mendesak bilik darjah, rumah guru dan asrama di kawasan luar bandar, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pembinaan berkonsepkan kabin bagi mengurangkan jurang digital di antara pelajar bandar dan luar bandar. Kementerian Pendidikan Malaysia telah membina pusat akses dan projek makmal komputer bagi meningkatkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran PDP manakala bagi menyediakan jalan raya, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensy berkaitan khususnya pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri.

Dalam usaha merapatkan jurang pendidikan antara murid pula, sebanyak 70 peratus tempat di sekolah berasrama penuh diperuntukkan kepada murid luar bandar, pedalaman dan murid miskin. Pencelahan tadi, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya mengalu-alukanlah usaha Kementerian melaksanakan PIPP sebelum pelan yang ada sekarang. Dalam ucapan saya, saya meminta supaya kita secara jujur mengakui PIPP itu banyak yang gagal. Bukan gagallah, gagal terlalu keras barangkali. Banyak sasaran PIPP yang tidak tercapai dan kita tidak menyalahkan satu pihak dalam hal ini.

■1240

Sebaliknya saya hanya meminta supaya Kementerian dengan ikhlas belajar daripada 'kekurangcapaian' PIPP itu untuk memastikan supaya pelan baru ini mencapai prestasi yang jauh lebih tinggi daripada PIPP itu. Poin utama saya Yang Berhormat ialah supaya dibentuk satu kaedah pemantauan yang berkesan. Jangan hanya menggunakan statistik yang kadang-kadang boleh mengelirukan. Berulang-ulang Yang Berhormat menyebut telah membuat ini, telah membuat itu tetapi apa kesan daripada pembuatan itu? Itu yang saya rasa perlu diberi perhatian dengan ikhlas.

Seperti yang saya katakan bahawa pelan baru ini dibuat sebenarnya adalah lanjutan daripada pengakuan secara ikhlas tentang PIPP itu masih banyak yang perlu dicapai. Jadi harapan saya supaya PIPP yang lama tahun 2006 hingga tahun 2010 itu dikaji balik di mana silap salahnya. Umpamanya saya terlibat dalam teras pertama pembangunan pembinaan negara bangsa. Saya terus saja saya antara orang yang tidak popular dalam usaha-usaha memantau pelaksanaan teras pertama pembangunan negara bangsa itu. Sekali lagi yang penting ialah pemantauan yang lebih sistematik, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Masalahnya tadi Yang Berhormat, awal-awal saya sudah jawab soalan Yang Berhormat tapi masa itu Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan. *In fact*, dengan izin, topik pertama saya penggabungan Kementerian Pendidikan dan Pelan Transformasi Pendidikan menyentuh semua aspek yang telah Yang Berhormat timbulkan dan saya telah menjawab secara terperinci...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh? Saya telah minta izin Tuan Yang di-Pertua tadi kerana ada *doctor appointment*.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Bukan, saya tidak menyalahkan sesiapa, memang itu penting kerana kesihatan Yang Berhormat sangat penting untuk Dewan ini juga. *So* saya hanya untuk memberi penjelasan dan sudah jawab tapi saya boleh kemukakan apabila *Hansard* itu keluar, mungkin Yang Berhormat boleh baca tapi kita ambil kira pencapaian itu dan dalam laporan atau pun dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini kita ambil kira semua pengalaman, enam struktur teras yang telah diamalkan di PIPP. Semua itu kita ambil kira dan kita akan buat yang terbaik untuk masa depan anak murid negara kita. Terima kasih Yang Berhormat. Dengan izin saya akan teruskan sambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mengatakan bahawa tahap penguasaan Matematik dan Sains menurun di sekolah kebangsaan berbanding di sekolah aliran Cina yang pencapaiannya lebih tinggi. Secara keseluruhan memang diakui pencapaian Matematik dan Sains di sekolah aliran Cina agak lebih baik berbanding sekolah kebangsaan. Namun, usaha telah dan sedang dilakukan bagi memperkasakan sekolah kebangsaan termasuklah penekanan terhadap pencapaian murid dalam Matematik dan Sains terutama bagi sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman yang kebanyakannya adalah sekolah kebangsaan.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul membangkitkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengiktiraf sekolah berprestasi tinggi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang hendak mencelah sebelah sini.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya ada menyentuh tentang cadangan supaya suatu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji kaedah-kaedah mengajar dan belajar Sains dan Matematik bukan sahaja di sekolah Cina dalam negara tetapi juga di luar negara yang baik-baik seperti Korea, Singapura dan sebagainya. Apakah pandangan kementerian dalam hal itu, terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan-cadangan yang akan dapat menambah baik sistem pengajaran akan sentiasa kita terima, kita akan melihat cadangan tersebut, apa juga cadangan yang dapat menambah baik mutu pendidikan Malaysia, kita terbuka. Akan tetapi kita harus memastikan bahawa apa-apa perancangan dilaksanakan itu menepati keperluan anak murid kita. Ini yang sangat penting. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya sambung balik. Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul, pengiktirafan sekolah yang berprestasi tinggi terutama kepada sekolah yang berjaya dalam akademik dan kokurikulum serta sekolah di kawasan pedalaman. Yang Berhormat Senator, bagi meningkatkan prestasi dan kecemerlangan sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia memang mengiktiraf sekolah cemerlang melalui dua kategori pengiktirafan iaitu Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT). Sehingga Julai 2013, terdapat 203 Sekolah Kluster Kecemerlangan dan 91 Sekolah Berprestasi Tinggi termasuk SBT di luar bandar dan pedalaman.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul juga membangkitkan capaian *internet* spesifik sebagai 1BestariNet perlu diberi keutamaan di sekolah luar bandar. Capaian *internet* berperanan memudahkan urusan seperti e-Hadir, e-Pangkat, HRMIS. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebelum 1BestariNet diadakan, capaian *internet* adalah pada kadar 1mbps pada 256kbs sahaja. Projek 1BestariNet adalah merupakan salah satu usaha kerajaan untuk membolehkan institusi pendidikan amnya dan murid-murid khususnya mendapat akses kepada maklumat selain terlibat sama dalam pencapaian penciptaan kandungan pendidikan.

Kemudahan jalur lebar yang disediakan di sekolah ini adalah berasaskan kepada teknologi 4G dengan kelajuan minima 4mbps sehingga kelajuan maksima sebanyak 10mbps. Kemudahan capaian 1BestariNet tidak hanya terhad di makmal komputer sahaja tetapi meliputi seluruh kawasan sekolah sama ada menggunakan sambung infrastruktur LAN sedia ada atau kaedah lain yang merangkumi bilik darjah, pejabat pentadbiran, bilik guru, makmal komputer, pusat sumber dan pusat akses sekolah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pemasangan 1BestariNet telah dilaksanakan tanpa mengambil kira sama ada sekolah tersebut berada di kawasan bandar dan luar bandar. Data pemasangan sehingga 31 Mei 2013 menunjukkan sejumlah 4,897 sekolah luar bandar dan 2,676 sekolah bandar telah dibuat pemasangan 1BestariNet. Ini terkini yang 4,897 dan 2,676 sehingga 24 Julai 2013, terkini maklumat ini.

Pelaksanaan ini memberi akses yang sama rata kepada semua sekolah yang apabila mereka menggunakan teknologi yang sama dan akses kepada platform pembelajaran yang sama. Murid tanpa mengira sama ada mereka berada dalam kawasan bandar ataupun luar bandar akan terus beroleh akses yang sama kepada bahan pembelajaran yang berkualiti serta peluang untuk menjalankan kolaborasi serta perkongsian menerusi platform pembelajaran aplikasi *virtual learning environment* dengan izin. 1BestariNet berasaskan pengkomputeran awan dengan izin, *cloud computing*. Ini sudah pasti akan mengurangkan jurang pencapaian serta jurang digital antara pelajar bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit membangkitkan menanyakan apakah status *SchoolNet* sekarang. Adakah pertindihan fungsi di antara 1BestariNet dan *SchoolNet*? Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan capaian *internet* di semua sekolah di seluruh negara. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia sedang memperluaskan perkhidmatan capaian *internet* melalui projek 1BestariNet secara berperingkat-peringkat bagi menggantikan *SchoolNet* di semua sekolah. *SchoolNet* telah dihentikan sejak Disember 2010. Walau bagaimanapun, semasa proses interim, sekolah telah dirangkaikan dengan interim *School Broadband*. Untuk maklumat Yang Berhormat, sebanyak 7,573 sekolah telah dirangkaikan dengan rangkaian 1BestariNet sehingga kini dan selebihnya masih dirangkaikan dengan *School Broadband*.



Untuk soalan Yang Berhormat, berapa buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mendapat manfaat daripada program 1BestariNet? Jawapannya semua 294 sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dipasang dengan infrastruktur 1BestariNet dengan kelajuan capai *internet* 4mbps hingga 10mbps.

■1250

Topik keenam, pembangunan infrastruktur. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh memohon Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil berat dengan infrastruktur di sekolah Tamil. Perlu ada *implementation timeline*, dengan izin, supaya sekolah Tamil sama taraf dengan sekolah-sekolah lain dalam tempoh lima tahun akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memastikan pendidikan bagi masyarakat India khususnya di SJK(T) tidak diabaikan. Dalam peningkatan pembelajaran dan pengajaran (P&P) di Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak RM153.69 juta telah diperuntukkan bagi membina dan menaiktarafkan sebanyak 514 SJK(T) di seluruh negara. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan projek penyelenggaraan di bawah program Pakej Rangsangan Khas 2012 di seluruh negara di bawah skop penyelenggaraan bangunan dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM100 juta. Program Pakej Rangsangan Khas diteruskan dengan menyediakan RM100 juta lagi untuk tahun 2013.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyalurkan peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus (ABM) kepada sekolah jenis kebangsaan Tamil setiap tahun. Pada tahun 2008 sejumlah RM552.85 juta telah diperuntukkan. Pada tahun 2009 pula sebanyak RM615.13 juta diperuntukkan. Pada tahun 2010 pula sebanyak RM456.72 juta telah diperuntukkan dan peruntukan tersebut bagi tahun 2011 dan 2012 terus meningkat kepada RM584.38 juta dan RM642.82 juta masing-masing.

Di samping itu, manifesto "Kerajaan Prihatin", Kerajaan Barisan Nasional semasa PRU ke-13 salah satu tumpuan khas kepada pembangunan SJK(T) ialah menukar status sekolah jenis kebangsaan Tamil kepada sekolah penuh bantuan kerajaan jika sekolah berkenaan ingin berbuat demikian.

Yang Berhormat Senator juga merayu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri agar GLC menyelesaikan masalah sekolah Tamil dan menukar status sekolah Tamil yang terletak di atas tanah milik GLC supaya layak menjadi sekolah bantuan penuh. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan sama sekali bagi mana-mana SJK(T) yang ingin bertukar status daripada sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, asalkan memohon untuk pertukaran tersebut dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebagai sekolah kerajaan.

Permohonan bertukar status sekolah diubah boleh dibuat. Saya minta izin untuk mengulanginya. Permohonan bertukar status sekolah boleh dibuat oleh lembaga pengelola sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru selepas mendapat persetujuan daripada semua pihak yang berkepentingan ke atas sekolah yang berkenaan. Bagi sekolah yang berada di atas tanah milik GLC atau syarikat perladangan, maka pihak pemohon iaitu sekolah perlu mengemukakan permohonan untuk menjadikan tanah berkenaan milik Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu, sebelum membuat permohonan pertukaran status kepada sekolah kerajaan. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa terbuka untuk perbincangan dengan pihak syarikat ataupun GLC supaya menyerahkan tapak tanah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pembangunan sekolah SJK(T).

Untuk soalan berapa banyakkah sekolah Tamil yang belum ada prasekolah dan apakah perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pelaksanaan prasekolah di sekolah Tamil? Daripada 523 SJK(T) sedia ada sebanyak 175 SJK(T) mempunyai prasekolah dengan 221 kelas. Jumlah tersebut telah memberi peluang kepada 4,739 murid prasekolah di SJK(T).

Untuk soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed, sediakan kemudahan solat yang lengkap di setiap sekolah seperti surau dan bilik sembahyang. Kementerian sentiasa mengambil berat terhadap masalah kemudahan infrastruktur sekolah yang dipantau menerusi saluran JPN, PPD dan aduan yang dikemukakan.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2012 kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta bagi pelaksanaan projek-projek pembinaan surau di sekolah-sekolah yang mendapat telah kelulusan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya topik ketujuh isu pendidikan tinggi...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya minta mencelah.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Saya pun minta mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua orang yang hendak mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Topik yang baru atau topik yang awal?

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Topik yang dibincangkan tadi.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Saya rasa soalan saya tadi mengenai pra sekolah yang belum dilaksanakan itu, apakah *target* kementerian untuk pelaksanaan sekolah ini tidak dijawab. Lagi satu ialah pandangan saya mengenai bajet tambahan untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah Tamil sebanyak RM100 juta ini memang baik, akan tetapi ia akan memakan masa yang lama, 10 hingga 15 tahun, supaya kesemua sekolah-sekolah ini mempunyai taraf yang sama.

Ini kerana akses di dalam Pelan Transformasi Pendidikan yang baru ini akses yang sama untuk semua sekolah diberi keutamaan. Jadi saya hendak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju tidak jika kita tidak mempercepatkan dengan cara yang lain, sekolah Tamil ini akan mengambil masa yang lama, tidak boleh dalam masa dua, tiga atau lima tahun untuk disamatarafkan. Setuju tidak, kalau tidak macam mana cadangan hendak mempercepatkan taraf sekolah-sekolah Tamil ini sama taraf dengan sekolah-sekolah kebangsaan dalam tempoh masa yang singkat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Seterusnya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai keselamatan, kesihatan dan infrastruktur sekolah-sekolah iaitu keselamatan anak-anak murid kita di makmal-makmal sekolah. Di mana tiga sekolah tersebut makmalnya meletup dalam tahun 2013 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Untuk jawapan Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh, kementerian memang bercadang untuk mempercepatkannya. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia bekerjasama rapat dengan pucuk pimpinan MIC, Presiden dan Timbalan Presiden telah mengemukakan cadangan-cadangan bagaimana kita dapat mempercepatkannya. Kita amat prihatin di atas keperluan SJK(T) dan jangan khuatir kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkan proses untuk menambahbaikkan ataupun menambahkan lagi akses dan status sekolah Tamil. Itu memang tidak lari daripada hasrat murni Kerajaan Barisan Nasional. Kita akan sentiasa menggunakan dengan izin, *Polling Plan* untuk memastikan penambahbaikkan ini diteruskan.

Dalam aspek soalan Yang Berhormat tentang prasekolah. Kita ada mempunyai satu *target* dan *target* tersebut sebelum akhir tahun ini dan kita di dalam proses untuk mencapai *target* tersebut. Kita sedang menggalakkan dan memberi bantuan yang sewajarnya kepada sekolah-sekolah, menggalakkan malah memberi galakan kepada sekolah-sekolah untuk mewujudkan prasekolah ini. Respons daripada sekolah-sekolah ini amat baik. Kita menerima baik dan kita di kementerian akan sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan-keperluan tersebut dari semasa ke semasa. Jangan khuatir Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan prihatin dan akan memberikan pembangunan kepada semua sekolah di negara ini tanpa mengira agama, bangsa dan juga latar belakang.

Yang Berhormat Senator meminta tentang makmal yang meletup? Saya sudah minta pegawai saya untuk memberikan penjelasan terperinci kerana itu subjek spesifik, tidak ditanya di dalam soalan semasa hujah dasar tadi. Ada tanya?

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya mohon maaf, saya akan...

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Dalam ucapan saya, saya ada menyebutkannya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan suruh- mungkin ada nanti jawapannya, tetapi kalau tidak ada nanti saya akan uruskan untuk memberikan jawapan secara bertulis. Saya mohon maaf ya. Saya balik kepada jawapan-jawapan. Isu pendidikan tinggi, topik ketujuh.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat membangkitkan isu Malaysia menjadi tumpuan pelajar antarabangsa termasuk daripada Iran. Adakah kedatangan mereka dikenal pasti tidak menyebarkan ajaran Syiah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan waktu kita sekarang sudah tepat pukul 1 tengah hari, maka saya tangguhkan Dewan dan kita akan bersambung semula pada jam 2.30 petang nanti. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung lagi. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Speaker.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, sekarang kita sambung semula jawapan daripada kementerian. Dalam rekod ini nampaknya Kementerian Pendidikan sedang memberi jawapan. Saya berharap Yang Berhormat, kalau boleh cuba teruskan apa Yang Berhormat catatkan tetapi cuba *brief* kerana kita ada 23 kementerian hendak jawab. Kita hanya ada hari ini dan esok sahaja. Bagi semua Ahli Yang Berhormat, proaktif dan tentukan apa Yang Berhormat bangkitkan tempoh hari, tentukan ada dijawab. Kalau tidak, bangun untuk menarik perhatian. Sekian.

Sekarang saya mulakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pendidikan. Teruskan.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Minta maaf. Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab ke satu bab yang lain, saya cuma hendak tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa ada satu soalan saya yang belum dijawab oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, beliau sedang ada dengan kita. Nanti kalau ada apa...

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Ya, ya. Beliau sudah hendak pergi ke tajuk yang lain Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan itu Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya rasa dalam Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris atau MBMMBI bagi menggantikan PPSMI, saya ada tanyakan, apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai sejak dasar ini dilaksanakan? Terutama dalam memastikan Bahasa Kebangsaan dapat dimartabatkan di samping dapat memastikan pelajar terus dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik, yang selaras hasrat di bawah anjakan kedua dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Saya ada tanya soalan, adakah KPM juga tidak berhasrat untuk mengembalikan penggunaan istilah Bahasa Melayu menggantikan Bahasa Malaysia seperti yang termaktub di dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2.34 ptg.**

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin saya menyambung ucapan ataupun jawapan-jawapan saya. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, sebenarnya seperti mana yang telah saya beri dalam mukadimah saya tadi, ada 11 topik. Saya baru topik yang keenam. Saya akan pergi topik ketujuh.

Topik Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) topik nombor 10. Sabar ya. Kalau tidak terjawab nanti *then* Yang Berhormat boleh beri peringatan kepada saya seperti yang telah dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan izin, saya mulakan jawapan saya.

Isu seterusnya isu pendidikan tinggi. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat telah membangkitkan isu Malaysia menjadi tumpuan pelajar antarabangsa termasuk dari Iran. Adakah kedatangan mereka dikenal pasti tidak menyebarkan ajaran Syiah? Yang Berhormat Senator, kerajaan memandang serius terhadap isu ini. Walaupun setakat ini tiada kes yang dikesan dan dilaporkan mengenai penyebaran ajaran Syiah dalam kalangan pelajar antarabangsa termasuk dari Iran, walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus membuat pemantauan di semua IPT dan akan merujuk dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab seperti JAKIM untuk tindakan sewajarnya.

Di atas soalan bilangan pelajar asing yang belajar di Malaysia, bimbang kemasukan mereka memberi kesan negatif. Yang Berhormat, sehingga bulan Disember 2012, jumlah pelajar asing yang menuntut di institut pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia adalah seramai 26,239. Jumlah ini melibatkan pelajar daripada 139 buah negara. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi membendung gejala negatif yang melibatkan pelajar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh...

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Boleh saya mencelah?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung dengan pelajar tadi, Yang Berhormat Menteri telah menyebut tidak ada pelajar asing yang menyebarkan fahaman Syiah di kalangan kita dan juga di kalangan mereka. Saya hendak tahu, kalau begitu ada tidak orang-orang di kalangan kita yang menyebarkan fahaman itu di IPT? Kalau ada, saya hendak tahu apa sebenarnya kerajaan sekarang ini telahewartakan sebagai satu ajaran yang tidak dibenarkan di dalam negara kita? Apa sebenarnya masalah yang mungkin timbul daripada penyebaran itu? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi, tiada kes yang dikesan dan dilaporkan. Seperti mana yang saya telah jawab sebentar tadi juga, kes ini pemantauannya dibuat oleh JAKIM. Seperti mana yang telah saya katakan awal, kita akan memberi kerjasama kepada JAKIM sekiranya ada isu-isu ini dibangkitkan. Maka, sama ada di antara kita menyebarkan isu ini, kalau dilaporkan kita akan buat siasatan. Masalahnya belum dilaporkan. Susah kita buat siasatan apabila tidak ada laporan Yang Berhormat. Mohon maaf.

Terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam, yang mana membangkitkan isu kemasukan kaum India merosot sejak 20 tahun yang lalu. Walaupun kuota pelajar India ke matrikulasi ditingkatkan kepada 1,500 tempat, pengambilan pelajar India bagi tahun 2012 dan tahun 2013 tidak mencapai angka tersebut. Adakah Kementerian Pendidikan Malaysia memberi fokus yang sewajarnya bagi memastikan tempat yang dijanjikan untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat sebut itu terus jawab. Tidak payah ulas dia punya soalan itu. Senang Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, saya ambil nasihat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jawab terus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Selaras dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Februari 2012, peruntukan sebanyak 1,500 tempat kepada pelajar India masih dikekalkan pada tahun 2013. Untuk makluman, seramai 6,185 pelajar India telah memohon dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,500 telah ditawarkan ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia untukambilan pertama sesi 2013/2014 bagi pendaftaran pada 27 Mei 2013.

Manakala 350 orang pelajar India lagi ditawarkan untukambilan kedua bagi pendaftaran pada 12 Jun 2013. Seramai 1,142 pelajar telah mendaftar di 15 buah kolej matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia pada sesi 2013/2014.

#### ■1440

Kementerian Pendidikan Malaysia juga mempunyai dasar pengambilan dan penempatan pelajar program matrikulasi yang menjadi asas rujukan dalam proses pengambilan dan penempatan pelajar ke program matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dasar ini dipakai guna oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tanpa mengira kaum.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh turut meminta syarat kemasukan ke IPTA kepada bukan sahaja lulusan STPM dan matrikulasi tetapi juga lulusan *A-level*. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian mengguna pakai pelbagai kelayakan masuk ke IPTA yang merangkumi kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia, Asasi IPTA, *A-level*, *International Baccalaureate Diploma* (IBD) dan kelayakan-kelayakan lain yang diiktiraf oleh kerajaan serta diperakui oleh senat universiti. Penawaran kepada calon dilaksanakan dengan menggunakan prinsip meritokrasi iaitu dengan mengambil kira 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum.

Selain itu, calon juga perlu memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan oleh IPTA serta mendapat perakuan dari senat IPTA. Kementerian Pendidikan Malaysia telah pun membuka peluang kepada lulusan *A-level* untuk ditawarkan tempat bagi mengikuti program pengajian pada peringkat ijazah pertama di IPTA. Justeru Kementerian Pendidikan Malaysia tiada halangan untuk menerima pelajar lulusan *A-level* yang memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang telah ditetapkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di IPTA.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal turut bertanya mengapa golongan pelajar cemerlang lebih cenderung berkhidmat di luar negara selepas menamatkan pengajian? Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui semua MSD, dengan izin, *Malaysian Students Department* sentiasa menjalankan program-program pembangunan sahsiah dan program pendampingan pelajar luar negara. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah program kenegaraan dan kepimpinan, keusahawanan dan pembangunan kerjaya, perpaduan, integrasi dan kesukanan. Semangat patriotik sentiasa ditekankan kepada pelajar-pelajar luar negara untuk kembali berkhidmat di tanah air apabila tamat belajar nanti.

Yang Berhormat juga mencadangkan kerajaan mengkaji semula penawaran kursus bidang pengajian kepada pelajar yang cemerlang dengan menawarkan bidang yang mereka minat di IPTA. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Kejayaan pelajar memperoleh tempat bergantung kepada susulan merit, pilihan program pengajian, pilihan IPTA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA. Justeru pelajar perlu bijak merancang strategi dalam memilih program pengajian yang sesuai dengan pencapaian akademik. Susunan program pengajian mengikut keutamaan serta memperluaskan pilihan program pengajian dan juga pilihan IPTA.

Kementerian Pendidikan Malaysia amat prihatin dengan calon yang memperoleh merit yang tinggi tetapi tidak mendapat tawaran di mana-mana IPTA.

Calon berkaitan berpeluang menerima tawaran mengikut tiga bidang pilihan calon semasa mengemukakan permohonan. Tawaran tersebut tertakluk kepada kekosongan tempat di IPTA dan persetujuan terima calon untuk menerima tawaran di luar pilihan program pengajian mereka. Peluang-peluang melanjutkan pengajian dalam negara dalam pelbagai bidang adalah terbuka luas selaras dengan konsep pendemokrasian pendidikan kepada rakyat tanpa meminggirkan mana-mana rakyat yang berkelayakan. Semua pelajar yang layak dan memenuhi kriteria yang ditetapkan mempunyai akses dan peluang pendidikan tinggi yang sama dan adil dalam pelaksanaan meritokrasi.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dan juga Yang Berhormat Senator Jaspal mencadangkan kerajaan mengkaji semula sistem meritokrasi. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, selaras dengan keputusan kerajaan pada tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke IPTA dilaksanakan berasaskan prinsip meritokrasi bagi menggantikan dasar pengambilan mengikut kuota kaum yang diguna pakai sebelum ini. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan mengguna pakai markah 90 peratus akademik dan 10 peratus markah kokurikulum untuk menjana markah merit pelajar. Buat masa sekarang, Kementerian Pendidikan Malaysia belum bercadang untuk menggantikan sistem meritokrasi dengan sistem kuota seperti mana sebelum ini.

Berdasarkan kepada prinsip meritokrasi, semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama dan taraf hidup tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pelajaran di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi syarat am universiti dan syarat-syarat khas program pengajian akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Walau bagaimanapun, mulai sesi akademik tahun ini 2013/2014, kerajaan telah memperkenalkan mekanisme baru. Mekanisme mod kemasukan baru bagi isi rumah 40 peratus terendah. Mekanisme ini dilaksanakan bertujuan memberi peluang sama rata kepada golongan berkenaan untuk mendapatkan akses kepada pengajian tinggi. Pelaksanaan mekanisme mod kemasukan baru ini melibatkan pelajar dari golongan yang kurang berkemampuan daripada aspek sosioekonomi serta kerana mendapat peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Sebahagian daripada pelajar ini juga tidak berpeluang mendapat tawaran di IPTA dan politeknik disebabkan oleh persaingan yang tinggi dengan calon-calon lain kerana memperoleh markah merit yang rendah.

Tawaran mod kemasukan ini melibatkan pelajaran sasaran yang melanjutkan pelajaran pada peringkat diploma di politeknik serta diploma dan ijazah pertama di IPTA. Tawaran program pengajian yang diberikan kepada calon adalah ditentukan oleh IPTA atau politeknik berkenaan berdasarkan pencapaian akademik calon. Pelajar yang berjaya akan dibiayai oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) berdasarkan syarat dan prosedur yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, IPTA dan politeknik digalakkan membiayai pelajar ini mengikut sumber kewangan sedia ada. Bilangan tempat bagi mod kemasukan ini melibatkan 100 tempat bagi setiap IPTA dan 100 tempat bagi setiap politeknik. Tawaran tempat adalah ditetapkan oleh IPTA dan politeknik. IPTA dan politeknik yang berkemampuan adalah digalakkan mengambil pelajar lebih daripada bilangan yang ditetapkan. Pelajar yang diberikan kemudahan mod kemasukan ini perlu memenuhi syarat am universiti dan syarat-syarat khas program pengajian yang ditetapkan oleh IPTA dan politeknik. Pelajar-pelajar berkaitan boleh mengemukakan permohonan secara terus ke IPTA atau politeknik yang berhampiran. Proses kemasukan adalah tertakluk kepada permohonan yang dibuat dalam tahun semasa sahaja.

Yang Berhormat Senator Subramaniam juga membangkitkan isu pelajar yang mendapat 10A+ dan CGPA 4.0 untuk matrikulasi tidak mendapat tempat dan kursus yang dipohon. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan pelajar cemerlang berkenaan memohon program perubatan, pergigian dan farmasi. Kesemua tempat yang disediakan oleh IPTA telah dipenuhi oleh pelajar cemerlang yang lain yang meritnya lebih baik. Kesemua calon pelajar juga membuat pernyataan tidak terhadap pilihan untuk ditawarkan program selain yang dipohon. Di samping itu, kegagalan juga disebabkan oleh calon mengambil kombinasi mata pelajaran Sains yang tidak bersesuaian dengan keperluan program pengajian walaupun mendapat CGPA 4.0 dan calon tidak menunjukkan prestasi yang baik semasa proses temu duga.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor...

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya nak minta mencelah.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Tentang pengambilan kaum India untuk matrikulasi seperti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang ditawarkan itu memang banyak 1,800, yang minta lebih kurang 6,000. Akan tetapi nampak macam sistem penawaran ini ada kelemahan yang mana hanya 1,142 sahaja yang mendaftarkan. Jadi apakah cadangan Kementerian untuk tahun depan ini, kumpulan sasaran itu memang kita tawarkan betul-betul dan tempat 1,500 ini mesti didaftarkan, mesti kita ada penuh 1,500 orang pelajar.

■1450

Jadi, kalau kita tawarkan 2,000 atau 3,000 tetapi hanya mendaftar 800, hilang peluang untuk lagi 700 untuk mengikuti sistem matrikulasi ini, apakah cadangan Kementerian supaya kelemahan ini tidak akan berlaku lagi tahun hadapan?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada kelemahan dari pihak kita untuk menawarkan pelajar. Malah janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menawarkan 1,500 tempat. Kita menawarkan 1,850, kita memberikan tawaran kepada yang layak. Akan tetapi benar, mengapa 1,142 sahaja diterima. Yang Berhormat, di sinilah tanggungjawab kita, parti-parti politik, MIC bekerjasama. Di harap Yang Berhormat juga dapat memberi kerjasama untuk memberi maklumat kepada pelajar-pelajar yang menerima tawaran, terimalah tawaran.

Kalau 1,500 pelajar yang awal-awal kita hantar tawaran, menerima tawaran 100 peratus, tidak ada masalah. Kerajaan telus, kita mengotakan janji, janji ditepati, lebih daripada janji. Akan tetapi apabila seorang pelajar tidak menerima tawaran tersebut, maka kita ada masalah. Di sinilah kita perlukan kerjasama Yang Berhormat. Kita harus mengambil tanggungjawab masing-masing untuk memberitahu pelajar-pelajar ini betapa pentingnya mereka menerima dan jangan mereka mensia-siakan peluang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor, berapakah bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar bukan Melayu. Kementerian Pendidikan Malaysia menyediakan 18 bentuk penajaan bantuan kewangan pinjaman pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat sijil sehingga fasa kedoktoran. Mengenai bilangan biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar bukan Melayu, memandangkan borang permohonan tidak mempunyai ruang maklumat berkenaan kaum, Kementerian tidak dapat memberikan secara tepat bilangan atau peratusan bilangan bukan Melayu atau Melayu yang ditawarkan biasiswa. Walau bagaimanapun, Kementerian ingin menegaskan bahawa sebarang permohonan akan dipertimbangkan mengikut merit dan bukannya berdasarkan kepada kaum.

Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam juga membangkitkan isu kriteria yang digunakan untuk pemilihan pelajar. Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria bagi pegawai skim latihan akademik yang dicalonkan sama ada untuk pengajian dalam dan luar negara di bawah program biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) adalah ditentukan oleh pihak majikan masing-masing. Tahap kritikal bidang yang dipohon, pencapaian akademik dan perakuan panel penemu duga merupakan di antara kriteria yang digunakan oleh pihak majikan bagi pemilihan calon. Kriteria ini turut sama diguna pakai oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Latihan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dalam mencalonkan pegawai Skim Latihan Pegawai Pendidikan Perkhidmatan Pengajian Tinggi (PPPT) dan pegawai bukan akademik IPTA di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Bagi permohonan pengajian di luar negara, terdapat syarat-syarat tambahan seperti berikut:

- (a) mendapat tawaran tempat pengajian yang diterima masuk ke universiti yang *ranking* atau *rating* yang ditetapkan;

- (b) mempunyai kemahiran bahasa Inggeris sama ada TOEFL - 600 *paper-based*, dengan izin, atau 240 *computer-based*, dengan izin, atau 92 *internet-based*, dengan izin, atau IELTS sekurang-kurangnya lulus Band 6.5 bagi pengajian di universiti luar negara yang menggunakan bahasa Inggeris untuk penulisan tesis dan IELTS sekurang-kurangnya lulus Band 6.0 bagi pengajian di universiti luar negara yang menggunakan selain bahasa Inggeris untuk penulisan tesis; dan
- (c) lulus kursus khas kenegaraan anjuran Biro Tata Negara.

Dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA bagi program pengajian lepasan STPM, matrikulasi, asasi ijazah pertama adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum dalam menentukan nilai merit seorang calon. Prinsip meritokrasi ini dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Terdapat segelintir pelajar cemerlang yang gagal mendapatkan tempat berdasarkan faktor-faktor pelajar tidak mendapat markah kokurikulum yang baik walaupun mempunyai markah akademik maksimum dengan memperoleh CGPA 4.0 menyebabkan meritnya agak di bawah.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam tentang isu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa orang lagi Yang Berhormat terpaksa, cuba Yang Berhormat kira.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada 15 Ahli Yang Berhormat lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Cuba Yang Berhormat *briefly*, cuba pendekkan dan secepat mungkin.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya boleh hantar jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau dahulunya Yang Berhormat, kalau boleh mana Senator yang ada itu jawab, kalau tidak ada dalam ini, Yang Berhormat *skip* sahaja. *So*, saya hendak beritahu semua Ahli Yang Berhormat mesti duduk dalam Dewan kerana ini penting. Kalau sekiranya Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, bagaimana hendak dengar keputusan daripada kementerian. *Guidelinenya*, kalau sekiranya Ahli ada di sini jawab, kalau tidak ada *skip* sahaja mereka itu.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Teruskan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Yang Berhormat Senator S. Bagiam? Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, hantar secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan hantar secara bertulis. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah ada tadi. Ada, ada.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Saya ada.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Pertanyaan tentang proaktif peringkat KPM untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam kalangan siswazah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan, *entrepreneur graduates*, dengan izin, serta lebih ramai lagi siswazah dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.



Selain itu, ia juga bertujuan melahirkan ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT yang berdaya usaha, *enterprising*, dengan izin, dan mempunyai ciri dan nilai keusahawanan. Bagi mencapai matlamat dasar tersebut, antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan adalah penambahbaikan modul asas keusahawanan IPT, pelaksanaan program pembudayaan dan keusahawanan berstruktur serta program keusahawanan sosial. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut melaksanakan program keusahawanan yang berkonsepkan pemindahan dan perkongsian ilmu serta latihan peningkatan kompetensi pensyarah dan pembimbing keusahawanan IPT.

Hasil kajian keberkesanan program keusahawanan di IPT yang telah dijalankan oleh pihak kementerian menunjukkan bahawa Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT telah berjaya meningkatkan kepekaan IPT terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan dan tahap penglibatan dan penyertaan pelajar di dalam program dan aktiviti keusahawanan, di samping berjaya meningkatkan kesediaan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Dalam perkara ini, statistik kementerian menunjukkan bahawa seramai 2,387 orang lulusan IPT awam telah bertindak berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan bagi tempoh dua tahun selepas Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dilancarkan iaitu 1,114 orang bagi tahun 2011 dan 1,273 orang bagi tahun 2012.

Kajian semula jenis politik yang melibatkan pelajar berdasarkan AUKU. Dalam melaksanakan gerak kerja pindaan AUKU 1971, Jawatankuasa menyemak dan mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah ditubuhkan untuk mengkaji serta menyemak peruntukan berkaitan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh. Dalam mengkaji, meneliti dan mencadangkan pindaan ke atas AUKU, Jawatankuasa telah lima perkara:

#### ■1500

- (i) mengadakan pertemuan, mesyuarat, menjalankan soal selidik atas talian;
- (ii) mendapat maklum balas bertulis daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta;
- (iii) mendapatkan maklum balas daripada media baru seperti *blog*, e-mel, *Facebook* dan membuat sumbang saran ataupun *brainstorming*, dengan izin;
- (iv) mendapatkan maklum balas dan mengadakan konsultasi dengan pelbagai pihak pemegang tara seperti Ahli Parlimen, parti pemerintah dan parti pembangkang, Persatuan Kakitangan Akademik IPTA dan Majlis Perwakilan Pelajar IPT; dan
- (v) meneliti idea dan saranan yang dikemukakan oleh pertubuhan bukan kerajaan seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Justeru pindaan AUKU ini telah mengambil kira pandangan dan harapan pelbagai pemegang tara serta dasar dan polisi negara yang sedia ada untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berfikiran matang. Ia juga bertujuan memantapkan sistem pendidikan tinggi negara, memastikan ketelusan dan *accountability*, menjamin mutu pendidikan tinggi yang baik serta menjadikan IPTA di Malaysia di segani dan terkemuka di peringkat antarabangsa.

Pindaan terhadap AUKU 1971 ini memberi peluang kepada para pelajar untuk menceburi diri di dalam aktiviti-aktiviti politik kepartian di luar kampus. Justeru pelajar boleh sebanyak mungkin menimba ilmu pengetahuan dan menghayati politik negara ketika berada di luar kampus. Ketika di dalam kampus pelajar masih tertakluk di dalam peraturan atau sekatan yang dikenakan oleh institusi pengajian masing-masing bagi mengekalkan *neutrality campus* sebagai gedung ilmu.

Budaya politik menghasut, memfitnah dan membuat demonstrasi akan memberi impak yang negatif kepada pelajar. Sekiranya didapati ada para pelajar yang mengamalkan budaya politik menghasut, memfitnah dan membuat demonstrasi di luar kampus, mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah akta yang berkuat kuasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong juga membangkitkan isu KPM terhadap pelajar keturunan Siam. Dasar pengambilan dan pemilihan kemasukan ke IPTA bagi program lepasan STPM, matrikulasi dan asasi adalah berasaskan prinsip meritokrasi dengan penggunaan pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus ko-kurikulum dalam menentukan nilai merit seseorang calon.

Untuk penempatan di UiTM pula prinsip meritokrasi juga dipakai guna. Ia dilaksanakan tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri, tempat tinggal dan sebagainya. Terdapat segelintir pelajar cemerlang yang gagal mendapatkan tempat berdasarkan faktor-faktor pelajar tidak mendapat markah ko-kurikulum yang baik walaupun mempunyai markah akademik maksimum dengan memperoleh CGPA 4.0 menyebabkan meritnya agak di bawah.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin mohon memantau menyelesaikan masalah di Kolej Universiti Insaniah (KUIN). Kementerian Pendidikan – ada Yang Berhormat Senator? Okey. Menjalankan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan kertas Kolej Universiti Insaniah berdasarkan peruntukan Akta 555 dan peraturan di bawahnya. Masalah pengurusan dalaman KUIN adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah dan Rektor KUIN. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjalankan pemantauan berterusan ke atas KUIN bagi memperkasakan kelestarian institusi ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mohon memperbanyakkan kolej komuniti di negeri Sarawak. Okey, sehingga kini tiada perancangan bagi mewujudkan kolej-kolej di kawasan parlimen tersebut. Kolej komuniti wajar ditubuhkan mengikut keperluan dan tidak di setiap daerah atau kawasan Parlimen.

Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini terdapat 1,000 atau soalan yang lain yang mana Yang Berhormat bangkitkan. Sambutan penduduk terhadap kolej komuniti yang dibina. Untuk makluman sehingga kini terdapat seramai 1,290 tenaga separuh mahir lulusan kolej komuniti di Sarawak yang telah tamat pengajian secara formal. Kolej Komuniti Kuching dan cawangan KK Santubong seramai 726 lulusan, Kolej Komuniti Mas Gading dan cawangan KK Betong 571 lulusan.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Rekod Mei 2012 menyatakan ada 26,000 siswazah yang tiada kemahiran, jawapannya. Bagi memastikan siswazah mempunyai kemahiran untuk bekerja, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Program Kebolehpasaran Graduan (GE). Fokus utama Program GE adalah untuk meningkatkan nilai tambah pelajar daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan yang sesuai dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program Kebolehpasaran Graduan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- (i) *Structured Internship Programs*, dengan izin;
- (ii) Program Pentauliahian Profesional (*Certification*), dengan izin;
- (iii) *Bridging the Gap*, dengan izin; dan
- (iv) program keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di bawah dasar pembangunan keusahawanan IPT.

Selain itu Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil inisiatif menerapkan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT untuk menganjukkan minda mereka daripada menjadi pencari kerja, *the job seeker*, dengan izin kepada penjana pekerjaan, *the job creator*, dengan izin. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan dasar pembangunan keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran *attribute* dan nilai keusahawanan, *entrepreneurial graduates*, dengan izin, serta lebih ramai lagi siswazah dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Antara inisiatif utama yang telah dilaksanakan ialah penambahbaikan modul asas keusahawanan IPT, pelaksanaan program pembudayaan dan keusahawanan berstruktur seperti program keusahawanan sosial.

Selain itu KPM juga turut melaksanakan program keusahawanan yang berkonsepkan pemindahan dan perkongsian ilmu serta latihan peningkatan kompetensi pensyarah dan pembimbing keusahawanan IPT.

Seterusnya perjawatan guru. Topik ke lapan. Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Sekiranya boleh, saya boleh memberi jawapan-jawapan yang seterusnya secara bertulis dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Topik apa itu Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada tiga lagi topik iaitu perjawatan guru, salah laku murid, dasar memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris dan isu-isu pendidikan lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa tebal itu?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ada lebih kurang sepuluh muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau dengan persetujuan Yang Berhormat, pasal ini kita hendak menjimatkan masa. Pasal terlalu banyak, jawapan akan diberi secara bertulis.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Saya akan memastikan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan soalan, jawapannya akan diberi jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tuan Yang di-Pertua. Saya minta salinan jawapan itu salur ke semua Ahli Dewan. Bukan yang soal sahaja sebab kita semua minat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kalau diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, kita akur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya fikir elok juga sebab apa agaknya *is the matter of printing*, dengan izin. Agaknya bagi semua lagi baik memberi manfaat kepada semua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Nanti sekejap. Yes, Yang Berhormat.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Satu sahaja soalan. / cuma hendak tahu sama ada isu Sekolah Kebangsaan Seri Pristina akan diliputi dalam isu-isu lain atau tidak? Dalam tajuk isu-isu lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Kita tidak akan mengecewakan sesiapa Tuan Yang di-Pertua. Semua jawapan, soalan yang telah dibangkitkan akan kita jawab secara bertulis termasuk sekolah integrasi.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kami mohon juga kalau boleh setiap jawapan itu dimasukkan di dalam *Hansard* supaya ada rekod.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, boleh kita timbangkan itu ya, Yang Berhormat. *It is a part and parcel of the Parliament record.*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau sudah begitu saya mempersilakan sekarang ini, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Kementerian Pendidikan yang telah memberi laporan yang begitu bagus. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Mempersilakan.

3.09 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Semasa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh berhenti sekejap Yang Berhormat kerana ada satu usul yang hendak bentang kepada Dewan ini. Minta maaf.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.09 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 30 Julai 2013.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

■1510

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat semua, saya harap bekerjasama kerana kita bukanlah sengaja hendak melewati tetapi keadaan kita hanya ada masa hari ini dan esok sahaja. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, nanti saya akan umumkan masa buka puasa dan lepas itu kita akan tangguhkan. Itu saya akan umumkan sebentar lagi. Akan tetapi saya harap, kerjasama semua Ahli Yang Berhormat berada dalam Dewan ini sebagaimana yang kita semua hendak mendengar jawapan daripada kementerian. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat.

3.11 ptg.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengulangi sekali lagi tentang apa yang saya baca tadi. Terlebih dahulu saya, ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menyentuh perundangan antara penduduk dan kerajaan mengenai pemilikan tanah hak adat bumiputera ataupun NCR di Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan berkaitan tanah adat bumiputera ataupun *Native Customary Rights* (NCR) termasuk perundingan dengan penduduk setempat adalah berada di bawah bidang kuasa dan pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Perihal mengenai perkara ini adalah termaktub dalam Perkara 161A Perlembagaan Persekutuan dan ia merupakan bidang kuasa eksklusif Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Atas dasar keprihatinan Kerajaan Persekutuan dalam menyelesaikan masalah NCR di Sabah dan Sarawak...

**Dr. Syed Husin Ali:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menyalurkan peruntukan bagi kerja-kerja pengukuran perimeter NCR kepada Kerajaan Negeri Sabah sebanyak RM25.7 juta dan kerajaan negeri Sarawak sebanyak RM70 juta. Peruntukan tersebut disalurkan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat. Berhenti sekejap Yang Berhormat. Ini ada Ahli Yang Berhormat bangun. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya mengakui bahawa soal tanah adalah soal negeri tetapi bila perlu mengadakan sukatan atau *survey* bagi tanah untuk menentukan milik, maka ia melibatkan kerajaan Federal. Ini kerana soal *survey* itu, soal sukat itu, adalah dilakukan di bawah kuat kuasa Federal. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Oh! Itu tidak Yang Berhormat. Kalau *survey* persempadanan dengan negara lain seperti sempadan dengan Kalimantan, itu adalah di bawah JUPN iaitu Jabatan Ukuran dan Pemetaan Negeri. Akan tetapi untuk *survey* tanah dalam negeri, itu di bawah Jabatan Tanah dan Survei negeri.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya tidak hendak mempertikaikan dalam hal ini tetapi saya rasa saya tidak bersetuju dengan pandangan beliau. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih atas sentuhan itu. Itu yang saya memang ingin jelaskan. Jadi, peruntukan tersebut disalurkan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bagi negeri Sabah dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri bagi negeri Sarawak.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan mengakui pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa betapa pentingnya perundingan yang berkesan antara penduduk dan kerajaan bagi mengelakkan kerugian yang besar. Sekali lagi saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa dalam urusan perundingan tanah NCR kerana urusan berkenaan adalah sepenuhnya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Secara peribadi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menimbulkan perkara ini. Sebagai seorang daripada suku kaum Bidayuh, kita memang memerlukan pengukuran tanah kita supaya mendapat hak milik. Saya belum lagi mendapat saya punya. Saya sedang tunggu sekarang.

Yang Berhormat Senator, To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin bertanya, apakah langkah kerajaan dalam mendalamkan muara Sungai Marang dan Sungai Mercang. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin mengenai langkah kerajaan bagi mendalamkan muara Sungai Marang dan Sungai Mercang di Terengganu, suka saya maklumkan bahawa kementerian ini sememangnya sedar akan masalah pemendapan sungai yang berlaku di Sungai Marang dan Sungai Mercang. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pembinaan struktur pemecah ombak bagi muara Sungai Mercang secara *total solution*, dengan izin, dengan kos sebanyak RM29 juta dan telah siap pada bulan Ogos 2002.

Pembinaan struktur pemecah ombak ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. JPS juga sentiasa memantau masalah pemendapan sungai, pergerakan struktur pemecah ombak dan impak struktur ke atas kawasan persekitaran dari semasa ke semasa dan akan melaksanakan kerja-kerja pengorekan secara berkala apabila perlu.

Sementara itu, dalam usaha menangani masalah pemendapan muara Sungai Mercang, JPS akan memohon peruntukan sebanyak RM50 juta daripada EPU bagi projek pemuliharaan Sungai Mercang dan sekiranya ia diluluskan, projek akan dimulakan pada tahun 2016.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus menyentuh tentang masalah hakisan pantai di sepanjang kampung Sungai Miri, Sungai Pagar, Sungai Labu dan Sungai Lada di Labuan dan juga status projek-projek hakisan pantai dan langkah yang diambil oleh JPS dalam menangani isu hakisan dan banjir kilat di Labuan. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus mengenai masalah hakisan pantai di sepanjang kampung Sungai Miri, Sungai Pagar, Sungai Labu dan Sungai Lada di Labuan, projek-projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2012 berkaitan dengan isu hakisan pantai dan banjir kilat di kawasan yang disebutkan adalah seperti berikut:

■1520

- (i) projek menaik taraf muara Sungai Miri berjumlah RM466,000 telah siap pada 5 November 2012;
- (ii) projek menaik taraf muara Sungai Pagar dengan jumlah kos RM185,000 yang telah siap pada 10 Oktober 2012. Projek menaik taraf muara Sungai Lada dengan jumlah kos RM93,000 yang telah siap pada 17 Oktober 2012; dan
- (iii) projek pelbagai kerja penyelenggaraan seperti kerja-kerja menaik taraf dan membina perparitan dan saluran yang berjumlah RM1.57 juta juga telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

Sementara itu, projek penambakan pantai di kawasan Pantai Layangan termasuk juga Pantai Sungai Lebur juga telah dilaksanakan dengan jumlah kos RM7.45 juta dan telah siap pada tahun 2002. Kesemua projek-projek tersebut melibatkan kerja-kerja mengorek, pendalaman dan naik taraf muara sungai dengan membina struktur *drawing*, dengan izin. JPS juga telah memohon peruntukan sebanyak RM18 juta kepada EPU untuk melaksanakan projek mencegah hakisan pantai di sepanjang Pantai Sungai Miri, Sungai Pagar dan Sungai Lada. Sekiranya diluluskan, projek ini akan dimulakan pelaksanaannya pada tahun 2015. Antara skop kerja yang lain di dalam permohonan projek ini adalah melibatkan kerja-kerja pencegahan hakisan pantai dan menaik taraf muara-muara sungai yang terlibat bagi mengatasi masalah hakisan pantai dan banjir. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Oleh kerana saya dimaklumkan Yang Berhormat ada dan bersedia untuk membantu kementerian ini?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, dengan persetujuan itu, saya setujukan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul telah mencadangkan supaya lokasi-lokasi tumpuan pelancongan sedia ada dinaiktarafkan untuk memberi keselesaan kepada pengunjung yang hadir. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia ataupun KPK telah memperuntukkan sebanyak RM821,562,730 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk membangunkan projek pembangunan pelancongan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM97.5 juta iaitu 11.86 peratus telah diperuntukkan untuk program naik taraf dan penyelenggaraan produk dan kemudahan pelancongan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, sebanyak RM63.5 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan 32 buah projek pembangunan di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM350,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek menyelenggarakan denai rekreasi Denai Sub Melalap ke kawasan air terjun Mensisilat Temburakai di Tenom Sabah. Sebanyak RM200,000 bagi projek naik taraf papan tanda di Taman Pertanian Sabah Lagut Seberang di Tenom. Projek-projek tersebut telah siap dilaksanakan pada tahun 2011 dan tahun 2012 masing-masing.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas mencadangkan supaya subsidi ataupun pinjaman untuk pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan disediakan atau ditambah. Manakala faedah yang dikenakan lebih rendah berbanding yang disediakan oleh institusi kewangan sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman dana pelancongan iaitu Tabung Khas Pelancongan (TKP) dan Tabung Infrastruktur Pelancongan (PIP) kepada pengusaha-pengusaha pelancongan. TKP diuruskan oleh Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad atau dikenali sebagai SME Bank. Manakala TIP pula diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Bagi kadar faedah pinjaman yang diberikan adalah sebanyak 4 peratus hingga 5.5 peratus setahun yang mana lebih rendah berbanding dengan bank-bank pengusaha yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang ketiga, Yang Berhormat mencadangkan supaya memberi tumpuan bagi menaik taraf Pusat Kebudayaan Murut di Tenom, Sabah yang tidak begitu jelas *feasibility* nya dalam sektor pelancongan negara dan memohon supaya memujuk *Sime Darby* untuk memberikan tanah 25 ekar secara percuma bagi kegunaan tempat letak kenderaan Pusat Kebudayaan Murut atas dasar tanggungjawab sosial korporat ataupun *corporate social responsibility*.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Kebudayaan Murut Sabah yang beroperasi sejak 1 Januari tahun 1997 telah menggunakan jalan masuk sedia ada yang dibina sejak tahun 70an oleh Melalap *Estate* dan ini secara tidak langsung menyebabkan kebanyakan program yang dianjurkan kurang menjadi sambutan. Kini jalan tersebut telah dinaiktarafkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah sebagai laluan masuk ke bangunan Pusat Kebudayaan Murut Sabah. Saya rasa jalan itu pun sudah amat baik Yang Berhormat Senator kerana saya sudah pun melawat pusat itu.

#### ■1530

Memandangkan Pusat Kebudayaan Murut ini di bawah Kerajaan Negeri Sabah, cadangan untuk mendapatkan tanah milik Sime Darby tersebut bolehlah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon mengusulkan agar menganjurkan kursus kepada pemandu-pemandu teksi supaya dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelancong dengan lebih baik lagi, bagi meningkatkan imej negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah pun memperkenalkan Program Duta Teksi Pelancongan pada 15 Mac 2012. Program ini adalah sebagai satu usaha dalam mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan *front liners* khususnya pemandu teksi di Malaysia.

Program ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 4 Julai 2012 di Dataran Putra, Putrajaya. Sejak ia dimulakan, seramai 4,000 duta teksi pelancongan telah dilatih melalui 41 siri kursus yang dijalankan selama satu hari di Pusat Pelancongan Malaysia ataupun MaTiC. Pelaksanaan Program Duta Teksi Pelancongan ini telah memberikan impak yang positif terhadap pembangunan kapasiti pemandu teksi, meningkatkan kemahiran pemandu teksi untuk berkomunikasi dengan lebih baik dan mewujudkan satu jalinan bersama antara pihak kerajaan dan pemandu teksi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, mencadangkan supaya mempercepatkan proses menaik taraf Muzium Bukit Kepong dan dibangunkan Makam Sultan Alauddin Riayat Shah di Pagoh sebagai destinasi pelancongan, kerana nilai sejarahnya serta perlu menyenaraikan di dalam kalender pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat, Muzium Bukit Kepong diselia oleh Polis Diraja Malaysia dan berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Walau bagaimanapun, Muzium Bukit Kepong dan Makam Sultan Alauddin Riayat Shah telah disenaraikan sebagai inventori Jabatan Warisan Negara untuk kajian lanjut bagi penilaian dan pertimbangan sewajarnya sebelum diwartakan sebagai warisan atau warisan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed mencadangkan supaya menyatakan adakah kajian tentang sosiobudaya masyarakat setempat dibuat dan kesannya kepada pelancongan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) tidak mengadakan kajian sosiobudaya masyarakat setempat dan kesan kepada pelancongan negara. Walau bagaimanapun, JKKN telah menjalankan kajian dan mengumpulkan maklumat mengenai seni persembahan seperti tarian, teater, muzik dan adat resam masyarakat tempatan. Bagi soalan yang kedua...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Mohon mencelah.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya mohon supaya diberi jawapan lain sebab persoalan saya sebenarnya ialah kesan pelancongan kepada sosiobudaya masyarakat setempat dan bukannya kesan sosiobudaya kepada pelancongan. Terbalik. Jadi saya mohon satu jawapan lain. Mungkin secara bertulis.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat. Kesan sosiobudaya masyarakat memang ada untuk menambah baik tarikan pelancong-pelancong ke negara kita. Ini saya juga telah pun meneliti apabila saya di Kementerian Pelancongan dulu sebagai Timbalan Menteri juga. Banyak yang saya telah pun meneliti. Saya juga menasihati rakyat negara kita untuk lebih berhemah lagi dengan pelancong-pelancong yang datang di kampung-kampung atau di mana-mana yang pelancong ada datang, supaya mereka ini bukan kita mahu mereka datang hanya sekali sahaja seumur hidup mereka. Kita mahu mereka datang. Kalau mereka bercuti untuk datang sekali lagi ke tempat kita iaitu *repeat visitors*, dengan izin. Jadi memang kita buat penelitian tentang perkara ini dan soalan itu memang soalan yang tepat, Yang Berhormat.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat mengusulkan apakah langkah yang diambil agar tidak menerima pengaruh asing dan isu penjualan serta hidangan minuman keras di tempat-tempat peranginan seperti Pulau Perhentian, Pulau Langkawi dan Cherating yang majoriti masyarakatnya adalah Muslim. Untuk makluman Yang Berhormat, teras strategik pelancongan dibentuk berdasarkan trend pelancongan sedunia, yang antara lainnya adalah cenderung kepada *activity base* yang merujuk kepada penglibatan para pelancongan dalam aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan alam semula jadi, budaya dan tradisi tempatan.

Bagi isu mengenai penjualan dan hidangan minuman keras di kawasan pelancongan yang majoriti masyarakatnya adalah Muslim. Pihak kerajaan tempatan telah ada undang-undang mengenai larangan penjualan minuman keras kepada orang Islam seperti di Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Oleh sebab saya sudah pergi menilai dua buah pulau itu pada tahun 2011 dan saya bertanya daripada pengusaha-pengusaha resort. Mereka mengatakan sememangnya tidak ada jual minuman keras di situ.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim mengusulkan apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempromosi pelancongan warisan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya iaitu *Tourism Malaysia* telah menjalankan berbagai-bagai usaha dalam mempromosikan pelancongan warisan. Antara aktiviti promosi yang telah dan akan dijalankan adalah seperti berikut.

Pertama, menjemput pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan dari seluruh negara yang menjual pakej pelancongan warisan untuk menyertai pameran-pameran pelancongan anjuran kementerian seperti *Cuti-cuti 1Malaysia Travel Fair*, *Corporate Travel Bazaar* dan *MATTA Fair*.

Kedua, penyertaan pameran pelancongan oleh agensi-agensi pelancongan dan kerajaan negeri untuk mempromosi pelancongan warisan di luar negara seperti di pameran pelancongan *International Tourism Bourse* (IPB) di Berlin, *Arabian Travel Mart* di Dubai, *China International Travel Mart* di China dan *Japan Association of Travel Agents Tourism Forum and Travel Torocast* di Jepun.



## ■1540

Ketiga, mengadakan risalah *heritage and craft* melalui pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* dalam dan luar negeri serta Pusat Informasi Pelancongan (TIC) di seluruh Malaysia.

Keempat, menganjurkan program lawatan suai kenal ataupun *familiarization trip* dengan menjemput pengusaha pelancongan dan media sama ada dari dalam dan luar negara mengikuti lawatan di destinasi pelancongan warisan di seluruh negara.

Kelima, promosi produk pelancongan warisan melalui pembangunan pakej pelancongan. Antaranya ialah pakej *UNESCO George Town Bicycle and Trishaw Tour* yang amat popular. *Discover Perak Cycling Packages* dan *Mahameru Cultural Heritage Packages*. Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014, *Tourism Malaysia* akan mempromosikan Cuti-cuti 1Malaysia 1001 *Packages* yang mengandungi sebanyak 92 pakej pelancongan warisan di seluruh negara.

Keenam, selain itu pameran dan penerbitan buku warisan oleh Jabatan Warisan Negara juga adalah sebahagian daripada usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dalam usaha mempromosikan warisan negara.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat mengusulkan mengapa batik Indonesia dikenali lebih di dunia berbanding batik Malaysia dan usaha terbaik bagi promosi batik negara?

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia ataupun Kraftangan Malaysia giat berusaha untuk mempromosikan dan memajukan industri batik Malaysia melalui program pemasaran kraf. Program pemasaran kraf bertujuan memperbanyakkan saluran pemasaran bagi memudahkan perolehan produk oleh pengguna peringkat domestik serta antarabangsa. Kraftangan Malaysia mempromosikan batik Malaysia ke peringkat antarabangsa melalui penyertaan usahawan kraf di pameran perdagangan luar negara, antaranya ialah *Hong Kong Gifts and Premium Fair, Who's Next, Paris, Singapore Gifts & Premium Fair, International Design Exhibition (INDEX) at Dubai* dan *Malaysia with London*.

Pada tahun 2012, sebanyak 12 pameran perdagangan luar negara telah disertai dan jumlah jualan sebanyak RM14.4 juta telah diperolehi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.5 juta merupakan nilai jualan kraf batik. Ini adalah kraf batik. Kerajaan menerusi Kraftangan Malaysia terus berusaha untuk menerokai pasaran baru melalui penyertaan pameran perdagangan iaitu *Gifts Expo Autumn* di *Russia* pada bulan September dan *'La'arte giyanun inpay are Milano'*, Itali pada bulan Disember tahun ini. Selain daripada itu, pihak kerajaan telah mengadakan publisiti melalui media cetak dan media elektronik seperti di akhbar-akhbar tempatan, radio, televisyen dan majalah berkaitan pelancongan seperti *visitors map, visitors Malaysia guide* dan *sharper map*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang ketiga, Yang Berhormat Senator Puan Norliza mengusulkan, apakah jenama Malaysia yang hendak diketengahkan kepada pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Untuk makluman Yang Berhormat, jenama Malaysia yang hendak diketengahkan kepada pelancong adalah berasaskan tema utama kempen yang digunakan iaitu, *Celebrating 1Malaysia Truly Asia* dengan sub tema, *"We Are The Host"*. Ia adalah sebagai usaha yang mempromosikan Malaysia sebagai *top of the main destination* di kalangan pelancong di pelabuhan negara. Untuk pasaran domestik, kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah berasaskan tema *'Cuti-cuti 1Malaysia'* dan *'Hayatilah 1Malaysiaku.'* Negara kita Malaysia sememangnya terkenal sebagai destinasi pelancongan utama. Ini adalah terbukti di mana Malaysia telah memenangi beberapa anugerah antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, untuk kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, logo rasmi baru yang digunakan sempena kempen juga menonjolkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan bertaraf dunia dan menarik di kalangan pelancong serta pelabur-pelabur antarabangsa. Sejak tahun 2009, negara kita adalah negara di tangga ke sembilan, *most visited countries in the world*. Bayangkan berapa popularnya negara kita.

Bagi soalan yang keempat, Yang Berhormat Senator Puan Norliza mengusulkan apakah persediaan negara bagi Tahun Melawat Malaysia 2014 dan adakah kursus diadakan kepada rakyat Malaysia atau barisan hadapan untuk menyambut pelancong?

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah merancang dan melaksanakan beberapa program di dalam negara bagi meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kempen Tahun Melawat Malaysia 2014. Antara program yang sedang dijalankan ialah dengan mengadakan sesi taklimat Tahun Melawat Malaysia 2014 dan sesi dialog bersama penggiat industri pelancongan di kesemua negeri termasuk pihak kementerian dan agensi kerajaan, pihak NGO dalam industri pelancongan, pengusaha-pengusaha hotel, agensi pelancongan dan syarikat penerbangan bagi menjayakan kempen ini.

Selain itu, festival, mini karnival, VMY 2014 telah dilaksanakan di beberapa buah negeri yang menjadi tumpuan para pelancong. Kementerian ini juga telah menggiatkan lagi publisiti pelancongan dengan menguar-uarkan program promosi dan kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 melalui media cetak dan elektronik dalam negara. Dalam masa yang sama, pihak kementerian telah pun melaksanakan program latihan khas yang dikenali sebagai program, "*We Are The Host.*"

#### ■1550

Program ini bertujuan untuk memberikan latihan kepada barisan hadapan industri pelancongan serta wakil-wakil daripada agensi kerajaan dan juga penggiat industri bagi memberikan hospitaliti yang terbaik kepada pelancong-pelancong di sepanjang Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mengusulkan apakah usaha kerajaan untuk menarik pelancong ke Sarawak melalui penerbangan terus ke bandar-bandar utama Sarawak? Untuk makluman Yang Berhormat, antara usaha promosi yang dilaksanakan oleh *Tourism Malaysia* bersama dengan *Sarawak Tourism Board* (STB) dalam menarik lebih ramai pelancong ke Sarawak adalah promosi, penerbangan sewa khas atau pun *chartered flights*.

*Tourism Malaysia* telah bekerjasama dengan pihak pengusaha penerbangan sewa khas di luar negara untuk menambahkan kemudahsampaian dan seterusnya meningkatkan jumlah kedatangan pelancong asing ke Sarawak. Dua penerbangan sewa khas yang telah berjaya di bawa masuk baru-baru ini ialah hasil kerjasama antara *Tourism Malaysia*, STB dan Syarikat Penerbangan *Trans-Asia* yang membawa 360 penumpang dari Taipei ke Kuching pada 8 hingga 12 Februari tahun ini 2013.

Bagi soalan kedua Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok mengusulkan apakah acara-acara menarik di Sarawak yang dimasukkan di dalam kalendar Tahun Melawat Malaysia 2014? Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah menerbitkan kalendar acara dan Festival Tahun Melawat Malaysia 2014 bagi mempromosi acara dan festival yang akan diadakan di Malaysia sepanjang Kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 berlangsung.

Bagi negeri Sarawak beberapa acara utama yang mampu menarik kedatangan pelancong ke negeri Sarawak pada tahun 2014. Acara-acara di negeri Sarawak yang disenaraikan untuk dipromosikan adalah berkonsepkan kebudayaan dan warisan negeri Sarawak, ekopelancongan dan sukan air. Antara acara-acara utama yang disenaraikan di dalam kalendar Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah seperti berikut:

- (i) *World Harvest Festival* di Kampung Budaya Sarawak 2 hingga 4 Mei 2014;
- (ii) *Borneo Jazz Festival* di Miri 9 hingga 10 Mei 2014;
- (iii) Perayaan Gawai Dayak di seluruh negeri Sarawak 1 hingga 2 Jun 2014;
- (iv) *Rainforest World Music Festival* di Kampung Budaya Sarawak 27 hingga 29 Jun 2014;
- (v) *Sarawak Regatta* di *Kuching Water Front* 12 hingga 14 September 2014; dan
- (vi) Karnival Pesta Benak di Sri Aman Mei 2014 adalah satu karnival yang paling unik di Sarawak. Ini karnival pesta benak.

Di samping acara-acara yang disenaraikan itu, kementerian juga sentiasa mengemas kini kalendar acara dan festival tahun Melawat Malaysia 2014 bagi memasukkan acara-acara baru ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang kah lagi?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Saya ingat dua minit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, teruskan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Sesuai untuk kempen Tahun Melawat Malaysia 2014. Bagi soalan yang ketiga Yang Berhormat mengusulkan berapakah peruntukan kewangan yang disalurkan di Sarawak untuk program selenggara pembangunan dan kemajuan komuniti dalam sektor pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM821.56 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk membangunkan Projek Pembangunan Pelancongan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM35.26 juta telah diperuntukkan untuk negeri Sarawak. Sebanyak RM17.65 juta diperuntukkan bagi program penyediaan atau pun peningkatan kemudahan bagi membangunkan projek pelancongan sedia ada dan baru. Manakala, RM8.82 juta diperuntukkan untuk program penyelenggaraan produk dan kemudahan pelancongan.

Peruntukan tersebut digunakan untuk kerja-kerja menaiktarafkan dan membaiki kemudahan-kemudahan asas di destinasi-destinasi pelancongan seperti kemudahan tandas, surau, wakaf, papan tanda dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh KPK juga telah memperuntukkan sebanyak RM5.92 juta bagi Program Peningkatan Inap Desa atau pun *homestay* untuk menaik taraf *homestay* yang berdaftar dan sebanyak RM1.35 juta telah pun diperuntukkan peningkatan tahap kebersihan di kawasan pelancongan setempat melalui Program 1Malaysia Green dan 1Malaysia Clean bagi 27 buah kawasan di negeri Sarawak.

Bagi soalan Yang Berhormat yang terakhir soalan keempat, Yang Berhormat mencadangkan supaya kajian dibuat oleh konsultan antarabangsa bagi penyediaan *blueprint* mengenai potensi sumber semula jadi atau ekopelancongan yang ada di Sarawak sebagai tarikan utama pelancong serta minat dan peluang pulangan pelaburan oleh para pelabur untuk melabur dalam sektor pelancongan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sedar akan potensi tarikan pelancong ke atas sumber semula jadi dan ekopelancongan yang terdapat di seluruh Malaysia termasuk di Sarawak.

Sehubungan itu, pada tahun ini kementerian telah melantik konsultan tempatan bagi melaksanakan kajian semula Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Tahun 1996 agar ianya selaras dengan keperluan dan kehendak semasa industri pelancongan negara. Kementerian tidak melantik konsultan antarabangsa sebab konsultan tempatan adalah lebih pakar lagi di dalam ekosistem tropika untuk ekopelancongan. Oleh itu, pelancongan tempatanlah yang paling sesuai untuk projek seperti itu.

Pihak konsultan yang dilantik akan melaksanakan audit pencapaian ke atas tapak-tapak ekopelancongan yang disenaraikan dalam Pelan Ekopelancongan Kebangsaan Tahun 1996. Antara aspek yang dikaji ialah pembangunan produk dan infrastruktur, *capability* pihak pengurusan dan operasi dan kapasiti daya tampung atau pun *carrying capacity* ini amat penting.

Berdasarkan penilaian audit, pihak konsultan akan mencadangkan sama ada tapak-tapak ekopelancongan yang disenaraikan masih lagi sesuai untuk dibangunkan dan dipromosikan sebagai tapak ekopelancongan atau sebaliknya.

■1600

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat berhenti sekejap. Saya hendak umumkan satu perkara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman semua, bahawa kita telah membuat keputusan sebentar tadi supaya Majlis ini akan terus bersidang sehingga jam 10.30 malam. Untuk majlis berbuka puasa ada juga dijemput oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ini bukan hanya kepada Ahli Dewan Negara malahan kepada semua Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Majlis tersebut nampaknya program itu akan berlanjutan sehingga pukul 10.30 malam.

Oleh kerana kita hendak memberi keutamaan kepada Dewan ini yang hanya ada hari ini dan esok sahaja untuk kementerian menjawab, bahawa keputusan telah kita buat supaya Ahli Dewan Negara mungkin tidak dapat hadir ke majlis tersebut. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak penganjur MITI.

Di samping itu saya harap kementerian-kementerian yang dijadualkan memberi jawapan diharap bersedia supaya dapat kita teruskan sebanyak mana boleh untuk kita selesaikan pada malam ini. Seterusnya, esok kita akan sambung untuk kesemua kementerian menjawab yang berjumlah 22 kementerian. Kita hanya baru selesai empat kementerian. Sekian, dimaklumkan.

Teruskan Yang Berhormat, agaknya tidak panjang lagi ya? Selepas itu Kementerian Pertahanan diharap bersedia. Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbahasan yang menyentuh pihak kementerian. Sesungguhnya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Pertahanan. Silakan Yang Berhormat.

#### **4.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada empat Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh isu berkaitan dengan Kementerian Pertahanan.

Sesungguhnya keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu yang dikemukakan ke atas kementerian ini akan dinilai dan dipertimbangkan dengan sewajarnya. Setiap cadangan bernas yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan jika terdapat kesesuaian cadangan tersebut akan diguna pakai bagi maksud menambah baik urus tadbir dan hala tuju Kementerian Pertahanan.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin telah mengemukakan persoalan berkaitan dengan modul Program Latihan Khidmat Negara iaitu agar penekanan akan diberikan kepada aspek modul insan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tersebut, kajian semula modul PLKN dengan penekanan diberikan kepada nilai insan. Ini saya ingin jelaskan bahawa Kementerian Pertahanan sememangnya dari semasa ke semasa sentiasa menilai dan melaksanakan penambahbaikan ke atas Program Latihan Khidmat Negara dan usaha berterusan ini akan dilaksanakan bagi memastikan PLKN kekal relevan dan bersesuaian dengan perkembangan masa kini.

Demi memastikan pelatih yang keluar mempunyai nilai insan yang mulia, Jabatan Latihan Khidmat Negara telah membangunkan modul pembinaan karakter dan selain daripada itu sub-modul kerohanian juga diajar kepada semua pelatih di mana pelatih yang beragama Islam akan diajar nilai-nilai murni oleh tenaga pengajar, ustaz dan ustazah yang bertauliah. Manakala penceramah bertauliah dari agama Kristian, Buddha, Hindu juga akan menerapkan nilai-nilai murni agama masing-masing kepada pelatih yang menganut agama tersebut. Selain dari itu semua pelatih akan dibawa ke rumah ibadat masing-masing pada setiap minggu untuk beribadat.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan di sini bahawa kementerian juga sedang melaksanakan kajian terhadap keberkesanan PLKN dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati lebih daripada 80 peratus dari 61,950 orang responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar...

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Minta celahan.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Sila.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya juga ada menyentuh tentang kalau tidak silap saya enam orang yang melahirkan bayi di pusat PLKN. Jadi, saya difahamkan bahawa Kabinet belum memutuskan supaya ujian saringan air kencing atau ujian kehamilan akan dilaksanakan pada masa yang akan datang. Jadi, saya mohon penjelasan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas isu yang dibangkitkan. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa perkara ini telah pun dirujuk kepada Kabinet dan Kabinet telah pun mengarahkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melakukan kajian kerana isu-isu berkaitan wanita ini semestinya dirujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana mereka adalah *custodian* terhadap hak-hak wanita dan juga Kementerian Kesihatan. Hasil daripada kajian itu menunjukkan bahawa majoriti bersetuju untuk diadakan saringan, lebih kurang 94 peratus daripada hasil kajian itu menunjukkan bahawa terdapat persetujuan daripada mereka.

Hasil daripada kajian itu telah dimaklumkan kepada Kabinet dan *insya-Allah* dalam masa terdekat ini kita akan membuat keputusan untuk mewajibkan mereka untuk menjalankan saringan. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pelatih-pelatih ini adalah sebenarnya mereka ini adalah diwajibkan untuk menjalani latihan. Apabila mereka dipilih mereka adalah *compulsory by law* untuk menyertai latihan PLKN. Oleh sebab itu pada peringkat awalnya memanglah kita kalau boleh tidaklah begitu mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat sehingga dalam soal-soal kesihatan dan kehamilan ini kita hanya minta mereka untuk menyatakan di dalam borang untuk menentukan sama ada kalau sekiranya ada mereka yang mengalami penyakit-penyakit yang kronik atau pun kehamilan, maka mereka boleh diberikan penangguhan untuk menjalani latihan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya meneruskan selanjutnya daripada Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar yang telah membangkitkan berkaitan dengan mengapa pihak Tentera Laut Diraja Malaysia tidak dapat mewujudkan jaringan kerjasama dengan APMM dan Polis Marin seperti mana yang berlaku di Lahad Datu melalui perairan negara? Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan isu pencerobohan di Lahad Datu ini juga telah dibangkitkan oleh seorang Ahli Berhormat yang lain iaitu Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, isu kerjasama di antara Tentera Laut Diraja Malaysia dan agensi-agensi berkuasa yang lain memang pun telah berlaku. Kerjasama ini di antara APMM dan pasukan gerakan marin telah wujud dalam mengawal keselamatan perairan maritim di Timur Sabah. Di mana kerjasama erat ini dilakukan di dalam operasi-operasi yang telah dilaksanakan iaitu Ops Setia Bersepadu, Ops Pasir, Ops Daulat Benua dan Ops Teras Benua.

Walau bagaimanapun, dengan mengambil iktibar dari kejadian pencerobohan penganas di Lahad Datu itu, maka kerjasama ini akan sentiasa diperkukuhkan lagi bagi menghindari kejadian berkenaan daripada berulang. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kejayaan tindakan bersepadu di antara Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia dalam membanteras pencerobohan di Lahad Datu semasa Ops Daulat, maka jalinan kerjasama ini akan diperkukuhkan dengan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) meneruskan operasi bersepadu di kawasan Pantai Timur Sabah yang dikenali sebagai Ops Sanggah ;
- (ii) memperkukuhkan kawasan serta penguat kuasa keselamatan di kawasan daratan dan sempadan maritim melalui rondaan peningkatan *intelligence, surveillance and recognition*, dengan izin, melalui penggunaan aset-aset Angkatan Tentera Malaysia dan ketiga-tiga perkhidmatan;

- (iii) memperagakan kehadiran atau *show presence*, dengan izin, melibatkan aset-aset kapital di pesisir pantai dan perairan Timur Sabah ;
- (iv) memperkukuhkan rangkaian risik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM serta mewujudkan kerjasama dua hala dengan agensi risikan luar;
- (v) meluaskan Strategi Lautan Biru atau *National Blue Ocean Strategy* dengan melaksanakan rondaan bersama di kawasan penempatan di seluruh Pantai Timur Sabah; dan terakhir sekali
- (vi) menyedarkan penduduk tempatan untuk menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan sebarang maklumat terhadap kumpulan atau individu yang mencurigakan dengan tujuan untuk menceroobh kedaulatan negara selaras dengan pertahanan HANRUH ataupun pertahanan menyeluruh yang menjadi konsep pertahanan negara kita.

#### ■1610

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar ada membangkitkan tentang meminta Menteri Pertahanan menyatakan cadangan untuk menambah bilangan aset ketenteraan ataupun ATM yang lebih canggih dan berteknologi tinggi seperti penambahan aset radar untuk pengawasan, UAV, helikopter, bot pemintas dan peralatan FLIR yang dianggap penting dalam menjaga keselamatan dan perairan daratan negara terutama di kawasan Timur Sabah.

Bagi memastikan isu pencerobohan ini tidak lagi berulang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat apa yang telah dibangkitkan oleh Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar sememangnya pihak kementerian amat mengalu-alukan dan keprihatinan Yang Berhormat serta cadangan Yang Berhormat untuk menambah lagi aset ATM yang lebih canggih dan berteknologi tinggi itu adalah merupakan sesuatu yang kita amat hargai. Saya melihat cadangan ini adalah pandangan jujur dari seorang warganegara yang ingin melihat keselamatan negara sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terjamin daripada sebarang bentuk ancaman dan pencerobohan.

Justeru itu pihak kementerian sememangnya mempunyai hasrat untuk menambah atau mengganti bilangan aset ATM sedia ada ke arah yang lebih canggih dan berteknologi tinggi bagi mengukuhkan lagi keupayaan pertahanan negara. Bagaimanapun penambahan dan penggantian aset ini adalah dilakukan secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga setakat ini pihak kementerian masih lagi memperhalusi keperluan dan spesifikasi aset yang sesuai digunakan di dalam persekitaran negara termasuk senarai cadangan aset yang dicadangkan oleh Yang Berhormat seperti radar pengawasan UAV, helikopter tempur dan bot pemintas dan aset-aset ini akan ditempatkan di kawasan-kawasan strategik untuk mengukuhkan kawalan keselamatan perairan negara.

Akhir kata saya mengucapkan...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Datuk..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang ingin mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit. Bagaimana dengan kapal selam. Ada orang kata kapal selam sekarang kadang-kadang baik, kadang-kadang tidak baik tidak boleh menyelam, betulkah, satu. Kalau betul apakah langkah-langkah yang baru untuk pastikan agar kapal itu benar-benar berfungsi.

Kedua, cukup kah satu kapal selam. Adakah kementerian akan tambah lagi kapal selam memandangkan laut kita panjang, luas. Contoh saya katakan dahulu pantai Sabah sahaja lebih kurang 4,600 lebih kilometer, jadi saya syorkan kapal selam itu kena tambah. Satu kapal selam saya anggap untuk model sahaja bukan untuk perang, bukan untuk pertahankan negara.

Kalau satu kapal tidak cukup, jadi apakah langkah seterusnya untuk Kementerian menambahkan lagi aset kapal selama supaya betul-betul boleh jaga laut dan negara. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat di dalam isu ini. Seperti mana yang kita sedar bahawa kedaulatan dan keselamatan negara adalah merupakan bukan sahaja tanggungjawab kerajaan tetapi adalah merupakan tanggungjawab kita semua termasuk wakil-wakil rakyat. Kita berharap pihak wakil-wakil rakyat sentiasa menyokong usaha-usaha kerajaan untuk meningkatkan kredibiliti kita di dalam bidang ketenteraan walaupun pada hakikatnya mungkin Yang Berhormat berkata bahawa kita sentiasa dalam keadaan aman. Akan tetapi kita juga menghadapi ancaman-ancaman yang kita sedari dan kita harus bersedia untuk menghadapinya.

Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat sama ada kapal selam itu berfungsi atau tidak. Sebenarnya ini adalah dakwaan yang sentiasa dilemparkan oleh pihak-pihak tertentu. Saya ingin jelaskan dan tegaskan di sini bahawa kapal selam ini dua kapal selam iaitu KD Tuanku Abdul Rahman dan KD Tun Razak memang pun adalah merupakan dua kapal selam yang berfungsi dan dapat membantu untuk membuat rondaan-rondaan khususnya di kawasan EEZ kita dan juga bagi maksud *deterrent* ataupun cegah rintang.

Yang kedua, Yang Berhormat ada membangkit tentang adakah cukup dua kapal selam ini. Untuk makluman Yang Berhormat sebenarnya untuk membolehkan satu angkatan kapal selam yang lebih *credible* sekurang-kurangnya kita memerlukan enam buah kapal selam. Ini telah pun Singapura sendiri walaupun kita lihat Singapura mereka tidak mempunyai *territorial water* ataupun EEZ yang begitu besar tetapi mereka mempunyai enam buah kapal selam dan juga beberapa aset-aset tempur udara yang begitu canggih dan ini adalah penting untuk melindungi negara kita.

Demikian juga baru-baru ini pun Vietnam memang bercadang untuk membeli enam buah kapal selam dan kalau kita lihat Indonesia sendiri pun telah pun memiliki dua buah. Sebelum ini pun malah di awal 70-an pun Indonesia telah memilikinya daripada yang dibekalkan oleh kapal selam Rusia. Jadi keperluan ini adalah penting kerana seperti mana yang kita tahu kawasan EEZ kita adalah begitu besar saya fikir tidak kurang daripada 600,000 kilometer/persegi.

Seperti mana yang kita tahu bahawa kawasan EEZ ini adalah merupakan kawasan yang kaya dengan hasil-hasil khususnya *oil and gas* dan juga hasil-hasil perikanan. Sudah tentulah dengan hasil yang berjumlah mungkin nilainya trilion ringgit ini kita harus menjaganya dan kepentingan dan kedaulatan negara kita harus jaga apalagi kedudukan Malaysia yang berada di tengah-tengah Asia Tenggara dan sudah tentulah kita juga terdedah dengan konflik-konflik yang melibatkan bilateral di antara negara Malaysia dengan negara-negara jiran dan juga khususnya berkaitan dengan konflik sempadan dan berkaitan dengan masalah-masalah yang timbul khususnya di kawasan *sparkle island*. Jadi saya fikir saya menegaskan di sini bahawa apa yang Yang Berhormat cadangkan itu adalah satu cadangan yang baik.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bertanya untuk dua lagi alat. Pertama, *National Automatic...*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini soalan barukah atau yang lama?

**Dato' haji Abdul Rahman bin Bakar:** Soalan lama. Dikenali sebagai NAIS iaitu *National Automatic Identification System*. Yang Berhormat tadi tidak sebut, jadi saya mahu tahu alat itu akan dipakai atau dibeli. Alat ini gunanya untuk kenal kawan atau lawan, musuh atau sahabat. Contoh kapal musuh, sahabat kita boleh kenal dengan adanya alat NAIS itu. Kedua saya juga sebut satu alat lagi bernama *forward looking infrared* atau FLIR iaitu mengandungi *optic, night vision goggle* yang dipakai oleh individu sama ada di pakai atas kepala, boleh guna malam atau siang.

■1620

Jadi, saya sudah sebut dahulu tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab lagi. Saya mahu tahu sebab alat ini amat penting untuk digunakan semasa jerebu, malam, siang atau apa pun cuaca. Jadi, dua-dua ini penting. Fasal tadi sudah okey, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat. Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa apabila pencerobohan berlaku pada bulan Februari, kita selanjutnya telah menubuhkan ESSCOM. Di bawah ESSCOM itu, komponen Angkatan Tentera Malaysia dan juga Polis Diraja Malaysia memang sedianya wujud dan begitu juga agensi-agensi yang lain seperti APMM. Beberapa agensi keselamatan dan pertahanan yang terdapat di dalam ESSCOM ini akan mengadakan perbincangan dan membuat, menilai keperluan-keperluan yang diperlukan bagi memastikan segala operasi ataupun peralatan-peralatan yang digunakan dapat digunakan secara optimum iaitu *coordinated* dan optimum supaya ia dapat menjimatkan kos tetapi dalam masa yang sama ia akan dapat memberikan kesan yang lebih besar.

Oleh sebab itu, senarai-senarai, pembelian-pembelian yang diperlukan itu sedang diperincikan. Mungkin antara cadangan-cadangan Yang Berhormat itu NAIS ataupun dan satu lagi *forward-looking night vision* itu pun kita akan melihat dan pertimbangannya berdasarkan kepada keperluan. Ini kerana yang menggunakan ini adalah anggota-anggota tentera dan juga anggota-anggota keselamatan. Sudah tentulah mereka mengetahui apakah keperluan-keperluan yang boleh digunakan bagi kepentingan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita mempunyai lapan radar yang digunakan bagi 1,440 kilometer sepanjang kawasan pantai timur dan ini pun tidak mencukupi. Kita juga sedang pertimbangannya untuk membuat pembelian-pembelian jika perlu. Kita juga ada *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang digunakan bagi untuk *civilian* bagi menyokong Ops Pasir tetapi itu pun kita juga akan mempertimbangkan sekiranya perlu untuk meningkatkan keupayaannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Pengangkutan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 4.23 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang tugas Kementerian Pengangkutan di Dewan yang mulia ini.

Izinkan saya untuk turut sama Menjunjung Kasih ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Tuanku yang telah menyentuh secara langsung perkara-perkara berkenaan di kementerian ini. Saya dan seluruh warga Kementerian Pengangkutan akan terus komited dan beriltizam untuk memastikan bahawa sistem pengangkutan awam di negara ini senantiasa ditambah baik dan menjadi lebih *efficient* serta selamat untuk keselesaan rakyat.

Kementerian Pengangkutan melalui dasar-dasar sedia ada sememangnya telah memberi fokus ke arah pencapaian misi dan matlamat kementerian untuk memastikan sistem pengangkutan pelbagai mode yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna di negara ini. Unit *NKRA Urban Public Transport*, Kementerian Pengangkutan juga kekal berada di landasannya untuk menyediakan sistem pengangkutan awam yang diyakini mampu dinikmati selesa dan bersepadu di *Greater Kuala Lumpur*, Lembah Klang dan pada masa yang sama berusaha menangani masalah kesesakan lalu lintas bandar yang teruk. Inisiatif-inisiatif di bawah *NKRA Urban Public Transport* telah dikelompokkan di bawah empat kategori utama iaitu bas, rel integrasi dan rangkaian yang mana telah dilaksanakan sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan akan bekerjasama erat dengan beberapa kementerian dan agensi lain yang turut terlibat dalam aspek pembangunan sektor pengangkutan di negara ini. Ini yang mana agensi-agensi ini ada mempunyai dasar-dasar dan objektif dalam merangka sistem pengangkutan negara yang lebih mampan. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) umpamanya telah merangka draf Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.



Sementara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga telah merangka Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Kedua-duanya mempunyai rancangan khusus yang melibatkan pembangunan sektor pengangkutan.

Mengenai dengan isu Dasar Kabotaj yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman. Kementerian ingin menjelaskan bahawa harga barang di Sabah dan Sarawak ditentukan oleh pelbagai faktor termasuklah kos pengangkutan kapal, kos logistik daratan dan juga kos pelabuhan. Semua kos yang terlibat ini menyumbang kepada penentuan harga sesuatu barangan yang dijual di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, adalah tidak wajar sekiranya Dasar Kabotaj dijadikan sebagai punca utama yang menyebabkan harga barang yang tinggi di Sabah dan Sarawak. Ini kerana dasar ini telah dilaksanakan dengan agak liberal di mana kapal-kapal asing turut diberikan lesen dan pengecualian untuk turut beroperasi di sektor domestik.

Selain itu, dasar ini tidak menghalang perkhidmatan kapal asing secara terus daripada mana-mana pelabuhan di seluruh dunia, ke mana-mana pelabuhan di Malaysia termasuklah di Sabah dan Sarawak untuk mengangkut barangan import dan eksport. Pengimport dan pengeksport di Sabah dan Sarawak bebas untuk memilih mana-mana syarikat perkapalan sama ada tempatan mahupun asing untuk mengangkut dagangan mereka. Dasar Kabotaj juga tidak menetapkan atau menghendaki barangan import dibuat melalui pelabuhan di Semenanjung Malaysia seperti Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Dalam pada itu, kadar tambang kapal kebelakangan ini secara puratanya didapati menurun dari setahun ke setahun. Sebagai contoh, pengangkutan kontena 20 kaki dari Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Kuching pada tahun 2003 adalah pada kadar USD212 per kontena. Pada tahun 2012, kadar berkenaan telah turun kepada USD130 per kontena sahaja. Manakala Pelabuhan Klang ke Kota Kinabalu, kadar pada tahun 2003 adalah USD310 dan kadar ini telah menurun kepada USD260 pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, dengan penurunan kadar tambang kapal ini, ia tidak mencerminkan penurunan harga barang di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Logistik dan Kos Sara Hidup di Sabah dan Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih lanjut isu-isu kos harga termasuk Dasar Kabotaj yang didakwa menyumbang kepada kos harga barangan yang tinggi di Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kerajaan akan membuat keputusan berhubung Dasar Kabotaj sewajarnya setelah penelitian rapi dibuat mengenainya.

#### ■1630

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar untuk memanjangkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Buat masa ini kerajaan tiada perancangan untuk memanjangkan landasan lapangan terbang antarabangsa tersebut memandangkan landasan yang sedia ada sudah mampu untuk mengendalikan operasi penerbangan yang melibatkan penggunaan pesawat *wide body* sehingga Boeing 747 yang boleh membawa seramai 450 penumpang. Untuk makluman sebagai maklumat tambahan Yang Berhormat Senator, kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang telah disiapkan pada 30 Jun 2013 yang melibatkan kos sebanyak RM250 juta. Dengan siapnya projek tersebut telah meningkatkan keupayaan pengendalian penumpang lapangan terbang tersebut daripada 3.5 juta penumpang setahun kepada 6.5 penumpang setahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul, Kementerian Pengangkutan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan dalam negeri dan luar negeri untuk meningkatkan jaringan hubungan dan frekuensi penerbangan kepada pasaran-pasaran utama iaitu China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan Taiwan. Dalam hubungan ini, sehingga kini syarikat-syarikat penerbangan Malaysia telah menyediakan sebanyak 400 penerbangan seminggu keenam-enam negara tersebut. Manakala syarikat-syarikat penerbangan asing pula turut menyediakan sebanyak 107 penerbangan seminggu ke Malaysia. Jumlah jaringan hubungan dan frekuensi penerbangan ke negara-negara tersebut ini akan terus dipertingkatkan dari semasa kita semasa.

Di antara langkah yang sedang diambil oleh kementerian bagi meningkatkan jaringan hubungan dan frekuensi penerbangan kepada pasaran-pasaran utama adalah seperti berikut. Pertama, rundingan udara dua hala dengan enam buah negara utama yang disebutkan tadi setiap tahun bagi meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut. Sebagai contoh hasil rundingan udara yang telah dibuat dengan negara Australia pada dua minggu yang lepas telah berjaya mendapat tambahan tempat duduk seminggu sehala ataupun *seat per week per direction* sebanyak 9,500 *seat* tambahan iaitu sebelum ini 23,500 kepada 33,000 tempat duduk. Selain itu juga pihak *Malaysia Airports* menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang dalam negara ini di bawah pengurusan MAB.

Dalam pada itu keputusan untuk meningkatkan jaringan hubungan dan frekuensi penerbangan kepada pasaran-pasaran utama adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan yang akan ditentukan berdasarkan *commercial viability*, laluan penerbangan tersebut.

Seterusnya bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung, kerajaan telah melantik syarikat penerbangan MAS Wing untuk menyediakan perkhidmatan udara luar bandar ataupun dengan izin, *rural air services* di Sabah dan Sarawak mulai 1 Oktober 2007. Perkhidmatan ini sebenarnya merupakan perkhidmatan yang tidak ekonomik di kawasan pedalaman dan penduduk tidak padat di Sabah dan Sarawak di mana perhubungannya dengan dunia luar adalah sukar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkhidmatan *rural air service* ini di Sabah dan Sarawak telah bermula pada tahun 1972 melalui *Malaysia-Singapore Airline* (MSA) pada ketika itu dan telah disambung dengan syarikat penerbangan MAS. Sejak perkhidmatan itu dimulakan pada tahun 1972 MAS telah mengalami kerugian dan kerajaan telah memberi subsidi kepada Syarikat Penerbangan Malaysia, MAS, bermula pada 1 April 1982.

Pada 1 Ogos 2006 apabila perkhidmatan domestik dirasionalisasikan, kerajaan telah memutuskan supaya AirAsia melalui *Fly Asian Express* (FAX) mengambil alih perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak daripada MAS. Walau bagaimanapun, ekor dari rundingan oleh komuniti di Sabah dan Sarawak terhadap mutu perkhidmatan FAX, FAX telah menamatkan perkhidmatan *rural air service* pada 20 September 2007. Sehubungan itu, kerajaan telah meminta supaya MAS melalui anak syarikatnya MAS Wing mengambil alih perkhidmatan *rural air service* mulai 1 Oktober 2007 dengan menggunakan pesawat yang telah diserahkan balik oleh FAX. Kadar yang...

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** MAS untung, AirAsia rugi. Tahun sama. Contoh 2011 AirAsia untung, MAS rugi. Tahun 2012 AirAsia untung, MAS rugi. Tahun 2013 AirAsia untung, MAS rugi. Jadi boleh dinyatakan, apakah sebab-sebabnya dan usaha-usaha baru macam mana MAS boleh untung. Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan di sini ianya mengaitkan mengenai *rural air service* yang memang rugi. Jadi baik AirAsia dan juga MAS, kedua-dua mengalami kerugian. Maka sebab itu kerajaan dalam konteks *rural air service* ini memberikan subsidi tetapi oleh kerana pada tahun 2007 pihak AirAsia mengalami kerugian dalam perkhidmatan *rural air service* ini maka FAX telah menamatkan perkhidmatan dan diserahkan balik kepada MAS. Jadi mengenai sektor yang lain mungkin saya akan mendapatkan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Seterusnya, kadar tambang yang dikenakan oleh MAS Wing melalui subsidi yang telah disediakan dan dikawal oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak MAS Wing turut menawarkan tambang promosi yang lebih murah daripada semasa ke semasa terutamanya musim perayaan dan juga musim cuti persekolahan sekiranya tempahan awal dibuat. Sebagai contoh pada bulan Mac 2013 MAS Wing telah menawarkan 150,000 tempat duduk serendah RM99.00 sehala untuk Kota Kinabalu, Miri dan Kota Kinabalu Tawau.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa dengan adanya perkhidmatan *rural air service* yang disediakan secara subsidi oleh pihak kerajaan ianya telah meningkatkan *connectivity* kawasan-kawasan pedalaman dan secara tidak langsung meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar dan di Sabah dan Sarawak.

Seterusnya berhubung dengan isu sikap pemadu dan pemilik kenderaan yang menyediakan kemalangan terutamanya pada musim perayaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul. Kementerian ingin memaklumkan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan penguatkuasaan ke atas pengguna-pengguna jalan raya sepanjang tahun dan ianya ia akan dipertingkatkan bagi khususnya pada musim-musim perayaan yang melibatkan penambahan anggota dan masa penguatkuasaan yang lebih efektif.

■1640

Selain itu strategi penguatkuasaan juga dipertingkatkan bagi memastikan peraturan dan undang-undang jalan raya dipatuhi. Antara strategi yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) pemeriksaan bas ekspres di depoh-depoh syarikat-syarikat bas berkaitan. Ini bagi mengelakkan kesesakan pemeriksaan di terminal bas;
- (ii) pemeriksaan bas ekspres dan pemandu di terminal bas utama negara;
- (iii) penyamaran sebagai penumpang bas ekspres oleh pihak pegawai-pegawai JPJ yang mana melibatkan 56 anggota untuk penyamaran setiap hari di seluruh negara;
- (iv) penguatkuasaan statik di kawasan kerap kemalangan yang juga melibatkan 140 lokasi, di mana 72 lokasi dikendalikan oleh JPJ dan 74 lokasi dikendalikan oleh pihak polis untuk tempoh 24 jam termasuk di Sabah dan Sarawak;
- (v) penguatkuasaan penyamaran bergambar iaitu dua pasukan setiap negeri di mana pasukan ini, pihak pegawai akan menggunakan pakaian biasa ataupun preman dan mengambil gambar pengguna-pengguna jalan raya yang melanggar undang-undang dan peraturan;
- (vi) rondaan di lebuhraya dan jalan utama negeri; dan
- (vii) penguatkuasaan khas motosikal iaitu operasi secara besar-besaran. Untuk operasi Aidilfitri pada tahun ini yang telah dimulai pada 27 Julai khususnya untuk operasi motosikal bagi memeriksa lesen memandu dan cukai jalan dan juga keadaan motosikal.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, keseluruhan penguatkuasaan ini melibatkan 1,800 pegawai JPJ dalam Ops Aidilfitri. Penguatkuasaan juga memberi fokus kepada tujuh kesalahan utama berkaitan dengan sikap pemandu yang menyebabkan kemalangan dan kematian. Kesalahan utama itu ialah:

- (i) gagal mematuhi lampu isyarat;
- (ii) memotong di garisan berkembar;
- (iii) memandu di lorong kecemasan;
- (iv) memotong barisan;
- (v) mengguna telefon bimbit semasa memandu;
- (vi) tidak memakai tali pinggang keledar; dan
- (vii) tidak memakai topi keledar.

Seterusnya bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mengenai langkah-langkah untuk mengatasi masalah penunggang-penunggang motosikal yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah yang tidak mempunyai lesen memandu atau tidak memakai topi keledar.

Kementerian ingin menjelaskan bahawa dua pendekatan telah diguna pakai dalam menangani masalah-masalah tersebut, di mana pelajar-pelajar dan juga penunggang-penunggang motosikal tanpa lesen iaitu melalui pertama melalui pendidikan dan kedua melalui penguatkuasaan.

Di bawah pendekatan pendidikan bagi mengelakkan dan memberikan pilihan kepada orang ramai mengambil lesen memandu, JPJ telah bekerjasama dengan 193 buah institut memandu di seluruh negara untuk melaksanakan program khas Lesen Kelas B2 pada harga siling RM261 sejak September 2009. Di samping itu JPJ juga telah membangunkan program khas 1Komuniti 1Jabatan iaitu SKSJ untuk membantu golongan berumur 45 tahun ke atas di kawasan luar bandar Semenanjung dan 40 tahun ke atas bagi kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan lesen memandu motosikal kelas B2.

Program di kawasan luar bandar ini telah berjaya melesenkan 12,824 peserta pada tahun 2012 bagi mendapatkan lesen memandu motosikal kelas B2. JPJ juga sedang merangka program khas SKSJ pinggir bandar bagi membolehkan lebih ramai golongan muda khususnya di pinggir bandar dan di bandar memiliki lesen motosikal kelas B2. Program khas ini dirancang akan dilaksanakan pada akhir tahun 2013. Selain itu kerajaan juga telah memperkenalkan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya ataupun singkatannya PKJR yang diajar kepada pelajar sekolah melalui mata pelajaran Bahasa Malaysia. Sehingga kini PKJR telah pun diajar kepada semua pelajar sekolah rendah dari Darjah 1 hingga Darjah 6 dan juga pelajar Tingkatan 1 di sekolah menengah.

Kerajaan akan memperluaskan lagi pembelajaran PKJR ini kepada pelajar Tingkatan 2 pada tahun ini dan pelajar Tingkatan 3 mulai tahun hadapan. Bagi pendekatan penguatkuasaan, JPJ mengadakan program khas dari semasa ke semasa dengan mengadakan penguatkuasaan seperti Operasi Motosikal bagi memastikan penunggang motosikal sentiasa mematuhi peraturan dan memiliki lesen yang sah. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan namun inisiatif ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan penglibatan daripada semua pihak khususnya ibu bapa yang berperanan dalam memastikan ahli keluarga yang memiliki lesen memandu saja yang dibenarkan memandu.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung berhubung punca kemalangan jalan raya dan langkah-langkah kerajaan untuk mengurangkan kes kemalangan jalan raya. Berdasarkan analisis Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap data kemalangan tahun 2011 adalah didapati sebanyak 80.5 peratus kemalangan jalan raya berpunca daripada kecuai manusia yang melibatkan kesalahan-kesalahan seperti memandu had laju, memotong secara bahaya, memandu secara cuai, memandu secara berbahaya dan memandu dalam keadaan letih dan lesu.

Kerajaan telah memperkenalkan pendekatan 5E sebagai langkah holistik dalam menangani isu kemalangan jalan raya di Malaysia yang melibatkan *education* (pendidikan), *enforcement* (penguatkuasaan), *engineering* (kejuruteraan), *environment* (persekitaran) dan *evaluation* (penilaian). Antara program yang dijalankan di bawah lima pendekatan ini adalah pertama pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, penguatkuasaan lalu lintas yang berterusan oleh agensi-agensi penguat kuasa, penguatkuasaan terhadap piawaian-piawaian teknikal kenderaan, penyelenggaraan dan audit keselamatan jalan raya dan penilaian terhadap keberkesanan usaha aktiviti keselamatan jalan raya yang dijalankan, selain memastikan pelaksanaan menepati kumpulan sasaran.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, sehingga kini 14 kamera AES telah beroperasi yang melibatkan tujuh lokasi di Perak, tiga lokasi di Kuala Lumpur dan dua lokasi masing-masing di Putrajaya dan Selangor. Buat masa ini belum ada kamera AES di pasang berhampiran dengan kawasan sekolah.

Sehingga 30 Jun 2013, sebanyak 691,336 saman kesalahan AES telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan sejak AES mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012. Daripada jumlah tersebut hanya 71,083 saman telah dibayar bagi tempoh yang sama yang melibatkan kutipan sebanyak RM 21,324,900.

#### ■1650

Pada masa ini, pendakwaan kes-kes saman AES masih ditangguhkan selaras dengan keputusan kerajaan untuk mengkaji dan teliti pelaksanaan AES. Walau bagaimanapun, penangguhan pendakwaan kes-kes ini tidak menjejaskan pelaksanaan AES dan notis yang dikeluarkan kepada orang yang melakukan kesalahan trafik adalah dibuat mengikut peruntukan undang-undang. Berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan yang juga berkenaan dengan AES, berdasarkan analisis yang dibuat oleh MIROS terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES. Adalah didapati kemalangan maut bagi tempoh lapan bulan selepas pelaksanaannya telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes, bagi tempoh lapan bulan selepas pelaksanaannya. Ini bermakna AES telah berjaya mengurangkan sebanyak tujuh kes kemalangan maut ataupun 36.84 peratus bagi tempoh lapan bulan sahaja.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit berhubung sama ada MIROS membuat kajian mengenai jumlah kenderaan yang terlibat dengan kemalangan mengikut negeri-negeri. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak MIROS telah menjalankan kajian keselamatan jalan raya yang meliputi aspek-aspek kejuruteraan keselamatan jalan raya dan kenderaan serta kajian berhubung tingkah laku pengguna jalan raya. Kajian-kajian yang telah MIROS jalankan berkaitan dengan kenderaan komersial dengan izin, adalah:

- (i) *an impact assessment on the banning wee-hour operation for public express busses;*
- (ii) *evaluation of SHE COP practices among express bus operators,*
- (iii) *prevalence of OSA among commercial bus drivers; and*
- (iv) *exception of being caught among bus drivers.*

Bagi statistik kemalangan kenderaan komersial pula, data kemalangan kebangsaan daripada pihak PDRM menunjukkan pada tahun 2011, terdapat 158 bas, 1,207 lori dan 36 teksi yang terlibat dalam kemalangan maut. Jumlah kematian kemalangan jalan raya di kalangan pengguna bas adalah 29 kematian, pengguna lori sebanyak 247 kematian dan sebanyak 33 kematian di kalangan pengguna teksi. Kesemua angka kematian ini termasuk pemandu, pengguna kenderaan komersial tersebut.

Pecahan peratusan kematian kenderaan komersial pada tahun 2011 mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Peratusan Kematian (% / peratus)
Kedah	4.5
Perak	18
Pulau Pinang	6.3
Kuala Lumpur	1.6
Selangor	9
Negeri Sembilan	7.1
Melaka	4.5
Johor	14
Pahang	10.8
Terengganu	2.6
Kelantan	5
Sabah	10.3
Sarawak	5.8
Perlis	0.3

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang nak mencelah. Silakan.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada bertanya berkenaan dengan kemudahan meletak kenderaan di R&R khususnya lori-lori yang begitu berkurangan tempat meletak kenderaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi jawapan bertulis mengenai soalan tersebut.

**Puan Mariany binti Mohammad Yit:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ada bertanya mengenai kenderaan perdagangan yang diletak di bahu-baju jalan di kawasan perumahan dan juga jalan-jalan raya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada jawapan Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Saya juga akan menyediakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Segala cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya kita beralih ke Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, silakan Menterinya.

**4.55 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbincangan Titah Diraja sepanjang minggu lepas. Izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa perbincangan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg telah membangkitkan isu berkenaan pembangunan projek-projek infrastruktur khususnya projek jalan raya di kawasan luar bandar khususnya di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini sentiasa komited dalam melaksanakan projek-projek jalan luar bandar bagi negeri Sarawak. Pada tahun 2013 ini sahaja, sejumlah RM450 juta telah diperuntukkan oleh kementerian bagi pelaksanaan projek jalan luar bandar di negeri Sarawak. Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensinya yang lain seperti Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kerja Raya dalam memastikan pelaksanaan projek yang telah dirancang berjalan dengan lancar dan dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman telah membangkitkan isu berkenaan perumahan untuk golongan miskin di luar bandar. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam tempoh tahun pelaksanaan *National Key Result Area* (NKRA) daripada tahun 2010 hingga Jun 2013, sejumlah RM1.22 bilion telah diperuntukkan bagi membina sebanyak 62,154 unit rumah untuk golongan miskin dan miskin tegar melalui Program Bantuan Rumah.

Bagi pelaksanaan PBR ini, dalam lima tahun akan datang iaitu daripada tahun 2014 hingga 2018, kementerian ini telah mengemukakan permohonan berjumlah RM1 bilion kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Dengan jumlah peruntukan tersebut, diunjurkan sebanyak 47,226 unit rumah akan dibina atau dibaikpulih bagi meningkatkan tahap kesejahteraan untuk keluarga miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som a/l Inong telah membangkitkan isu berkenaan masyarakat kaum Siam. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, antara fokus utama kementerian adalah meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar termasuk keluarga miskin tegar, miskin dan mudah miskin yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan 40 peratus terendah. Pelaksanaan ini merentasi sempadan bangsa dan agama dan ini bermakna pelaksanaannya berdasarkan kepada insiden kemiskinan di sesuatu tempat. Golongan ini merangkumi kesemua penduduk luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak, mahupun masyarakat berketurunan Siam.

Dalam membantu golongan berpendapatan rendah di luar bandar, kementerian telah melaksanakan program yang dikategorikan kepada tiga bidang utama di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat iaitu:

■1700

- (i) SPKR iaitu peningkatan tahap ekonomi yang dilaksanakan melalui Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang memberi bantuan kepada kadar tidak melebihi RM10,000 seorang bagi menjalankan aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan.
- (ii) peningkatan kualiti kehidupan yang dilaksanakan melalui Program Bantuan Rumah melibatkan pembinaan baru atau baik pulih rumah bertujuan untuk menyediakan tempat kediaman yang selesa dan selamat; dan
- (iii) pembangunan modal insan bagi meningkatkan pengetahuan, keupayaan dan kemahiran ahli keluarga melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI).

Selain itu kementerian turut melaksanakan program dalam skala yang lebih besar dengan matlamat memperhebatkan usaha membangunkan kawasan-kawasan terpencil, mundur dan terbiar melalui program-program berikut:

- (i) Program Pembangunan Bersepadu berkonsepkan agropolitan. Ia mencakupi pembangunan ekonomi, fizikal dan sosial iaitu Program Lonjakan Mega Luar Bandar (PLMLB) dengan matlamat meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar dari RM300 sebulan kepada RM1,200 atau lebih sebulan;
- (ii) Program Pembangunan Tanah dengan tanaman komoditi getah dan sawit yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kementerian seperti FELCRA dan RISDA, SELCRA, Jabatan JPS dan LIGS serta;
- (iii) Program Pembangunan Wilayah. Ia dilaksanakan oleh KESEDAR, KETENGAH, KEDA dan KEJORA bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi di wilayah yang terlibat, dan
- (iv) MARA. MARA juga akan memperluaskan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan seperti pembiayaan pendidikan dan perniagaan pada masyarakat Siam seperti mana yang ditawarkan kepada kaum bumiputera yang lain.

Kementerian ini sangat komited dan akan meneruskan agenda Transformasi Luar Bandar ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat tanpa mengira bangsa mahupun keturunan termasuklah kaum keturunan Siam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini terpenggil untuk menjawab beberapa isu berkaitan Masyarakat Orang Asli. Seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan juga beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah. Untuk makluman Yang Berhormat Ahli Dewan, sejak tertubuhnya Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sehingga kini, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif terutama dalam mengurangkan kadar kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan memberi perkhidmatan kesihatan berkualiti dan terbaik kepada masyarakat Orang Asli. Usaha-usaha kerajaan melalui JAKOA telah menunjukkan kesan yang signifikan terhadap penurunan kadar kemiskinan dan peningkatan taraf kualiti hidup di kalangan masyarakat Orang Asli.

Kadar atau insiden kemiskinan Orang Asli secara perbandingan di antara tahun 2000 kepada tahun 2010 telah menunjukkan penurunan iaitu daripada 83.4 peratus kepada 31.16 peratus. Kerajaan terus memberi perhatian dan komitmen yang khusus kepada Masyarakat Orang Asli ke arah mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli melalui dasar-dasar semasa yang dilaksanakan. Komitmen kerajaan turut menyentuh sasaran utama untuk mengurangkan insiden kemiskinan Orang Asli kepada 25 peratus pada tahun 2015 nanti. Selain itu bermula 1 Januari tahun 2012, perkhidmatan kesihatan Orang Asli telah disahkan sepenuhnya di bawah pentadbiran Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai jaminan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

Mengenai pemilikan tanah di kalangan kaum minoriti ini, sebagaimana termaktub dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, Senarai 2, Senarai Negeri, hal ehwal tanah terletak dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Mengenai tanah adat pula, tidak ada kenyataan bertulis istilah tanah adat bagi masyarakat Orang Asli di dalam undang-undang bertulis dan kuat kuasa mengenai tanah di negara ini. Juga tidak ada istilah orang asal dalam undang-undang bertulis dan berkuat kuasa dalam negara ini.

Peringkat awal pelaksanaan pembangunan tanah sebagai projek komersial yang dilaksanakan oleh Agensi Tanah Persekutuan adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan. Orang Asli menerima dividen berdasarkan projek yang berhasil setelah ditolak kos-kos pengurusan projek. Kadar dividen ini bergantung kepada prestasi, produktiviti dan harga komoditi semasa. Mengenai rundingan dan persefahaman dalam urusan penyukatan tanah dan pemberian hak milik, pihak kerajaan melalui JAKOA hanya melaksanakan kerja mengukur dan menyukat kawasan sekeliling penempatan dan pertanian Orang Asli setelah mendapat persetujuan penduduk. Sekiranya penduduk tidak bersetuju kerja mengukur dan menyukat tidak akan dilaksanakan.

Begitu juga dalam penggubalan dasar dan pemberi milikan dan pembangunan tanah kepada masyarakat Orang Asli telah pun diadakan konsultasi di kalangan cendekiawan, pemimpin belia dan NGO Orang Asli. Dalam usaha memastikan dasar berhubung tanah Orang Asli adalah relevan, diterima baik dan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pihak kerajaan telah memutuskan agar dasar pemberi milikan dan pembangunan tanah kepada Orang Asli dikaji semula dan ditambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat Senator seperti Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman telah menyebut tentang Program Desa Abad ke-21. Program Desa Abad ke-21 disebut sebagai *21st Century Village* merupakan satu program baru yang akan dilaksanakan oleh kementerian ini dalam tempoh Program Transformasi Kerajaan Ke-2 (GTP2), dan pelaksanaannya bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Selain pelaksanaan Program Infrastruktur Asas Luar Bandar (*Rural Basic Infrastructure*) yang telah bermula sejak GTP1 tahun 2010 ke tahun 2012, Program Kampung Abad Ke-21 akan lebih bertumpu kepada sektor pembangunan ekonomi luar bandar.

Di bawah Program Desa Abad ke-21, terdapat dua sektor yang akan diberi tumpuan iaitu pembangunan usahawan belia dan pembangunan ekonomi ataupun pembangunan komuniti. Di bawah sektor pembangunan sektor usahawan, satu program baru diperkenalkan iaitu Program Pertandingan Rancangan Perniagaan atau *Rural Business Challenge* iaitu satu konsep pertandingan terbuka kepada belia-belia untuk merealisasikan impian melaksanakan program perniagaan dengan hadiah geran antara RM500,000 hingga RM2 juta seorang.

Para pemenang akan dapat merealisasikan projek perniagaan sepertimana yang telah dirancang di dalam rancangan perniagaan dengan pemantauan dan bimbingan KKLW dan agensi-agensinya di bawahnya. Manakala bagi sektor pembangunan komuniti terdapat satu program di bawahnya iaitu Program Desa Lestari.

Program Desa Lestari merupakan program transformasi kampung bagi membangunkan kampung-kampung supaya maju dan masyarakatnya berpendapatan tinggi melalui rangsangan pembangunan ekonomi dalam mana-mana sektor bersesuaian seperti pertanian, perladangan, pelancongan serta Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Di bawah program ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar akan mengenal pasti kampung-kampung yang cemerlang dan mempunyai kepimpinan yang berwibawa serta mempunyai potensi ekonomi untuk diperkembangkan dan dimajukan.



Objektif utama kepada program ini ialah bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan kepada penduduk kampung. Bagi fasa pertama tahun 2013, sebanyak 29 buah kampung dari seluruh negara telah dikenal pasti untuk dimajukan. Setiap kampung yang dipilih telah disyaratkan untuk menubuhkan koperasi sebagai pelaksana projek.

#### ■1710

Koperasi berperanan merancang dan melaksanakan projek-projek ekonomi bagi kampung masing-masing dengan melantik pengurus projek di kalangan penduduk kampung yang berwibawa dan berkemahiran. Setiap kampung akan diberikan peruntukan untuk melaksanakan projek ekonomi setelah mendapat kelulusan di peringkat kementerian.

Di bawah Program Desa Lestari, setiap kampung yang terpilih akan menubuhkan koperasi sebagai entiti pelaksana projek-projek ekonomi. Pihak pengurusan koperasi digalakkan melibatkan penyertaan belia-belia kampung sebagai perancang dan pelaksana projek. Langkah ini akan dapat memberikan peluang pekerjaan kepada belia-belia terbabit serta mengelakkan penghijrahan mereka ke bandar. Dalam masa yang sama koperasi-koperasi juga digalakkan untuk melibatkan peranan RTC di dalam mempromosikan produk-produk kampung mereka atau pelaksanaan program-program lain yang akan dapat mengoptimalkan kemudahan kerajaan kepada masyarakat setempat.

Dijangkakan pelaksanaan projek ini akan memberikan impak yang cukup besar kepada masyarakat luar bandar kerana selain menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di luar bandar, koperasi-koperasi kampung ini akan berperanan menjaga kepentingan sosial masyarakat serta bertindak sebagai agen pembangunan ekonomi yang utama di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Jawatankuasa Induk Transformasi Luar Bandar baru sahaja ditubuhkan dan mesyuarat pertama telah diadakan pada 16 Julai 2013. *Outcome significant* yang diperoleh daripada mesyuarat tersebut adalah kesungguhan dan itizam pihak kerajaan negeri dan jabatan serta agensi Persekutuan untuk sama-sama membantu kementerian ini dalam menjayakan pelaksanaan program dan projek pembangunan di bawah Program Transformasi Luar Bandar.

Berhubung isu pembangunan belia, sebuah *task force* telah ditubuhkan bagi merangka program Pemerksaan Belia. Program dan pelan tindakan yang berkaitan sedang diperhalusi dan akan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi Persekutuan dan pihak kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ingin menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC iaitu *Rural Transformation Centre* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad dan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok. Kerajaan sedang memperluaskan pelaksanaan RTC ke seluruh Malaysia. Dengan perwujudan RTC kelak, kerajaan berharap penduduk luar bandar akan mendapat manfaat menerusi pelaksanaan inisiatif-inisiatif RTC dan juga kemudahan pusat-pusat satu hentian pelbagai perkhidmatan atau *one-stop centre* yang menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan oleh pihak kerajaan dan juga swasta.

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup penduduk di lingkungan kawasan RTC. Sebagai contoh, pelaksanaan satu RTC iaitu latihan kemahiran mampu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan peserta. Manakala pelaksanaan ladang kontrak di bawah inisiatif ketiga RTC iaitu pertanian bernilai tinggi mampu menjana pendapatan dan menjamin pasaran untuk hasil pertanian yang dikeluarkan. Kualiti hidup penduduk juga dapat ditingkatkan melalui perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan yang merupakan inisiatif ketujuh RTC ini.

Merujuk kepada penglibatan belia di RTC, kumpulan sasar RTC meliputi semua peringkat penduduk termasuk para belia. Para belia akan dibantu melalui penyediaan latihan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik atau menggunakan kemahiran yang diperoleh untuk bekerja sendiri atau menjadi usahawan. Kementerian peneraju RTC yang lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan akan membantu para belia seperti bantuan teknikal, khidmat nasihat.

Terutamanya belia yang terlibat dalam perniagaan atau pertanian, khususnya dalam meningkatkan kuantiti dan kualiti produk dan pemasaran.

Di samping itu, pinjaman dan pembiayaan kewangan turut disediakan oleh bank dan institusi kewangan seperti Bank Simpanan Nasional, Agrobank, TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia yang merupakan inisiatif kelapan RTC. Pelaksanaan aktiviti dan program sebegini mampu mengurangkan kadar pengangguran dan menggalakkan para belia memainkan peranan lebih aktif dan tidak berhijrah ke kawasan bandar..

Merujuk kepada cadangan penubuhan RTC di negeri Sarawak. Kerajaan sedang dalam proses untuk melaksanakan RTC yang telah dipilih iaitu di Bekenu, Miri di bawah kawasan Parlimen Sibuti. Pemilihan lokasi ini telah dipersetujui oleh semua kementerian peneraju RTC dan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok, kerajaan juga sedang memperluaskan pelaksanaan mini RTC yang bertujuan melaksanakan inisiatif RTC dalam skala yang lebih kecil. Mini RTC yang dahulunya dikenali sebagai Medan Infodesa ini berperanan membantu penduduk-penduduk kampung melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti di bawah inisiatif RTC dan juga bekerjasama dengan JKKK, pihak universiti dan 1M4U untuk aktiviti sukarelawan. Sehingga kini terdapat tujuh mini RTC di negeri Sarawak iaitu di Kampung Buntal, Kampung Selanyau di Miri, Kampung Stas di Bau, Kampung Tellian Tengah di Mukah, Kampung Pangkat Stumbin di Sri Aman, Rumah Cangkul di Lubok Antu dan Selangau di Sibiu.

Merujuk kepada pandangan Ahli Yang Berhormat mengenai cadangan beberapa lokasi RTC Sarawak seperti di Telaga Ai di Kuching, Gedung, Nanga Sepak, Layar, Pulau Bruit, Long Lama di Baram, Batu Niah di Suai dan beberapa tempat lagi. Perkara ini akan dipanjangkan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak untuk pertimbangan dan penilaian lanjut. Saya berharaplah Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok boleh membantu untuk berbincang juga perkara ini dengan Yang Berhormat Menteri KPLB di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus telah bertanya tentang isu sewa lot premis kedai di bawah UDA dan MARA. Kementerian hanya dapat menjawab bagi pihak MARA kerana memandangkan UDA adalah di luar kawal selia kementerian ini. Pada masa kini, MARA mempunyai 484 premis perniagaan dengan 7,408 ruang niaga. Premis perniagaan ini termasuk lot atau unit perniagaan, rumah kedai, arked, bazar dan kompleks perindustrian. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, MARA mendapat kelulusan untuk menaiktarafkan 11 projek sedia ada untuk memberi lebih keselesaan kepada penyewa-penyewa dan kerja-kerja baik pulih telah dan sedang dijalankan.

Selain daripada itu, sebuah bazar telah diluluskan pembinaannya di Bukit Bunga di Jeli, Kelantan. Bazar ini boleh menempatkan 63 unit perniagaan untuk disewa. MARA akan sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan perniagaan yang selesa dengan kadar sewa yang rendah untuk membantu dalam pembangunan usahawan-usahawan bumiputera. Kadar sewa sedia ada berbeza di setiap lokasi. Namun, MARA memberikan jaminan bahawa kadar sewa yang telah ditetapkan adalah dalam kadar minimum dan mampu dibayar oleh penyewa-penyewa.

#### ■1720

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan sentiasa meneruskan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat akan disediakan dari semasa ke semasa. Pembangunan ekonomi dan bina insan akan turut dilaksanakan bagi membolehkan rakyat bersedia dalam kehidupan mereka. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutama sekali di luar bandar.

Kerajaan menghargai sokongan masyarakat luar bandar yang terus menerus menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Selaras itu, kementerian akan sentiasa memastikan keperluan masyarakat luar bandar dipenuhi selaras dengan slogan rakyat didahulukan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong dan saya menggulung. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya sekarang kita sudah ada tujuh buah kementerian yang telah menjawab. Kita masih ada 15 buah kementerian yang belum lagi menjawab.

Oleh yang demikian, saya mintalah dari pihak kementerian, kalau menjawab itu cubalah menjawab secara spesifik, secara tepat dan ringkas supaya dapat kita habiskan sesi menjawab ini sehingga petang esok. Jadi, tanpa melengahkan masa saya ingin mempersilakan Kementerian Belia dan Sukan. Silakan, pihak Yang Berhormat Menteri.

#### 5.21 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan terhadap Kementerian Belia dan Sukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal, Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin bin Haji Abu Bakar dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja. Oleh yang demikian, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sebagaimana berikut.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai persatuan belia yang *multiracial*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pergerakan belia di negara ini semenjak sebelum merdeka lagi adalah berasaskan kepada keturunan agama, sosioekonomi dan lain-lain. Ini adalah asas kepada wujudnya ABIM, GPMS, Persatuan Belia *Buddhist*, Persatuan Belia Hindu dan lain-lain. Namun demikian, trend semakin berubah dengan lahirnya pertubuhan belia yang berasas minat dan kecenderungan beraktiviti tanpa mengira kaum atau agama.

Antara beberapa contoh pertubuhan belia yang *multiracial* di negara ini termasuk Junior Chamber Malaysia dengan izin, Persatuan Asrama Belia Malaysia, Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) dan lain-lain lagi. Di peringkat akar umbi majoriti persatuan belia baru membuka keahlian kepada *multiracial* seperti yang diamalkan oleh Kelab Rakan Muda, Gerakan Belia IT dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) adalah badan induk yang menggabungkan semua pertubuhan belia kebangsaan yang datang dari pelbagai latar belakang untuk menjadikannya sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia *multiracial*. Peranan yang sama berlaku pada majlis belia negeri dan majlis belia daerah. Dari segi statistiknya, sehingga tahun 2012 bahawa sebanyak 4,709 buah persatuan iaitu 57 peratus daripada 8,220 yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Belia (ROY) merupakan persatuan yang boleh dikategorikan sebagai *multiracial*. Manakala 3,018 buah persatuan yang diasaskan mengikut kaum. Dimaklumkan juga bahawa Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) masih lagi bergerak aktif dan berperanan penting dalam menggerakkan golongan belia di peringkat akar umbi.

Pertubuhan belia merupakan suatu gerakan yang bersifat sukarela. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menjalankan program-program secara kerjasama dengan NGO-NGO belia daripada pelbagai kaum bagi menggalakkan keharmonian antara kaum. Antara program yang dijalankan ialah Festival Belia Putrajaya, Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional dan Majlis Perundingan Belia Negara, negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai cadangan untuk mewujudkan kembali penggerak Rakan Muda peringkat DUN yang pernah diperkenalkan dahulu. Dimaklumkan bahawa cadangan tersebut perlu diperhalusi secara mendalam. Ini kerana pelantikan semula penggerak di peringkat DUN di seluruh negara akan melibatkan implikasi kewangan yang tinggi. Namun, kementerian ada menyediakan bantuan pentadbiran kepada persatuan-persatuan belia di peringkat kebangsaan iaitu sebanyak 18 persatuan dan di negeri 13 persatuan, daerah 113 persatuan serta badan beruniform enam persatuan dengan jumlah keseluruhan RM10.22 juta pada tahun 2013 berbanding dengan hanya RM4.83 juta pada tahun 2012.

Selain itu, bagi memastikan program-program pembangunan belia dapat diselaraskan di peringkat akar umbi, program-program yang dilaksanakan oleh kementerian mengambil kira aspek budaya, sosioekonomi dan demografi golongan belia di sesuatu kawasan dan dilaksanakan secara kerjasama dengan persatuan-persatuan belia tempatan.

Berkenaan dengan persatuan-persatuan belia yang dikatakan sebagai telah terkubur. Untuk makluman Yang Berhormat pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli persatuan itu sendiri sebenarnya bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju persatuan masing-masing selari dengan hala tuju KBS termasuk memastikan persatuan mereka sentiasa aktif dalam program, aktiviti yang bermanfaat. Pihak kementerian juga ada menyediakan peruntukan bantuan aktiviti setiap tahun kepada persatuan belia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti di kalangan ahli persatuan belia. Walau bagaimanapun, peruntukan tersebut hendaklah dimohon dan tertakluk kepada syarat-syarat serta garis panduan peruntukan KBS dan KBS akan menilai setiap permohonan mengikut keberkesanan aktiviti tersebut.

Merujuk kepada bantuan pengupayaan persatuan belia sebanyak RM3,000 yang pernah diberikan pada tahun 2009. Bantuan tersebut merupakan peruntukan daripada pakej rangsangan ekonomi yang disalurkan secara *one-off*, dengan izin, dan bantuan atau inisiatif yang diperkenalkan pada ketika itu adalah bertujuan untuk memberi galakan kepada golongan belia untuk menubuhkan persatuan belia selaras dengan pewujudan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini kementerian belum bercadang untuk mewujudkan bantuan kemudahan pembiayaan kepada usahawan atau bakal usahawan. Namun begitu, KBS selaku agensi yang menyokong pembangunan usahawan belia, pihak kementerian ada menyediakan kursus-kursus berbentuk keusahawanan kepada belia yang berminat. Kursus-kursus ini dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi yang berkaitan.

Selain itu, terdapat juga agensi-agensi kerajaan lain yang menyediakan pelbagai dana dan inisiatif kepada golongan muda yang ingin memulakan perniagaan atau ingin mengembangkan bidang perniagaan mereka seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MARA dan banyak lagi.

Dalam memahami hasrat dan inspirasi golongan belia, kementerian menerusi agensi iaitu Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah melaksanakan kajian tinjauan umum mengenai senarai hasrat hati, harapan dan bebanan hidup generasi belia kelompok usia 20 tahun hingga 40 tahun. Kajian tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2011 dalam melihat isu cabaran dan masalah yang dihadapi oleh belia pada masa kini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima keperluan paling utama bagi belia iaitu pekerjaan - 23.7 peratus, rumah - 17.5 peratus, kewangan - 15.8 peratus, pendidikan - 15.8 peratus dan kenderaan pengangkutan - 6.3 peratus.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Selain dari itu, kementerian juga turut melaksanakan makmal transformasi pembangunan belia sebagai usaha untuk memahami kehendak dan keperluan belia khususnya generasi 'Y'. Makmal ini yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah mengenal pasti enam inisiatif iaitu Parlimen Belia Malaysia, *Malaysian Youth Park*, dengan izin, *Perdana Leader Fellowship*, *Virtual Youth Resource Centre*, *Malaysia Youth Volunteers* dan Ikon Belia Malaysia.

#### ■1730

Seterusnya mengulas mengenai cadangan agar kementerian mewujudkan dasar belia negara yang lebih komprehensif dan mantap. Kerajaan menyedari golongan belia merupakan sumber aset negara yang paling penting dalam pembangunan negara. Untuk itu dasar ini, diwujudkan sebagai tulang belakang dan panduan bagi setiap pelaksanaan program belia di seluruh negara dengan matlamat membina belia untuk kesejahteraan negara.

Pada masa kini, KBS sedang dalam usaha memperhalus dasar ini bagi menggantikan Dasar Pembangunan Belia Negara 1997 agar lebih relevan dalam memenuhi keperluan sosiodemografi belia semasa yang telah mengalami banyak perubahan kesan daripada pembangunan teknologi, komunikasi dan maklumat jika dibandingkan dengan tempoh sedekad yang lalu.

Penggubalan dasar baru ini juga lebih menitikberatkan pembangunan jati diri serta modal insan golongan belia melalui penggarapan nilai-nilai murni termasuklah nilai kerohanian dan keagamaan. Bagi membentuk penggubalan dasar yang lebih holistik, *engagement* dengan pelbagai peringkat telah dilaksanakan seperti mahasiswa di institusi-institusi pengajian tinggi, mengambil kira pandangan daripada wakil-wakil kerajaan negeri, pandangan dan suara belia melalui Majlis Perundingan Belia Negara, pertubuhan belia, badan-badan bukan kerajaan dan juga pandangan melalui maklum balas daripada agensi dan kementerian-kementerian yang mempunyai penglibatan secara langsung khususnya terhadap pembangunan belia negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membantu golongan belia yang menganggur khususnya di kawasan luar bandar, kementerian menyediakan program-program kemahiran jangka pendek secara tidak formal. Program-program yang dibuat dengan kerjasama agensi-agensi swasta bagi menampung keperluan para belia yang menganggur dan juga yang tercicir daripada sistem pendidikan mahupun para belia yang telah bekerja tetapi ingin menambah kemahiran mereka.

Antaranya adalah melalui program latihan kemahiran tidak formal yang diadakan pada hujung minggu dan juga program perintisan, *training at workplace*, dengan izin. Para belia akan berpeluang mengikut latihan kemahiran teknikal secara jangka pendek yang dijalankan di Kompleks Belia dan Sukan, Kompleks Rakan Muda di premis atau dewan yang bersesuaian di semua negeri melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri. Dengan ilmu kemahiran yang diperolehi, diharap mereka mampu untuk berdikari bagi mendapatkan pekerjaan mahupun dalam bidang, meningkatkan taraf hidup dengan menjana pendapatan atau juga menjadi usahawan belia hasil daripada kemahiran yang diperolehi tadi.

Selain itu, institut latihan kemahiran di bawah kawal seliaan kementerian juga menyediakan program-program latihan kemahiran yang menepati kehendak dan keperluan pasaran kerja semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, terdapat 16 bidang kemahiran utama yang ditawarkan. Antaranya teknologi automotif, teknologi elektronik, teknologi tekstil dan *apparel*, teknologi hospitaliti dan yang terbaru ialah teknologi minyak dan gas, *oil and gas* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyambut baik saranan agar KBS melebarkan sayap kepada program-program seperti mengadakan kerjasama dengan kelab ataupun persatuan penerbangan dan sukan berkuda. Ini kerana sukan-sukan seperti ini dilihat sebagai sukan profesional dan membantu memperkasakan ekonomi. Untuk makluman, dalam aktiviti sukan udara, kementerian telah menganjurkan kursus yang dilaksanakan setiap tahun dengan kerjasama persatuan-persatuan *paragliding*

Selain itu, kementerian menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) sentiasa bekerjasama dengan Persatuan Ekuestrian Malaysia dalam melaksanakan program latihan bagi acara *show jumping*, *racing*, *endurance* dan *eventing* untuk persediaan atlet ke arah Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik.

Akhir sekali adalah mengenai saranan supaya Kementerian Belia dan Sukan menambah peruntukan tahunan kepada Majlis Sukan Labuan bagi membantu dalam penganjuran Temasya Sukan Borneo 2013 yang dijangka diadakan pada bulan September tahun ini. Dimaklumkan bahawa perkara tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan dan bagi pihak KBS, difahamkan perkara ini akan disentuh oleh kementerian berkenaan dalam sesi penggulangan mereka nanti.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penggulangan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Minta mencelah sedikit. Sebelum hendak habis sebab Timbalan Menteri baca laju sangat. Terima kasih.

Pertamanya tadi berkenaan cadangan daripada pihak kementerian berkenaan dengan bantuan pengupayaan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak tahu, adakah kerajaan ataupun pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan balik bantuan tersebut sebab pengulasan yang Timbalan Menteri bagi tadi berkenaan dengan yang telah diberi? Akan tetapi permohonan dalam persoalan yang kami ucapkan di dalam Dewan, kami mohon supaya pihak kementerian, mohon melalui kerajaan agar bantuan pengupayaan ini diwujudkan kembali untuk peringkat pertubuhan belia di peringkat cawangan-cawangan. Jadi persoalannya kami hendak tanya, adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkannya kembali?

Kedua, persoalannya berkenaan dengan Tabung Usahawan, pinjaman tadi. Saya rasa saya tidak berapa jelas tadi sama ada pihak kementerian ada atau tidak menyediakan pinjaman untuk belia-belia yang melepasi daripada kursus-kursus yang telah disediakan oleh pihak kementerian sebab kita tahu pihak kementerian mempunyai banyak pusat latihan yang mengeluarkan banyak modal insan yang berkemahiran. Akan tetapi selepas itu mungkin tidak ada kesinambungan. Selepas mereka keluar dari pusat latihan, bermaksud pihak kementerian tidak menyediakan satu dana ataupun tabung yang membolehkan mereka menguruskan perniagaan mereka sendiri selepas mereka tamat kursus tersebut. Jadi saya hendak taulah tentang cadangan pihak kementerian ada atau tidak pihak kementerian ingin menyediakan tabung pinjaman seperti mana MARA sediakan. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulan jawapan saya laju sedikit mengikut saranan daripada Tuan Yang di-Pertua supaya mengambil kira kesulitan masa. Kedua, daripada segi Skim Tabung Ekonomi Belia. Saya setuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat daripada segi latihan dan bantuan kewangan adalah amat penting. Sekiranya tidak, mungkin mereka yang telah dilatih tidak dapat meneruskan kegiatan mereka dalam bidang ekonomi kerana kesulitan kewangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun hari ini, kita salurkan bantuan melalui agensi-agensi lain seperti TEKUN dan sebagainya.

Daripada segi kedudukan pihak KBS khususnya Skim Tabung Ekonomi Belia yang telah bermula pada tahun 2006 sehingga melibatkan Skim Belia Tani (SBT) yang diuruskan oleh Agrobank dan Skim Belia Niaga yang diuruskan oleh Bank Rakyat telah mengeluarkan sebanyak RM54.7 juta bantuan kewangan iaitu sejumlah RM34.7 juta daripada SBN dan SBT pula sejumlah RM20 juta melibatkan seramai 1,449 peminjam.

Akan tetapi memandangkan sehingga bulan Jun 2013, jumlah kutipan ialah sebanyak RM23 juta iaitu 47.3 peratus sahaja daripada dana yang dikeluarkan dengan baki sebanyak 1,342 orang belum bayar balik lagi dana tersebut, maka kita telah menangguhkan skim ini. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini bantuan-bantuan kewangan seperti ini diteruskan melalui agensi-agensi lain seperti TEKUN dan sebagainya. Pandangan Yang Berhormat akan dikaji semula mengikut dana yang sedia ada dan juga peruntukan yang diperoleh oleh pihak KBS.

Dengan ini, setakat ini sahajalah penggulangan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan... Ada lagi?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sedikit lagi. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi kita tahu sekarang ini berkenaan dengan modal insan ini adalah salah satu platform yang penting untuk pembentukan negara. Jadi saya cuma ingin mencadangkan kalau pihak kementerian dan pihak kerajaan juga melihat balik daripada segi konsep Kementerian Belia dan Sukan ini sebab kita tahu kalau daripada segi modal-modal insan yang berkemahiran setelah tamat pengajian, mereka perlu pergi ke agensi-agensi lain, mungkin akan berlaku beberapa daripada segi birokrasi dan sebagainya.

Jadi kita ingin mencadangkan di dalam Dewan ini supaya pihak kerajaan boleh mewujudkan kembali satu dana khas tabung ataupun tabung pinjaman untuk para belia ini secara terus melalui Kementerian Belia dan Sukan, saya rasa itu lebih baik. Ini kerana kalau tidak diwujudkan nanti tenaga-tenaga yang berkemahiran ini, mereka agak tidak berapa jelas tentang peruntukan atau pinjaman yang membolehkan mereka menjalankan ataupun meneruskan daripada segi kemahiran yang mereka pelajari. Jadi itu sebagai cadanganlah. Kita minta pihak kerajaan melihat balik akan tabung ini dan berikan bajet tambahan kepada kementerian untuk belia kita meneruskan perniagaan mereka. Terima kasih.

## ■1740

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya sendiri bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Ini kerana pada masa-masa silam, mereka yang telah menjalani kursus-kursus ataupun latihan-latihan kemahiran melalui agensi-agensi lain seperti Kementerian Sumber Manusia dan sebagainya telah tercicir kerana tidak memperoleh bantuan kewangan untuk meneruskan dalam bidang yang mereka telah dilatih. Maka cadangan Yang Berhormat saya terima dan sokong. Saya harap kerajaan akan mengambil kira pandangan Ahli Yang Berhormat dan melahirkan satu dana khas untuk belia-belia yang menjadi *special lane* atau pun *green lane* untuk memperoleh dengan kadar yang cepat. Cadangan Yang Berhormat akan dipanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat disampaikan kepada peringkat kerajaan.

Setakat ini sahaja penggulungan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas kesediaan dan keprihatinan dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, kementerian-kementerian saya minta, sungguhpun kita ada beberapa kementerian sehingga esok, walau bagaimanapun, kalau boleh beri kerjasama dengan penuh timbang rasa dan betul-betul semua pihak. Akan tetapi jangan tinggalkan isu-isu yang penting yang telah dibangkitkan. Ini saya fikir, perkara ini tidak boleh dikompromilahkan kerana kebertanggungjawaban kita di sini untuk mendapatkan suatu jawapan daripada kementerian.

Ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya nyatakan selalu, mesti berada di dalam Dewan dan mengikut jawapan-jawapan. Di samping itu, kita insya-Allah mengikut peraturan ini, jumlah itu saya rasa kita boleh selesaikan dalam jangka masa yang telah kita tetapkan. Tanpa buang masa saya persilakan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Dipersilakan Yang Berhormat.

Sebelum Yang Berhormat mulakan itu, saya hendak umumkan satu perkara yang penting juga kepada semua Ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa Dewan akan ditempohkan pada jam 7 malam sehingga jam 8.30 malam bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuka puasa. Dewan akan bersambung semula pada jam 8.30 malam. Sehubungan dengan itu, sukacita saya menjemput semua Ahli-ahli Dewan, pegawai-pegawai bertugas dari kementerian dan jabatan serta ahli-ahli media, tidak kira Islam atau tidak, semua adalah dijemput. Saya harap Yang Berhormat dan semua ahli yang terlibat dijemput hadir apabila kita mengadakan buka puasa. Sekian, terima kasih. Sekarang mempersilakan Yang Berhormat.

## 5.43 ptg.

**Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato Sri Douglas Uggah Embas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan beberapa isu menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan Yang Berhormat mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung telah bertanya mengenai statistik tentang bantuan yang telah diberi kepada industri penanam kelapa sawit dan penguasa getah. Untuk makluman Yang Berhormat, skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) telah bermula pada tahun 2011. Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan adalah berjumlah RM902 juta. Permohonan yang berjaya akan menerima bantuan pada kadar RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak. Luas kawasan bantuan dihadkan kepada 40 hektar untuk tanaman semula dan 5 hektar untuk skim tanaman baru.

Kemajuan skim ini sehingga 16 Julai 2013 adalah seperti berikut. Di Semenanjung Malaysia bagi skim TBSPK, sebanyak 3,101 permohonan telah diluluskan melibatkan 5,435 hektar. Manakala bagi skim TSSPK, 11,031 permohonan telah diluluskan dengan keluasan 23,665 hektar.

Di Sabah pula, bagi skim TBSPK sebanyak 3,101 permohonan telah diluluskan melibatkan 10,954 hektar. Manakala bagi skim TSSPK, 1,111 permohonan telah diluluskan dengan 16,835 hektar.

Di Sarawak, bagi skim TBSPK sebanyak 12,667 permohonan telah diluluskan melibatkan 30,881 hektar. Manakala bagi skim TSSPK, 207 permohonan diluluskan dengan keluasan 714 hektar.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan yang diberi kepada pekebun kecil persendirian di bawah skim Tanaman Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan TBSPK tidak perlu dibayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu bantuan kepada pekebun getah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung tadi, suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi mula terlibat melaksanakan program tanaman semula mulai tahun 2011. Kerajaan telah meluluskan bantuan geran tanaman semula dan tanaman baru getah berjumlah RM9,230 sehektar di Semenanjung Malaysia, RM14,000 sehektar di Sabah dan RM13,500 sehektar di Sarawak.

Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara, program tanaman semula disasarkan sebanyak 40,000 hektar setahun sehingga tahun 2020 iaitu 25,000 hektar di Semenanjung, 5,000 hektar di Sabah dan 10,000 hektar di Sarawak. Pada tahun 2012, pencapaian program tanaman semula di Semenanjung Malaysia sebanyak 23,610 hektar, di Sabah - 8,912 hektar dan di Sarawak - 4,200 hektar. Manakala bagi tanaman baru, sebanyak 13,000 hektar setahun disasarkan dalam tempoh 5 tahun mulai tahun 2012 seperti berikut iaitu 3,000 hektar di Semenanjung, 5,000 hektar di Sabah dan 5,000 hektar di Sarawak. Pada tahun 2012, pencapaian tanaman baru di Semenanjung Malaysia sebanyak 3,000 hektar, di Sabah - 4,890 dan di Sarawak - 7,182 hektar. Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan-bantuan ini juga tidak perlu di bayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah telah membangkitkan pelaksanaan Dasar Komoditi Negara terutama dari segi dasar kerajaan dan pengisian pekerja dalam sektor perladangan komoditi dan juga dari segi menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah merangka Dasar Komoditi Negara 2011/2020 khusus bagi menetapkan hala tuju untuk memperkukuhkan lagi peranan dan sumbangan industri kepada pertumbuhan ekonomi.

Bagi mencapai matlamat dan objektif Dasar Komoditi Negara, faktor modal insan amat penting. Sehubungan dengan itu, dasar kerajaan memang untuk menggalakkan para pengusaha komoditi untuk mengutamakan pekerja-pekerja tempatan bekerja di ladang. Namun demikian, kesukaran untuk mendapat pekerja-pekerja tempatan yang berminat bekerja di ladang terutama di ladang sawit dan getah ketika ini menyebabkan para pengusaha ladang terpaksa menggunakan khidmat pekerja-pekerja asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod kementerian sehingga Mac 2013, terdapat seramai 838,075 pekerja di sektor perladangan. Daripada jumlah ini, seramai 509,792 atau 60.8 peratus adalah pekerja tempatan dan baki 328,283 atau 39.2 peratus terdiri daripada pekerja asing. Daripada jumlah pekerja asing, sebilangan besar iaitu 88.5 peratus bekerja di ladang sawit manakala 8.9 peratus bekerja di ladang getah milik pekebun kecil.

Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi serta agensi-agensi di bawahnya sentiasa berusaha untuk menarik minat rakyat tempatan untuk berkecimpung dalam industri berasaskan komoditi. Beberapa langkah yang sedang diambil dan dilaksanakan.

#### ■1750

Pertama, penubuhan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia bagi menarik minat golongan muda untuk bekerja di sektor perladangan



Kedua, menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menubuhkan koperasi di mana ia akan membolehkan penggunaan tenaga secara optimum, penggunaan jentera dan tenaga buruh.

Ketiga, mempromosikan peluang-peluang kerja melalui penganjuran Pameran Persidangan Antarabangsa Komoditi Malaysia (MICCOS) yang diadakan dwitahunan.

Keempat, penganjuran *Hello Commodity* iaitu sebuah program turun padang MPSC bertemu pelanggan dan rakyat yang diadakan enam kali setahun di seluruh negara.

Mengenai kekhawatiran Yang Berhormat bahawa kepentingan pekebun kecil diketepikan dalam pesanan dasar komoditi negara, ingin saya jelaskan bahawa di bawah teras enam DKN iaitu memang ada satu teras iaitu memajukan pekebun kecil dan usahawan. Tumpuan diberi kepada penggunaan yang bersepadu bagi meningkatkan keupayaan mereka menerusi latihan, pameran, pemindahan teknologi dan meningkatkan hasil pasaran.

Antara program yang telah dijalankan adalah yang pertama menggalakkan pekebun kecil menanam semula pokok sawit, getah, koko dan lada yang telah tua dan tidak produktif.

Kedua, menyediakan khidmat sokongan secara bersepadu melalui pakej daripada bijih benih hingga pemasaran produk yang melibatkan keseluruhan rangkaian bekalan.

Ketiga, memberi khidmat nasihat menerusi ceramah teknikal, kursus pertunjukan kaedah, plot, demonstrasi dan sebagainya.

Keempat membantu menghasilkan produk-produk hiliran antara kursus dan pelbagai untuk pasaran eksport. Bagi membantu usahawan dan pekebun kecil industri komoditi, kerajaan telah menyediakan RM918.5 juta bagi membiayai 22 jenis bantuan dan inisiatif pada tahun 2013.

Bantuan dan inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup usahawan dan pekebun kecil dan pada masa yang sama melonjakkan hasil komoditi negara. Yang Berhormat Dr. Lucas bin Umbul mencadangkan supaya kementerian menubuhkan dana perlindungan untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk menghadapi kesan daripada kejatuhan harga komoditi.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat, harga komoditi eksport utama negara seperti minyak sawit, getah, koko dan lada adalah dipengaruhi oleh faktor pasaran antarabangsa. Ia juga mempunyai hubungan dengan prestasi ekonomi dunia terutamanya pengimport utama negara dari China dan Kesatuan Eropah.

Bagi menangani penurunan harga komoditi, Kementerian Usahawan Perladangan dan Komoditi telah pun melaksanakan pelbagai langkah termasuk mempercepatkan pelaksanaan Program Bio Bahan Api dan menyediakan ke arah mempelbagaikan produk-produk hiliran komoditi. Di samping itu kerajaan telah menyediakan dana untuk menggalakkan para pekebun kecil menanam semula pokok-pokok sawit dan getah yang tua yang tidak produktif.

Selain itu kerajaan juga menggalakkan para pekebun kecil menubuhkan koperasi ke arah meningkatkan pendapatan melalui aktiviti lain dan berkaitan. Oleh yang demikian maka kerajaan ataupun kementerian belum bercadang untuk menubuhkan dana perlindungan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Senator dalam Perbahasan Titah Diraja. Kalau ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian dan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri sendiri datang menjawab di Dewan Negara ini. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih. Sekarang tanpa buang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan.

**5.54 ptg.****Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya memaklumkan bahawa ada 15 orang Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian yang menyentuh perihal Kementerian Dalam Negeri semasa berbahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada minggu yang lepas.

Jadi dalam keadaan yang sedemikian, mempunyai 17 isu yang dibangkit. Jadi payah betul saya hendak memendekkan jawapan-jawapan Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, 15 orang yang menyentuh kementerian ini.

Sebagai *detail* nya bahawa Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop membangkit isu mengenai kekuatan anggota dan pembangunan pasukan Polis Diraja Malaysia dan rancangan menambah anggota bagi tempoh tiga ke lima tahun yang akan datang. Kedua, program pengambilan ATM, bekas ATM, pesara ATM di sub ke dalam PDRM dan juga penglibatan pihak RELA dan JPAM membantu polis dari segi memerangi jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Dewan yang mulia ini Suruhanjaya Pasukan Polis PDRM menyasarkan pengambilan pegawai dan anggota seramai 4,000 orang setiap tahun bermula pada tahun 2013 sehingga tahun 2018. Walau bagaimanapun pelaksanaan pengambilan baru ini tertakluk kepada dua perkara iaitu kekosongan jawatan setiap tahun yang secara purata berjumlah 1,200 orang hingga 1,500 orang pesara wajib dalam PDRM. Kedua, penambahan waran perjawatan baru daripada agensi pusat.

Pihak PDRM khususnya Jabatan Pengurusan dan Jabatan Logistik sentiasa mengkaji keperluan penambahan perjawatan dan keperluan logistik di peringkat kontinjen, daerah, balai dan pondok di seluruh negara. Pihak PDRM peka akan keperluan penambahan, kekuatan, penugasan anggota keperluan logistik di kawasan-kawasan tertentu yang terdapat keperluan mendesak.

Walaupun bagaimanapun, perjawatan dan keperluan logistik PDRM buat masa ini adalah terhad. Sehubungan dengan itu, usaha-usaha berterusan sentiasa dilakukan bagi memenuhi keperluan semasa bagi semua kawasan agar kesejahteraan dan ketenteraman masyarakat terjamin.

Saya juga ingin menyentuh mengenai program penambahan pesara ATM untuk dilantik sebagai anggota PDRM dibangkit oleh Yang Berhormat Senator. Program ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2011, hasil daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Sehubungan dengan itu sehingga kini seramai 201 orang pesara ATM telah dilantik sebagai konstabel dan konstabel sokongan. Dalam hal ini pengambilan pesara ATM untuk berkhidmat dengan PDRM akan terus dilaksanakan secara bersama dengan pengambilan biasa daripada kalangan calon awam.

Program pengambilan bagi bekas tentera ATM untuk diserapkan ke dalam PDRM akan berterusan dilaksanakan dan bergantung kepada kekosongan jawatan dalam PDRM. Menyentuh mengenai peranan yang dimainkan oleh Pasukan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam dan Polis Bantuan dalam membantu PDRM memerangi jenayah. Suka saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa inisiatif merupakan salah satu langkah yang di laksana oleh pihak kementerian bagi mencapai sasaran penurunan sebanyak 20 peratus kadar jenayah jalanan di bawah bidang keberhasilan utama negara, NKRA.

Di bawah inisiatif ini anggota RELA, JPAM dan polis bantuan dilantik sebagai sukarelawan simpanan polis dan membantu PDRM bagi tugas-tugas rondaan, lokasi yang telah dikenal pasti sebagai kawasan panas. RELA, JPAM dan polis bantuan memainkan peranan yang aktif dalam membantu PDRM dalam memerangi jenayah termasuklah meningkatkan kemahiran PDRM di lapangan *omnipresent* melalui rondaan bersama dan meluaskan polis *voluntary reserved*, di mana anggota RELA dan JPAM yang berkecuali disub masuk ke PBR selaras dengan sasaran NKRA mengurangkan jenayah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan. Hasil daripada kerjasama ini pihak PDRM telah berjaya mengurangkan jenayah setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, pembinaan sebanyak tiga buah balai polis baru sedang dilaksanakan dan empat balai polis sedang dinaikkan taraf mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh kerajaan. Bagi penaikan kuarters pula adalah sebanyak 13 perumahan PDRM sedang dijalankan kerja-kerja pembaikan termasuk kerja-kerja pengubahsuaian dari kuarters dua bilik kepada tiga bilik. Kerja ini akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dalam perbahasan beliau juga membangkit mengenai kesiapsiagaan PDRM khususnya Kementerian Dalam Negeri amnya dalam menangani maklumat fitnah melalui media sosial seperti *Facebook* dan *blog*.

#### ■1800

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, sebagai kementerian yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan ketenteraman awam, pihak kementerian akan mengambil tindakan segera sekiranya menerima sebarang laporan ataupun aduan daripada pihak awam berkenaan maklumat ataupun fitnah yang dilemparkan di media-media sosial seperti *Facebook* dan *blog*. Siasatan terperinci dan mendalam akan dilakukan untuk memastikan laporan atau aduan yang dikemukakan adalah sahih dan benar. Jika laporan dan aduan tersebut ternyata benar maka tindakan tegas akan diambil ke atas individu tersebut berdasarkan undang-undang yang sedia ada.

Pihak Kementerian Dalam Negeri dan PDRM sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan agensi-agensi lain yang berkaitan bagi memudahkan lagi proses siasatan dan tindakan ke atas pemilik laman *blog* atau *Facebook* yang terlibat dalam menyebarkan fitnah tersebut. Ingin saya tekankan di sini bahawa kerajaan akan memastikan tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat keselamatan dan ketenteraman awam tanpa mengira latar belakang politik, kaum atau agama dengan berlandaskan peruntukan undang-undang sedia ada bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam negara terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader, Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng, Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad membangkitkan mengenai peringkat kadar jenayah dan hubung kait peningkatan tersebut dengan kemasukan senjata api yang berleluasa serta pemansuhan Ordinan Darurat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, pihak polis sentiasa memantau dengan rapi semua aktiviti jenayah berat di Malaysia, termasuklah pemilikan senjata api secara haram.

Pihak kementerian dan PDRM sentiasa komited dan bersungguh-sungguh untuk membanteras sebarang kegiatan jenayah, lebih-lebih lagi jenayah kejam dan berbahaya demi kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara. Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk menangani jenayah berat terutama yang melibatkan senjata api.

Antara lain, kerajaan telah memperkasakan PDRM dengan menubuhkan jabatan khas iaitu Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ). PDRM juga telah mewujudkan Unit Risikan Bersepadu atau *Central Intelligent Unit* (CIU) dengan menggunakan konsep *Intelligent Led Policing* sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah yang dijalankan akan digunakan untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah yang lebih efektif.

Berdasarkan pemerhatian dan pemantauan pihak kementerian, pemansuhan Ordinan Darurat pada tahun 2012 adalah merupakan salah satu fakta yang menyebabkan peningkatan jenayah berat. Ini dapat kita lihat dengan peningkatan kadar jenayah berat berdasarkan rekod PDRM pada tahun 2010 iaitu sebelum ordinan tersebut dimansuhkan iaitu sebanyak 151 kes. Pada tahun 2011 pula sebanyak 143 kes dilaporkan dan peningkatan secara mendadak kes jenayah berat pada tahun 2012 kepada 2,214 kes. Pada tahun ini, dari bulan Januari sehingga Mei sahaja sebanyak 129 kes telah dilaporkan. Peningkatan ini dapat dilihat dengan begitu ketara ekoran daripada pemansuhan akta itu.

Walau bagaimanapun, kementerian dan PDRM sentiasa memantau dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi memastikan perkara ini masih terkawal. Buat masa ini kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan undang-undang baru bagi menggantikan Ordinan Darurat 1969.

Di sini saya memohon agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menyokong cadangan kerajaan ini. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai peningkatan kadar jenayah berat yang disebabkan oleh kemasukan senjata api secara haram. Saya ingin menyatakan di sini walaupun terdapat kes tembakan mati berlaku seperti yang dilaporkan dalam media-media, ianya tidak boleh digambarkan sebagai punca daripada kemasukan senjata api secara haram yang berleluasa. Hasil pemantauan pihak PDRM mendapati keadaan masih lagi terkawal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tiga tahun, bermula dari 2011 sehingga tahun 2013, sebanyak 452 senjata api haram telah dirampas.

Dalam masa yang sama PDRM turut menjalankan operasi khas, Ops Laras dan Ops Api yang dilaksanakan oleh pasukan khas dari semasa ke semasa bertujuan untuk mengambil tindakan bagi membanteras aktiviti penyeludupan senjata api. Manakala sehingga kini berdasarkan rekod pengeluaran senjata api mengikut prosedur yang dibenarkan sehingga Jun 2013 adalah sebanyak 7,085.

Tuan Yang di-Pertua Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman membangkitkan mengenai tindakan persiapan ATM dan PDRM dalam menghadapi gelombang kedua dan ancaman-ancaman lain di Lahad Datu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai ancaman gelombang yang kedua pencerobohan di Lahad Datu adalah tidak benar dan ia adalah khabar angin yang sengaja digembar-gemburkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan dengan tertubuhnya ESSCOM dan ESSZONE bagi memastikan rakyat Malaysia khususnya di Sabah sentiasa terjamin dan terpelihara. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Roslin lagi, bahawa tidak kira sama gelombang kedua ataupun gelombang sebagaimana, PDRM dan ATM sentiasa bersiap siaga.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan ada membangkitkan mengenai kuasa polis bantuan mengiring konvoi VIP perseorangan dengan menggunakan siren di atas jalan. Ini kerana terdapat kes-kes yang mana orang perseorangan didapati mengguna- pengiring polis bantuan di atas jalan raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pegawai kehormat anggota polis bantuan mempunyai kuasa dan tugas seperti anggota polis. Bidang kuasa adalah setaraf dengan pangkat yang disandang apabila menjalankan tugas di kawasan-kawasan premis majikan sahaja. Oleh yang demikian menjadi satu kesalahan jika polis bantuan mengiring konvoi VIP perseorangan di atas jalan raya kecuali di dalam premis kawasan majikan atau bersama dengan PDRM sahaja.

Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus meminta penjelasan mengenai Labuan sebagai daerah polis menjadi sebuah kontinjen, bersesuaian dengan status Labuan sebagai sebuah negeri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak polis belum lagi bersedia untuk menaikkan Labuan sebagai ibu pejabat kontinjen.

Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P. A. Mohd Sultan juga bertanya, membangkitkan mengenai tindakan pelajar-pelajar Malaysia berbangsa Cina di luar negara yang membalikkan bendera Jalur Gemilang, adakah pasport mereka itu akan ditahan ataupun ditarik balik? Untuk makluman Yang Berhormat, pasport adalah dokumen hak milik kerajaan yang di keluar atas nama Yang di-Pertuan Agong. Ia di keluar sebagai satu keistimewaan kepada rakyat bagi kemudahan ke luar negara seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Pasport 1966. Pemegang pasport membawa nama Kerajaan Malaysia ketika menggunakan pasport. Maka kerajaan boleh menarik balik pasport sekiranya kerajaan berpuas hati bahawa pemegang pasport itu tidak lagi layak mendapat keistimewaan tersebut.

Walau bagaimanapun, kerajaan juga berhak menarik balik pasport pelajar-pelajar tersebut, ia perlu di laksana dengan justifikasi dan dengan alasan yang kukuh. Dalam kes ini, pelajar-pelajar telah memohon maaf dan sehingga kini tidak ada tindakan yang diambil atas pasport mereka.

#### ■1810

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Maryani binti Mohammad Yit meminta jumlah tangkapan terhadap penyalahgunaan visa dan pas yang mana mereka terlibat dalam kegiatan maksiat seperti pelacuran dan sebagainya.

Berdasarkan rekod Polis Malaysia, jumlah tangkapan warga asing terlibat dalam kegiatan maksiat ialah seramai 6,327 orang bagi tempoh Januari hingga Jun 2013. Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen pula, jumlah tangkapan warga asing yang terlibat dalam kegiatan maksiat ialah seramai 1,037 orang bagi tempoh Januari hingga Mei 2013.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Ya, bangun. Sila bertanya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai bilangan pendatang-pendatang asing yang ditangkap itu, bilangannya beribu. Boleh atau tidak diberitahu apa jenis hukuman yang dilakukan dan setelah ditangkap itu apa yang dilakukan? Kalau boleh barangkali ini memerlukan data yang lain. Biaya yang terlibat dalam operasi menangkap, menahan dan melepaskan mereka. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya tidak mempunyai butiran yang khusus, jawapan kepada soalan Yang Berhormat Senator tadi, saya memohon memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim memohon penjelasan mengenai jumlah permohonan warganegara yang telah diluluskan dan kriteria yang membolehkan perkara ini diluluskan. Saya mempunyai butiran yang panjang berhubung dengan jumlah mengikut negeri Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya memohon menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Senator. Lagipun Yang Berhormat Senator tidak ada dalam Dewan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman membangkit mengenai isu tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap isu penyelewengan pengeluaran kad pengenalan di Sabah. Sukacita saya perelaskan di sini bahawa dakwaan terhadap isu penyelewengan pengeluaran kad pengenalan di Sabah masih lagi dalam siasatan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah ataupun RCI.

Dalam hal ini, prosiding mengenainya bermula pada 14 Januari 2013, masih berlangsung hingga kini di Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah. Sehubungan dengan itu, kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan laporan dan sol oleh suruhanjaya itu nanti Tuan Yang di-Pertua. Buat sementara ini, semua tindakan digantung. Terima kasih.

Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin membangkitkan mengenai ramai penduduk Sabah dan Sarawak yang masih belum mempunyai dokumen pengenalan diri walaupun mereka ini mempunyai dokumen yang lengkap dan DNA semasa mengemukakan permohonan. Mengapakah permohonan mereka ini ditolak? Yang Berhormat Senator juga turut meminta statistik jumlah permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A, Perlembagaan Persekutuan. Jabatan Pendaftar Negara Malaysia secara berkala mengadakan Program *Outreach* melalui Unit Khas Bergerak termasuk di negeri Sabah dan Sarawak.

Program ini bertujuan menyediakan kemudahan kepada orang awam khususnya di kawasan pedalaman untuk mengemukakan permohonan pengenalan diri. Permohonan ini tidak hanya tertumpu kepada taraf kewarganegaraan. Akan tetapi juga menunjuk kepada dokumen lain seperti sijil lahir dan kad pengenalan. Oleh itu dalam pertimbangan sesuatu permohonan, kementerian turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bukti kelahiran di Persekutuan, status kewarganegaraan, taraf perkahwinan, ibu bapa dan bukti pertalian darah melalui ujian DNA. Walau bagaimanapun ujian DNA ini hanya salah satu mekanisme yang diguna untuk menyokong permohonan, tetapi ia masih tertakluk kepada dokumen-dokumen sokongan dan bukti-bukti kelayakan yang lain. Sehubungan dengan itu, kegagalan permohonan dalam mengemukakan maklumat tersebut boleh menyebabkan permohonan tidak dapat dipertimbangkan.

Mengikut rekod hingga 24 Julai 2013, sebanyak 6,150 permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan diproses pada tahun semasa. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1,446 permohonan diterima dari negeri Sabah. Sebanyak 447 permohonan diterima dari Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim turut memohon penjelasan mengenai kos terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk menanggung banduan asing. Apakah langkah diambil oleh kementerian untuk mengurangkan tanggungan terutama membabitkan perbelanjaan terhadap banduan asing? Adakah dengan cara menghantar balik ke negara masing-masing atau menjalankan hukuman di negara mereka merupakan langkah yang lebih bijak dan bersesuaian?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos perbelanjaan setiap orang banduan adalah berjumlah RM35 sehari dan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 23 Julai 2013 menunjukkan terdapat seramai 13,034 orang penghuni warga asing sedang menjalani hukuman atau ditahan di seluruh penjara Malaysia. Ia melibatkan kos perbelanjaan yang terlibat adalah berjumlah RM456,190 sehari. Antara langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengendalikan banduan warga asing adalah seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini amat panjang sekali dan saya bermohon Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat diberi jawapan secara bertulis langkah-langkahnya. Berhubung dengan penukaran tahanan dalam penjara dengan negara-negara asing, peringkat ini kita masih belum menandatangani triti-triti dengan negara-negara asing Tuan Yang di-Pertua. Walaupun syaratnya ialah bahawa bukan sahaja negara kita yang mempunyai undang-undang tetapi negara yang kita hendak menandatangani triti itu juga mesti mempunyai undang-undang yang tertentu iaitu untuk pertukaran banduan. Jadi kalau dua negara yang mempunyai dua undang-undang yang sama ada triti yang ditandatangani barulah kita boleh menukar. Hingga kini, triti ini masih dalam kajian pihak Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung membangkitkan isu mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kemasukan pendatang asing dan aktiviti penyeludupan melalui jalan tikus. Kementerian Dalam Negeri melalui jabatan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM telah mengambil beberapa langkah bagi menghilangkan banjir PATI. Usaha-usaha mengawal kemasukan PATI di seluruh negara adalah seperti berikut:

- (i) memperketat kawalan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara;
- (ii) menasihatkan pelawat-pelawat asing ke negara ini agar mempunyai tiket pulang ke negara asal mereka;
- (iii) mempertingkatkan pengawasan di sepanjang persisiran perairan negara iaitu kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pendaratan dan kemasukan PATI. Ini dijalankan dengan kerjasama Pasukan Gerakan Marin PDRM, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (iv) memantapkan usaha-usaha risikan pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkat penyeludupan manusia di sepanjang darat negara. Ia dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan dan Pasukan Gerak Am (PGA); dan
- (v) PDRM telah melaksanakan berapa operasi secara berterusan di kawasan sepadan negara jiran melibatkan sejumlah 118 pos pergerakan Pasukan Gerak Am.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan menyentuh mengenai isu berhubung dengan kegiatan perdagangan manusia di Malaysia dan apakah kedudukan terkini negara Malaysia dalam ranking *human trafficking tier*.

#### ■1820

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini, Akta Anti Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 28 Februari 2008.

Sejak berkuat kuasa hingga 30 Jun 2013, sebanyak 657 kes telah dilaporkan dan 922 tangkapan telah buat oleh agensi penguat kuasa yang terlibat iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Tenaga Kerja.

Dalam pada itu, seramai 1,470 mangsa pemerdagangan orang telah diberikan perintah perlindungan di bawah seksyen 15, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Minta saya habiskan dulu, Yang Berhormat.

Daripada angka tersebut, mangsa warganegara Indonesia mencatat angka tertinggi iaitu seramai 539 orang diikuti dengan mangsa dari warga Filipina iaitu seramai 217 orang. Manakala mangsa warga tempatan pula seramai 58 orang iaitu hanya 4 peratus daripada jumlah keseluruhan mangsa. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak 445 pertuduhan telah dibuat melibatkan kes pemerdagangan orang. Daripada jumlah tersebut, 112 pertuduhan telah disabitkan kesalahan. Ya, sila Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Bila berlaku sabitan kesalahan sebanyak 112 orang, ini minat saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Dewan ini diberitahu jenis hukuman yang dikenakan dan adakah hukuman itu yang seragam sifatnya atau berbeza-beza mengikut kadar kesalahan atau *criminality* yang dilakukan. Kalau boleh, apakah jenis hukuman yang terberat yang telah diberikan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. 112 pertuduhan telah disabitkan kesalahan, Yang Berhormat. Jadi, hukuman-hukuman ini di luar bidang kuasa kementerian ini untuk memantaunya. Jadi, ia tertakluk kepada undang-undang yang ada pada kita pada masa sekarang ini. Mahkamah menjatuhkan hukuman berlandaskan keadaan-keadaan tertentu yang dipertimbangkan oleh pihak mahkamah untuk menjatuhkan hukuman sebagaimana yang dianggap sesuai dalam satu kes ke satu kes yang lain, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Soalan susulan. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kalau begitu, kepada pihak manakah soalan ini harus dikemukakan untuk mendapatkan jawapan yang tuntas mengenai jenis hukuman yang dikenakan itu. Mahkamah bawah kementerian mana pun saya tidak pasti...

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Bolehkah dalam sesi ini dikemukakan permohonan untuk mendapatkan jawapan terhadap soalan itu walaupun yang menjawab pihak ialah pihak Kementerian Dalam Negeri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Baik, Yang Berhormat. Saya akan dapatkan jawapan Yang Berhormat tetapi beri jawapan secara bertulis, Yang Berhormat. Terima kasih. Dalam pada itu, Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang Tahunan 2013 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat pada tahun 2013 telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 32 *watch list*, pemerhatian. Malaysia telah diletakkan dalam kedudukan ini selama 4 tahun berturut-turut mulai 2010 hingga 2013.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara berdaulat mempunyai undang-undang untuk mengawal dan memelihara ketenteraman rakyat dan kemakmuran negara. Prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara kita menetapkan setiap rakyat adalah sama tarafnya di sisi undang-undang tanpa sebarang diskriminasi terhadap bangsa, agama, jantina mahupun kedudukan. Ini dapat menjamin hak asasi dan kebebasan setiap individu.

Namun, hak asasi dan kebebasan ini tidak bermakna kita bebas melakukan apa sahaja sehingga melanggar Perlembagaan Negara dan undang-undang.

Setiap kebebasan itu harus dan ada had di sisi undang-undang supaya hak seseorang individu tidak menyetepikan hak individu yang lain. Maka, berlandaskan prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang, saya dan seluruh warga Kementerian Dalam Negeri akan terus komited, beriltizam untuk memelihara keamanan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta negara yang menjadi teras utama kementerian ini. Setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan...

**Datuk Pau Chiong Ung:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada seorang bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir ada satu soalan saya yang tidak dijawab tadi. Soalannya ialah berapakah orang buruh asing berdaftar dan tidak berdaftar yang berada di negara kita?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Apa yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat jelaskan semula soalan tadi.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Berapakah orang buruh asing berdaftar. Ya, buruh asing. Berdaftar dan tidak berdaftar yang berada di negara kita.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau yang berdaftar itu, Yang Berhormat, saya tidak ada rekod. Saya sudah banyak menjawab soalan ini dalam Dewan ini sebenarnya. Kalau dilihat dalam *Hansard*, ada jawapan dalam *Hansard* Yang Berhormat, berhubung dengan buruh berdaftar ini. Lagipun persoalan ini sepatutnya dibangkitkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan bukan Kementerian Dalam Negeri sebenarnya, Yang Berhormat.

Jadi, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Kementerian akan mengambil perhatian dan tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya memberi jaminan bahawa mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab oleh saya pada hari ini akan diambil catatan untuk tindakan susulan. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang mempersilakan Kementerian Sumber Manusia. Dipersilakan.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah...

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]:** Dia sudah duduk itu.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Soalan saya ialah berkenaan kuarters ataupun kediaman anggota polis di Labuan. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba jelaskan sekali lagi. Tidak berapa *clear*.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sudah pun habis dengan jawapan. Oleh yang demikian, saya memohon...

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Tidak, ini dua soalan yang belum dijawab. Minta izin Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai kuarters anggota polis di Wilayah Persekutuan Labuan. Saya minta penjelasan sedikit. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya minta jawab bertulis, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan bertulis, Yang Berhormat akan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.



**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya mempersilakan Yang Berhormat daripada Kementerian Sumber Manusia. Dipersilakan.

**6.28 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Richard Riot anak Jaem]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sebelas orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh 14 isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan 14 isu yang telah dibangkitkan, saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk hanya menjawab secara lisan kepada isu-isu yang telah dibangkitkan yang *if I may use the word in English. This is very close to the hearts of the people.* Yang selebihnya saya akan menjawab secara bertulis. Isu-isu yang saya maksudkan ini adalah pelaksanaan gaji minimum, umur persaraan minimum, pembantu rumah iaitu warga asing dan pengambilan pekerja asing.

Selainnya saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bertulis.

■1830

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna Yang Berhormat menjawab secara lisan apa Yang Berhormat sebut tadi? Tajuk-tajuk itu sahaja.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Ya, jawab tajuk itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lain-lain itu akan beri jawapan secara bertulis.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Yang lain saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat, silakan.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud kerana beliau telah membangkitkan sejumlah tujuh buah isu dan isu-isu adalah bersangkutan dengan gaji minimum, umur persaraan minimum, Akta Perhubungan Perusahaan, kesatuan sekerja, kontraktor tenaga kerja dan Konvensyen ILO.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud membangkitkan isu pelaksanaan gaji minimum. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan ada memberi penundaan pelaksanaan gaji minimum kepada majikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan majikan-majikan individu yang kritikal susulan pelaksanaan gaji minimum sehingga 31 Disember 2013.

Langkah ini diambil bagi memastikan operasi pihak industri majikan ini tidak terjejas dan menjamin *jobs security* kepada para pekerja. Penundaan pelaksanaan gaji minimum kepada majikan adalah satu langkah interim atau *one-off* bagi membantu pihak industri untuk menstrukturkan semula model perniagaan mereka dan juga struktur gaji pekerja asing mereka. Kerajaan tidak akan memberi sebarang penundaan lagi selepas 31 Disember 2013 dan menumpukan aspek penguatkuasaan supaya rakyat keluar dari garis kemiskinan dan mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Kedua, umur persaraan minimum. Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud juga telah membangkitkan isu umur persaraan minimum. Umur bersara minimum swasta 60 tahun di Malaysia telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2013. Kementerian Sumber Manusia mengharapkan semua majikan sektor swasta melaksanakannya.

Namun terdapat 331 majikan telah mengemukakan permohonan penundaan pelaksanaan. Jawatankuasa penilaian permohonan pengecualian yang diwakili secara *tripartite* iaitu dari pihak majikan, pihak pekerja dan pihak Kementerian Sumber Manusia telah menimbang dan memperakukan kepada kita untuk penundaan.

Kementerian Sumber Manusia telah bersetuju dan meluluskan kelulusan kepada sejumlah 258 majikan. Penundaan pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk memberi tempoh persediaan yang mencukupi kepada majikan bagi menyelaras semula pembangunan kerjaya syarikat terutamanya syarikat-syarikat besar telah mengenal pasti calon bagi menggantikan tenaga kerja yang akan bersara melalui *manpower succession plan*.

Selain itu, syarikat perlu menyelaras semula kontrak perkhidmatan dan perjanjian bersama selaras dengan peningkatan umur persaraan yang baru diperkenalkan. Penundaan tersebut adalah bagi tempoh yang sementara sahaja iaitu dari 1 Julai 2013 hingga 31 Disember 2013. Maka majikan yang diberikan pengecualian ini hendaklah melaksanakan akta ini mulai 1 Januari 2014.

Seterusnya saya pergi ke pembantu rumah asing. Bagi menjawab perkara-perkara yang berbangkit mengenai pembantu rumah asing iaitu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar yang telah membangkitkan isu pembantu rumah asing. Kerajaan telah menetapkan bayaran untuk mendapatkan pembantu rumah dari negara jiran Indonesia sebanyak RM8,000 iaitu di mana RM6,200 ditanggung oleh majikan dan RM1,800 ditanggung oleh pembantu rumah berkenaan. Majikan akan membuat pendahuluan bagi bayaran berkenaan dan diberi kebenaran untuk memotong gaji pembantu rumah setakat enam bulan. Pengumuman struktur kos baru ini dibuat...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit?

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang bangun. Bolehkah? Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Kami dan juga rakyat berpendapat bahawa caj sebanyak RM8,000 itu sangat tinggi. Biasanya RM4,000 lebih. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, atas asas apakah caj dikenakan sebanyak RM8,000 itu? Minta, mohon dihuraikan. Terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Sebenarnya ini telah diputuskan oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Asasnya ialah kerana untuk agensi di seberang sana di negara jiran untuk mengambil pekerja atau untuk mengambil pembantu rumah bukan mudah. Mereka perlu pergi ke kampung-kampung di seberang di Indonesia dan selepas itu selain dari mengambil pembantu rumah asing ini dari kampung-kampung atau desa nun jauh di sana di pedalaman, mereka perlu setiap agensi pekerjaan di Indonesia, pembantu rumah khususnya perlu memberi latihan selama tidak kurang dari 200 jam bagi memastikan agar mereka benar-benar menjadi *maid* atau pembantu rumah yang layak dipanggil sebagai pembantu rumah.

Memang selama ini ramai di antara majikan mengambil para pekerja yang tidak diberi latihan langsung. Oleh yang demikian, perkara atau isu tidak puas hati dari majikan-majikan di Malaysia di negara kita memang wujud kerana tanpa latihan selama 200 jam ini memang ada di antara mereka khususnya yang tinggal di luar bandar nun jauh di sana tidak tahu-menahu akan tugas mereka sebagai pembantu asing. Itu jawapan kita.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kos begitu tinggi, tidakkah kementerian bercadang untuk buat sekolah sendiri. Sekolah latihan pembantu rumah sendiri. Jadi bila kita buat sendiri, kos mungkin rendah. Kalau kita ambil seberang atau negara lain, kos mungkin tinggi. So, kita mencadangkan supaya buat sekolah latihan pembantu rumah sendiri. Macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri dalam soal ini?

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Soalan itu saya kira satu soalan yang baik.

Akan tetapi mengikut apa yang kita di kementerian telah lakukan, selepas membuat penelitian, membuka sekolah untuk melatih *maid* yang datang dari Indonesia itu, kita berpendapat bahawa ia akan tidak berjaya. Ini kerana kalau kita sendiri sebagai contoh, kalau kita mengambil rakyat Malaysia sendiri untuk menjadi *maid* atau pembantu rumah, saya percaya rakyat Malaysia sendiri tidak akan memasuki sekolah latihan dan menjadi *maid*.

■1840

Yang Berhormat Senator, sebenarnya negara kita baru-baru ini mempunyai masalah dalam mana kebanyakan pembantu rumah yang terlatih telah memilih untuk bekerja di negara-negara lain seperti Hong Kong, Singapura dan sebagainya. Jadi, menjawab kepada soalan itu, kita berpendapat bahawa menubuhkan sekolah sendiri untuk melatih para pembantu rumah ini tidak akan berjaya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Menteri, saya kurang setuju sedikit kerana belum cuba belum tahu. Saya syorkan supaya kementerian tubuh satu komiti untuk mengkaji sesuai atau tidak sebab sekarang penganggur ramai. Mereka yang tidak lulus PMR juga ramai termasuk SPM. Jadi, kalau Kementerian Sumber Manusia berjaya mengadakan ILP, CIAST dan pusat-pusat latihan yang lain, kenapa tidak dibuat sekolah latihan? Jangan ambil sikap tidak berjaya pada awal-awal lagi. So, komiti itu akan mengkaji baik buruk dan termasuk pasarannya.

Kalau Indonesia, Kemboja termasuk Myanmar boleh mengadakan sekolah-sekolah latihan termasuk Filipina, sekolah latihan pembantu rumah, kenapa Malaysia tidak? Saya kurang setuju sedikit. Minta maaf. Saya masih lagi berpandangan ramai orang hendak masuk pusat latihan ini. Apa yang menjadi masalah ialah sekolah itu tidak ada. Kalau ada, *sure* ada pelatihnya. Jadi, daripada Menteri mengatakan buat kesimpulan tidak ada orang, tidak berjaya, itu pandangan yang saya minta dikaji balik. Terima kasih.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Sebelum saya menjawab kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang kebetulannya ada mempunyai pengalaman di Kementerian Sumber Manusia, sebenarnya, kita sendiri, Kementerian Sumber Manusia mempunyai sejumlah 28 buah apa yang kita panggil sebagai Institut Latihan Perindustrian. Di dalam institusi atau institut latihan perindustrian ini, bermacam-macam jenis kemahiran telah diajar kepada pelajar-pelajar kita yang mungkin tidak dapat masuk universiti dan sebagainya. Akan tetapi daripada segi kemahiran, mereka mempunyai keupayaan untuk menjadi pekerja yang mahir.

Setakat ini, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, sebenarnya saya ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini iaitu pada awal bulan Julai, peserta-peserta kita atau pelajar-pelajar kita di institut latihan perindustrian ini telah mengambil bahagian dalam satu pertandingan yang dipanggil sebagai *World Skills Competition* dalam mana kita telah mengambil bahagian dalam 14 jenis pertandingan kemahiran. Buat pertama kalinya, kita telah menggondol atau membawa balik 19 *Medal of Excellence* iaitu satu tangga bawah dari *Bronze Medal*.

Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat Senator tadi yang seperti mana yang saya telah katakan mempunyai pengalaman juga dengan Kementerian Sumber Manusia, kita akan mencatat pandangan beliau itu dan saya akan berbincang dengan pegawai-pegawai kita agar ia boleh jadi satu yang kita patut panggil dengan izin, sebagai *trial and error*. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat Menteri, ada lagikah?

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Saya ingat dia mahu jawab lagi. *Sorry*. Jadi, seterusnya saya telah pergi ke gaji persaraan minimum pembantu rumah asing. Selepas itu, saya pergi *last* sekali iaitu mengenai pengambilan pekerja asing. Tadi Yang Berhormat Senator Datuk Pau telah menyentuh satu soalan yang diajukan kepada Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini iaitu sehingga hari ini, sebenarnya yang *legal, means* yang ada surat sah. Statistik yang kita dapat di sini adalah 1,500,023 orang pekerja asing di negara kita iaitu yang mempunyai permit, yang mempunyai *pass*.

Yang tidak mempunyai permit, yang tidak mempunyai *pass* itu memang kita tidak tahu angka atau *figure* yang sebenarnya.

Akan tetapi mengikut apa yang kita dengar, *for everyone legal worker*, dengan izin, *there is at least one illegal worker*. Ini bermaksud, di negara kita yang tercinta ini, kita mempunyai pekerja asing tidak kurang daripada 3 juta orang. Angka ini kita berharap melalui ILP-ILP yang ada dengan kita, tambahan lagi baru-baru ini kita mempunyai apa yang kita panggil sebagai *Advanced Technology School intake* dan dengan kerjasama *service provider* iaitu sekolah-sekolah latihan swasta yang memberi latihan kemahiran kepada rakyat tempatan melalui apa yang kita panggil sebagai *human resource development urban*. Kita berharap satu hari nanti kita tidak lagi bergantung kepada pekerja-pekerja asing khususnya pekerja-pekerja mahir.

So, Yang Berhormat Senator Datuk Pau, *I think I have answered your question*. Jadi selepas itu, seperti mana yang telah saya sebutkan, oleh kerana kalau saya diperlukan menjawab dan saya masih ada di sini tidak kurang daripada 25 muka surat. Oleh yang demikian, saya telah meminta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi bahawa saya akan menumpukan jawapan perbincangan penggugungan saya ini kepada empat perkara sahaja. Oleh yang demikian, mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang tidak saya jawab di Dewan yang mulia ini, saya janji bahawa saya akan memberi jawapan secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam membangkitkan isu-isu berkenaan Kementerian Sumber Manusia semasa perbincangan Titah Diraja, kementerian saya iaitu Kementerian Sumber Manusia amat menghargai segala cadangan, teguran, *comment* yang telah dikemukakan dan kementerian saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

■1850

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ada yang bangun Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Walaupun memang sudah disebut tadi yang soalan-soalan itu akan dijawab secara bertulis, tetapi saya kira isu-isu yang dibangkitkan oleh Anggota Dewan ini adalah isu yang penting. Saya sendiri membangkitkan tidak kurang daripada tujuh *point* dalam masa yang cukup singkat pada hari Rabu yang lepas. Salah satu daripada yang penting itu adalah mengenai Konvensyen 98 yang mana hal ini sudah menjadi satu hal yang dibangkitkan di luar. Saya kira inilah medan atau forum yang paling sesuai di mana Menteri selaku wakil pemerintah menjawab. Apa sebenarnya Konvensyen 98 ini, sejauh mana mengenai pelaksanaan? Itu satu.

Kemudian mengenai *contractor for labor* atau kontraktor tenaga kerja yang dua tahun yang lepas, di Dewan inilah Menteri mengatakan bahawa perlu dipinda undang-undang itu, Akta Kerja 1955, seksyen 2. Alasannya ialah untuk melindungi segolongan pekerja yang kita maklumkan bahawa mereka dalam sektor perladangan. Walaupun akan dijawab secara bertulis, tetapi inikan Dewan dan Anggota-anggota Dewan yang lain juga berminat untuk mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Walaupun saya telah duduk dan walaupun Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi telah memberi izin atau kebenaran kepada saya untuk menjawab hanya lima, tetapi oleh kerana Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud telah membangkitkan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya fikir Yang Berhormat Menteri jawab sahaja soalan ini dan yang lain itu boleh dibuat secara bertulis.

**Datuk Richard Riot anak Jaem:** Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya menyebutkan tentang ILO 98 (*International Labor Organization*). Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud meminta permohonan agar kita menjawab di Dewan yang mulia ini apa itu Konvensyen ILO 98? Sukacita saya maklumkan di sini bahawa Konvensyen ILO 98 (*International Labor Organization*) telah diratifikasikan oleh kerajaan iaitu pada 5 Jun 1961. Konvensyen ini berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- (i) hak pekerja untuk berkesatuan tanpa campur tangan pihak majikan;

- (ii) hak pekerja untuk dilindungi daripada tindakan anti kesatuan sekerja; dan
- (iii) hak untuk mengadakan rundingan kolektif.

Malaysia melaksanakan kesemua perkara dalam Konvensyen ILO 98 tersebut. Hak dan perlindungan tersebut terdapat di bawah undang-undang negara ini seperti Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Akta Kerja 1955 dan Perlembagaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya kehendak-kehendak Konvensyen ILO 98 telah dilaksanakan di negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Kesihatan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

#### 6.54 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Antara isu-isu adalah berkenaan dengan isu dasar dan polisi kesihatan, isu pencegahan, kawalan dan rawatan penyakit dan isu penyampaian perkhidmatan kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman telah membangkitkan isu bil kesihatan pekerja asing yang tertunggak. Hal ini memang agak serius sebelum dilaksanakan insurans pekerja asing Tuan Yang di-Pertua. Insurans ini dilaksanakan mulai 1 Januari 2011 yang dipanggil sebagai Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA). Insurans ini bermula dari 1 Januari 2011 dan sejak itu masalah bil tertunggak oleh pekerja asing telah pun berkurangan.

Untuk mengemaskan lagi, pekerja asing yang baru masuk disyaratkan mengambil insurans ini dan yang hendak memperbaharui kontrak pun disyaratkan untuk mengambil insurans ini. Mereka yang ada bil tertunggak dan bila hendak memperbaharui permit kerja juga mesti membayar dahulu sebelum diperbaharui permit kerja. Maka dengan itu, kita sudah dapat mengurangkan bil tertunggak.

Untuk pengetahuan, hari ini terdapat 1.75 juta pekerja asing yang telah pun menyertai Skim Perlindungan Insurans Kesihatan (SPIK) ini. Di antara seramai itu, ada 20,528 orang telah pun menerima rawatan di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada beza sedikit daripada segi caj atau fi yang dikenakan di hospital kerajaan berbanding dengan warganegara. Warganegara memang kita caj. Contohnya di Kelas 3, warganegara Malaysia masuk Kelas 3 tidak dikenakan caj tetapi bagi pekerja asing jika masuk wad Kelas 3, dikenakan caj wad Kelas 1 atau *first class*. Maknanya dia kena bayar tinggi, berbeza. Setakat ini nampak sudah berkurangan masalah pekerja asing tadi Tuan Yang di-Pertua.

Isu yang kedua adalah dari Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman berkenaan dengan tabiat menghisap rokok - e-rokok dan *shisha*. Memang rakyat menggesa supaya diharamkan kedua-dua jenis produk ini. Pihak kementerian menyokong tindakan proaktif yang telah diambil oleh Majlis Fatwa Kebangsaan baru-baru ini bagi mengkaji pengalaman kegiatan menghisap dan menjual *shisha*.

Pada 22 Julai baru-baru ini, sebuah Jawatankuasa Teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar pelbagai bidang perusahaan yang dipengerusikan oleh Pengarah Institut Perubatan Respiratori telah dibentuk untuk mengkaji kesan-kesan kesihatan dan pengumpulan bukti-bukti kajian saintifik mengenai kedua-dua ini iaitu e-rokok dan juga *shisha*. Sebagai hasil daripada kajian ini boleh digunakan untuk membuat keputusan dari segi fatwa.

Untuk pengetahuan juga, di bawah peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau, banyak kawasan telah pun dikenakan larangan merokok. Senarai di sini kalau hendak disebut panjang, jadi saya rasa tidak perlu disebut tentang tempat-tempat yang diharamkan merokok di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah membangkitkan isu kebersihan premis perniagaan di tempat-tempat awam khususnya di tempat-tempat yang menyediakan dan menyajikan makanan. Pihak kementerian memang menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis makanan. Sebagai contoh pada tahun 2012, sebanyak 132,528 premis telah diperiksa dan antaranya 3,447 premis telah pun ditutup. Biasanya dua minggu dan semasa dua minggu itu, pihak tuan premis hendaklah memastikan premisnya bersih dan selepas itu diperiksa semula oleh pegawai-pegawai. Sekiranya didapati bersih, dia akan dibenarkan membuka semula.

Selalunya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kementerian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, waktu kita sekarang tepat pukul 7 malam. Maka saya kena tempohkan Dewan ini sekarang hingga jam 8.30 malam nanti bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam untuk berbuka puasa. Dewan akan disambung semula pada jam 8.30 malam nanti.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan sekali lagi bahawa semua Ahli-ahli Dewan termasuk menteri-menteri, pegawai-pegawai bertugas daripada kementerian dan jabatan serta pihak media untuk turut serta di dalam jamuan berbuka puasa yang diadakan di Dewan Bankuet nanti. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 7.00 malam.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 8.30 malam.]**

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah kita teruskan lagi dengan Kementerian Kesihatan untuk menjawab.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sekali lagi. Yang Berhormat berkenaan dengan kebersihan tempat-tempat awam. Yang Berhormat Senator Roslin Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah Raja Abdullah membangkitkan isu kebersihan premis perniagaan di tempat-tempat awam yang menyediakan dan menyajikan makanan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua memang Kementerian Kesihatan telah pun menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis makanan ini di bawah Akta Makanan 1983. Pada sepanjang tahun 2012, sebanyak 132,528 premis makanan telah diperiksa dan daripada itu 3,447 premis sudah pun diarah tutup untuk dicuci dan selepas dua minggu kalau didapati masih kotor akan ditambah lagi dua minggu. Jadi, sempena tahun ini Kementerian Kesihatan menjalankan operasi pemeriksaan dan penutupan premis makanan secara berjadual. Dia ada jadualnya dan setakat ini telah pun memeriksa 2,560 premis dan 334 daripadanya diarah tutup.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kebersihan dan kesihatan di peringkat nasional kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Kebersihan dan Kesihatan Nasional dalam bulan Ogos tahun 2001 yang melibatkan 12 kementerian dan diurusetiaikan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kempen-kempen melalui media juga telah dijalankan dan untuk memberi kesedaran kepada seluruh masyarakat kita. Kempen-kempen ini adalah melalui RTM1, RTM2, Media Prima, TV3, TV7, TV8, TV9, Bernama TV dan juga Astro. Selain daripada itu kita juga menggunakan radio. Ada 23 saluran radio di bawah RTM dan empat saluran radio melalui swasta dan juga iklan melalui surat-surat khabar dan ada 18 surat khabar yang terlibat semuanya dalam kempen ini, Tuan Yang di-Pertua.

Selanjutnya Yang Berhormat Senator Roslin binti Haji Abdul Rahman ini berkenaan dengan peningkatan kes penyakit tibi. Tuan Yang di-Pertua, memang setakat ini ia amat serius perkara ini penyakit tibi ini. Kalau kita lihat perangkaannya tahun 1990 ada 10,873 kes yang aktif, penyakit tibi yang aktif. Tahun 2,000 jumlahnya telah meningkat kepada 15,000 dan 57 kes yang aktif. Daripada tahun 2012 angka ini bertambah lagi kepada 22,710.

Ini satu perkara yang amat serius dan memang pihak kementerian memberi perhatian yang amat serius dalam perkara ini. Tibi seperti yang kita tahu ia merebak melalui *droplet infection*. Kalau kita batuk dan kawan di hadapan itu batuk dan batuk depan orang lain dia akan mendapat *infection* itu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi Kementerian Kesihatan Malaysia telah pun melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan bagi mengawal tibi untuk tempoh 2011/2012 dan pelan strategik ini memfokuskan kepada beberapa tindakan. Satunya pengesanan awal kes-kes tibi, yang kedua memulakan rawatan awal dan ketiga memastikan pengambilan ubat anti tibi secara berterusan selama enam bulan. Jadi, cara ini kita dapat mengesan lebih banyak lagi dan dapat mengurangkan..., setakat ini masih belum berjaya kita kurangkan tetapi masih meneruskan usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi warga asing yang hendak bekerja di negara ini pula mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan perubatan di negara asal masing-masing dan jika didapati sihat maka barulah mereka dibenarkan masuk dan bekerja di Malaysia. Kalau didapati tidak sihat maka mereka tidak dibenarkan masuk dan tiap-tiap tahun mereka juga menjalankan ujian kesihatan dan kalau didapati ada masalah kesihatan mereka juga akan dihantar pulang. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua kempen kesedaran juga dijalankan kepada masyarakat melalui pelbagai cara. Melalui risalah atau poster, ceramah kesihatan ataupun perbincangan individu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok ini berkenaan dengan isu Unit Rawatan Strok di hospital besar dan daerah. Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak ada pusat yang spesifik untuk strok dan setakat ini tidak ada perancangan untuk hendak mewujudkan pusat strok di mana-mana hospital. Setakat ini memadai dengan yang ada sekarang iaitu kita ada *neurology department*. *Neurology Department* terdapat di lapan buah hospital iaitu di Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultanah Bahiyah di Subang Jaya, HKL, Hospital Sungai Buloh, di Johor Bahru Hospital Sultanah Aminah, di Kuala Terengganu Hospital Sultanah Nur Zahirah dan Hospital Besar Sarawak. Kita terdapat 17 *neurologist* sekarang yang berkhidmat dengan kerajaan dan ada lagi lapan *trainee*. Kita juga mempunyai *rehab specialist* seramai 39 orang.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan strok KKM menggalakkan cara hidup yang sihat. Kempen kesedaran dalam ini kita meningkatkan kempen kesedaran. Ini terlibat dengan penyakit NCD yang pernah saya jawab di sini. NCD ialah penyakit *non-communicable disease* yang berkaitan dengan cara hidup yang tidak sihat. Lagi satu hari ini pihak kementerian menggalakkan orang muda seawal umur 30 tahun supaya pergi mengadakan ujian saringan kesihatan masing-masing di mana-mana klinik kesihatan di seluruh Malaysia.

#### ■2040

Sama ada di hospital kerajaan, klinik kesihatan, Klinik 1Malaysia pun boleh dan klinik bergerak pun boleh, kita adakan saringan ini supaya hendak pastikan mereka tidak mempunyai darah tinggi ataupun kencing manis. Ini adalah perkara-perkara yang boleh membawa kepada *stroke*.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perubatan tradisional dan *complementary*. Ini juga dibangkitkan oleh Senator tadi iaitu hari ini kita sudah ada pusat tradisional dan *complementary* di 11 buah hospital iaitu Hospital Seberang Jaya, Hospital Kepala Batas, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru, Hospital Sultanah Nur Zahirah Terengganu, Hospital Sultanah Hajjah Kalsom di Cameron Highlands, Hospital Port Dickson, Hospital Raja Perempuan Zainab II Kelantan, Hospital Sultanah Bahiyah Kedah, Hospital Umum Sarawak, Hospital *Duchess of Kent* Sabah dan Hospital Rehabilitasi di Cheras. Ini semua ada pusat-pusat tradisional dan *complementary*.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, sejak 2007 kementerian telah menerima sebanyak 11,360 kes rawatan untuk urut Melayu dan 14,667 rawatan akupunktur. Ini dalam hal pengurusan pesakit strok Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana rawatan tradisional ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan di kalangan masyarakat, maka Kementerian Kesihatan menasychkan dan bercadang untuk hendak bangunkan dua unit perubatan tradisional dan *complementary* di hospital-hospital kerajaan setiap tahun. Maknanya setiap tahun kita akan tambah lagi dua.

Satu perkara lagi yang dibangkitkan oleh Senator Datuk Pau Chiong Ung mengenai *Hospital Information System* (HIS) di Bintulu, Hospital Bintulu Sarawak. Ada aduan berkenaan dengan sistem ini. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sistem *Hospital Information System* (HIS) yang dibina dan dibangunkan di Hospital Bintulu adalah bersekali dengan apa yang telah pun dibina di Hospital Kuala Terengganu dan juga di Temerloh. Pada peringkat awal memang ada masalah kecil-kecil tetapi ini semua dapat dan telah pun diselesaikan. Hari ini saya diberitahu bahawa HIS di Bintulu ini dapat berjalan lancar dan elok.

Jadi, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya hendak ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam membangkitkan isu-isu kesihatan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang kita beralih ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 8.43 mlm.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang telah diungkapkan dalam perbahasan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin telah membangkitkan isu berkenaan dengan *food security* dalam negara. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi menjamin bekalan makanan dalam negara yang mencukupi, kementerian melaksanakan pelbagai langkah bertujuan meningkatkan keluaran hasil pertanian tempatan. Antaranya yang pertama, menjalankan projek berimpak besar iaitu apa yang dipanggil Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan juga Zon Industri Akuakultur, Ladang Kontrak dan juga Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani serta beberapa *entry point project* di bawah *National Key Economic Areas*.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah membangunkan tanah secara optimum, yang mana kawasan tanaman semula kelapa sawit dibangunkan dengan tanaman selingan seperti pisang dan jagung serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri. Ketiga, menjalankan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan pengeluaran hasil secara mampan serta pembangunan *variety* dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman telah membangkitkan isu mengenai kenaikan harga barang makanan. Untuk makluman Yang Berhormat, secara amnya kenaikan harga minyak memberi kesan kepada harga barangan termasuk bahan-bahan input pertanian seperti baja dan makanan ternakan. Kenaikan harga baja ini akan meningkatkan kos pengeluaran projek-projek pertanian dan menyebabkan pengeluaran pertanian turut meningkat.

Walau bagaimanapun, dalam pasaran baja di Malaysia terdapat banyak pilihan baja yang bukan berasaskan nitrogen. Senario pasaran menunjukkan apabila berlaku kenaikan harga baja berasaskan nitrogen, pengguna akan beralih kepada penggunaan baja yang tidak berasaskan nitrogen, yang harga perbandingannya adalah lebih rendah. Akan tetapi bagi memastikan kestabilan harga makanan, kementerian telah melaksanakan strategi, yang pertama memastikan bekalan makanan dalam negara yang mencukupi. Kedua, pengedaran bekalan secara cekap dan berkesan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pemberian permit import bahan makanan turut dilaksanakan, yang mana permit import dibuka untuk komoditi-komoditi seperti ayam, ikan dan tenusu. Ini bertujuan memantau jumlah pengimportan, mengawal sebarang tindakan lambakan komoditi import yang akan menjejaskan pendapatan pengusaha dan juga untuk mengawal pematuhan piawaian yang ditetapkan bagi barangan import.



Untuk makluman Yang Berhormat juga, kementerian melalui FAMA telah membangunkan pasar tani untuk membolehkan bekalan hasil pertanian dibawa terus ke pasar tani dan memastikan harga yang berpatutan. Setakat ini terdapat 508 pasar tani sedia ada di seluruh negara. Kementerian dalam perancangan untuk menambah kepada 1,000 pasar tani dalam tempoh tujuh tahun akan datang secara berperingkat.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop telah membangkitkan isu mengenai rasionalnya perbezaan pemberian subsidi untuk kawasan jelapang dan luar jelapang.

#### ■2050

Untuk makluman Yang Berhormat, perbezaan pemberian skim subsidi harga padi di antara kawasan jelapang dan luar jelapang wujud semasa Dasar Pertanian Negara Ketiga pada tahun 1996 sehingga 2010 digubal. Pada awalnya dasar tersebut menggariskan bahawa tanaman padi hanya ditumpukan di kawasan jelapang dan luar jelapang sedia ada sahaja. Mulai tahun 1998, syarat-syarat pemberian skim subsidi harga padi telah dipinda selaras dengan Dasar Pertanian Negara di mana permohonan bagi kawasan-kawasan baru di luar jelapang tidak dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 2004 syarat pemberian skim subsidi harga padi tadi telah dipinda semula iaitu keluasan kawasan penanaman padi di luar jelapang dihadkan kepada keluasan sawah yang diusahakan tidak melebihi 2.4 hektar dan tanah-tanah hendaklah mempunyai hak milik individu secara mutlak.

Berkenaan dengan cadangan bantuan dalam bentuk bahan sokongan asas seperti racun, rumpai, benih, baja dan mesin serta peralatan kerajaan sentiasa memberikan pelbagai subsidi dan insentif untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengurusan sawah, meningkatkan pengeluaran padi dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Pemberian subsidi dan insentif tersebut adalah dalam bentuk perbekalan input-input pertanian seperti benih, baja, racun dan kapur serta bantuan upah membajak.

Secara puratanya kos subsidi dan insentif yang ditanggung kerajaan bagi mengusahakan satu hektar sawah padi adalah berjumlah RM2,540 berbanding kos keseluruhan berjumlah RM4,221. Ini bermakna lebih kurang 60 peratus kos ditanggung oleh kerajaan.

Dalam usaha memastikan input-input pertanian yang diberikan kepada petani berkualiti dan sampai kepada petani dalam tempoh yang diperlukan kementerian dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang sentiasa melakukan pemantauan dan pemeriksaan berterusan ke atas pembekal input-input pertanian oleh pembekal-pembekal yang dilantik.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat juga telah membangkitkan isu berkenaan pemberian bekalan benih padi yang lama. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui MARDI telah menjalankan penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) dengan izin ke atas *variety* benih padi. Antara *variety* benih padi yang disyorkan oleh MARDI adalah MR219, MR220, MR232, MR220CL1, MR220CL2, MR253, MR263, MR269 dan lain-lain *variety* benih padi baru yang akan diperkenalkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, *variety* 253 dan 263 dan yang terbaru 269 pula merupakan benih yang rintang kepada jangkitan penyakit karah daun dan tangkai adalah lebih baik berbanding MR219 dan 220. Padi peringkat awal pengeluaran padi *variety* 253 dan 263 memang terdapat kekurangan bukan sahaja di kawasan luar jelapang bahkan di kawasan jelapang. Bagi *variety* MR269 dijangka akan mula diedarkan pada musim pertama 2014.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedia maklum bahawa negeri Johor mempunyai sawah padi yang dikategorikan sebagai kawasan luar jelapang. MARDI telah dan sedang menjalankan pelbagai *research and development*, dengan izin untuk mendapatkan teknologi padi yang sesuai bagi kegunaan kawasan luar jelapang. Di antara sembilan projek R&D yang dijalankan termasuk pembangunan *variety* wangi baru MRQ76 pakej pengurusan penyakit, pakej pengawalan makhluk perosak. Bulan puasa ini *slow* sedikit ya dan rumpai di samping R&D untuk mendapat pakej pengurusan agronomi termasuk pembajaan yang sesuai...

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Bagi beberapa kawasan luar jelapang.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Ringkas sahaja. Saya ingin bertanya adakah nama lain kepada benih-benih padi yang disebut tadi selain daripada MR tadi sebab kalau kita ingat dalam tahun 60-an, 70-an padi-padi ini disebut misalnya Malinja, Mahsuri, Mat Candu dan sebagainya. Adakah nama lain daripada nama-nama yang disebut tadi?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Buat masa ini kita menggunakan angka-angka sebagai kod kepada jenis-jenis atau *variety* padi itu tadi. Mungkin di waktu yang lampau kita menggunakan nama-nama seperti Yang Berhormat sebut tapi sekarang kita panggil ikut kod dia. MR itu *Malaysian Rice 220*, *Malaysian Rice 253*. MR itu merujuk kepada *Malaysian Rice*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi juga telah membangkitkan isu berkaitan projek NKEA pertanian iaitu Projek EPP iaitu *Entry Point Project*, bagi menghasilkan *variety* beras wangi. Penghasilan padi wangi di luar kawasan jelapang sedang diusahakan oleh syarikat-syarikat yang dilantik menjadi syarikat peneraju, *anchor companies*. Di bawah projek NKEA atau *National Key Economic Area* dengan izin EPP 9 (*Entry Point Project 9*) untuk menanam, memproses dan memasarkan *variety* pada jenis MRQ74 dengan izin iaitu jenis basmathi. Basmathi yang sekarang popular ini sedap dimakan di Melaka, Maran, Setiu dan Langkawi. Manakala bagi MRQ76 jenis Jasmin sedang diusahakan di Kuala Bera, Tok Lawi Terengganu dan Kelantan. Oleh kerana keutamaan EPP9 pada ketika ini ialah bagi pemulihan tanah sawah terbiar di kawasan luar jelapang.

#### ■2100

Pencapaian setakat ini masih rendah. Jumlah keluasan sawah yang terlibat adalah sebanyak 350 hektar dan purata hasil adalah di antara 2-4 tan metrik per hektar, agak rendahlah di kawasan luar jelapang ini. Ia masih menggunakan sistem pengairan cara lama, tidak ada pengairan moden, tanah-tanah terbiar kebanyakannya. Tuan Yang di-Pertua, sementara itu penanaman padi wangi di Johor sedang dirancang oleh sebuah syarikat peneraju yang telah dilantik dan dijangka bermula pada tahun depan.

Bagi tahun 2013, sebanyak RM19.4 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek NKEA pertanian tadi di bawah EPP 9 iaitu melibatkan kerja-kerja menaik taraf dan membaiki infrastruktur ladang, menaik taraf kilang dan loji benih serta aktiviti R&D. Sasaran yang ditetapkan menjelang tahun 2020 adalah kawasannya seluas 20,000 hektar ditanam dengan *variety* MRQ74, *Basmathi* ini dan Q76 jenis *Jasmine*. *Jasmine* juga lah, kita panggil "*Jasmine*", sedap sikit.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaiton bin Haji Mat Amin telah membangkitkan isu mengenai projek tanaman padi di Lembah Marang 1, Kampung Kubu, Terengganu. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran negeri Terengganu telah membuat perancangan untuk menambah baik sistem pengairan sedia ada di samping membangunkan semula sebahagian dari kawasan sawah padi yang telah terbiar selama beberapa tahun di mana sebahagiannya telah ditanam dengan kelapa sawit. Perancangan untuk menaik taraf infrastruktur ini juga bertujuan supaya tanah seluas 300 hektar dapat ditanam padi dua kali setahun.

Dengan adanya sistem pengairan yang lebih baik, jumlah pengeluaran padi di kawasan tersebut akan dapat ditingkatkan. Walau bagaimanapun kejayaan program tersebut juga bergantung kepada minat dan inisiatif penduduk setempat untuk menanam padi. Maknanya, respons daripada orang ramai perlu adalah. Kerajaan boleh buat macam-macam. Kalau orang tidak sambut tidak jadi, tidak berjaya. So, dengan izin, rakyat *must respond and embrace whatever programme that the government are introducing*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya telah menyentuh tentang pembangunan Kota Belud sebagai jelapang padi baru negara. Ini pun orang Sabah berminat jelapang padi baru ini. Untuk makluman Yang Berhormat, 10,000 hektar tanah telah dikenal pasti sesuai untuk penanaman padi di daerah Kota Belud.

Untuk merealisasikan pembangunan padi secara komersial di kawasan ini bagi meningkatkan produktiviti, peruntukan sebanyak lebih kurang RM1 bilion adalah diperlukan untuk pembangunan menyeluruh, infrastruktur, pengairan dan saliran termasuk pembangunan sumber air.

Dalam RMKe-10, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM23.4 juta untuk membangunkan infrastruktur pengairan dan saliran termasuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran sedia ada. Ada beberapa projek yang telah dilaksanakan, saya rasa tidak perlu hendak pergi kepada *detailnya* ya, yang sedang dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak yang saya sebutkan itu tadi. Projek di Kota Belud ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Masalah utama yang dihadapi dalam pembangunan infrastruktur pengairan, ini relevan, dan saliran adalah pengambilan balik tanah dan pembayaran pampasan harta benda yang selalu mengambil masa yang agak lama di mana ianya melibatkan pelbagai proses. Proses pengambilan balik tanah dan pembayaran pampasan biasanya mengambil masa antara dua hingga tiga tahun.

Sekiranya isu dan masalah ini dapat diatasi, projek pengkomersialan padi di Kota Belud dijangka akan beroperasi dengan sepenuhnya menjelang tahun 2020 yang melibatkan kawasan seluas 5,000 hektar tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan sepanjang RMKe-10 dan RMKe-11. Maknanya, kalau duit ada dapat, banyak, cepatlah buat, bergantung kepada kedudukan kewangan negara jugalah.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaiton bin Haji Mat Amin telah membangkitkan beberapa isu iaitu isu tanaman di antaranya ialah projek penanaman kelapa matag, projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan projek ternakan lebah. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pertanian negeri Terengganu akan memberi fokus di Daerah Marang dengan tanaman kelapa terutamanya jenis kelapa matag dan kelapa pandan sama ada untuk kegunaan segar dan pemprosesan. Kelapa matag khas untuk pengeluaran santan manakala kelapa pandan muda sebagai minuman segar dan penghasilan produk-produk hiliran seperti manisan, jeli kelapa, biskut kelapa dan nira kelapa.

Sehingga ini, seluas 19.8 hektar telah ditanam dengan kelapa matag di negeri Terengganu yang melibatkan 50 peserta dan 20.2 hektar kelapa pandan dengan 40 orang peserta dan terdapat tiga usahawan yang mengusahakan produk hiliran hasil daripada kelapa. Projek TKPM Tuan Yang di-Pertua, di Serating di Marang, Terengganu, mula dibangunkan pada tahun 2000 dengan kawasan seluas 297 hektar. Daripada jumlah kawasan tersebut seluas 192 hektar dikhaskan untuk kawasan penanaman tembikai dan sayur-sayuran dan kawasan selebihnya seluas 105 hektar adalah untuk ternakan dan integrasi dan juga kemudahan infrastruktur.

Sepanjang tempoh ini sejumlah RM10.2 juta peruntukan kerajaan telah disalurkan untuk penyediaan kemudahan asas dan infrastruktur projek ini dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Seramai 39 peserta terlibat dalam projek TKPM Serating dengan setiap peserta ditawarkan kawasan sekurang-kurangnya empat hektar dan maksimum seluas 16 hektar. Sehingga kini semua lot kawasan telah ditawarkan kepada peserta. Pada tahun 2012, projek ini telah mengeluarkan hasil sebanyak 2,800 tan metrik dengan nilai pengeluaran hasil sebanyak RM4.35 juta dengan purata pendapatan bersih yang diperoleh oleh peserta adalah sebanyak RM3,400 sebulan.

Jabatan Pertanian Negeri Terengganu merancang untuk menjadikan Daerah Marang Tuan Yang di-Pertua, sebagai zon ternakan lebah dan pengeluaran madu di negeri Terengganu. Ini melibatkan kawasan hutan simpan di Merchang dan integrasi ternakan lebah dengan dusun buah-buahan dan kelapa. Kerajaan negeri telah menyediakan sebuah kilang pemprosesan madu lebah di Chendering. Kerajaan negeri juga sedang dalam usahaewartakan Hutan Simpan Merchang seluas 900 hektar sebagai tempat habitat semula jadi lebah liar. Setakat ini terdapat 41 rumah lebah dengan lima orang peserta dan jumlah ini akan terus bertambah dengan latihan secara berjadual dan berterusan.

#### ■2110

Bagi pemungut madu lebah liar, terdapat koperasi yang telah ditubuhkan iaitu Koperasi Pemungut Madu Lebah Terengganu ringkasnya KOPEMAT. Mereka telah diberi latihan memanjat secara selamat dan dibekalkan dengan alat GPS untuk kemudahan kerja-kerja mereka.

Jabatan Pertanian Negeri Terengganu turut bekerjasama dengan Yayasan Diraja Sultan Mizan untuk memajukan industri lebah di negeri Terengganu khususnya di daerah Marang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin pula telah menyentuh isu berkenaan pemberian lesen kepada nelayan sungai serta langkah-langkah bagi menggalakkan nelayan menyertai industri kecil berasaskan hasil perikanan. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua negeri telah pun menyediakan peraturan dan perundangan yang dinamakan sebagai Kaedah-kaedah Perikanan Sungai kecuali di Melaka, Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Antara perkara yang disentuh dalam kaedah-kaedah tersebut adalah mengenai pelesenan peralatan menangkap ikan dan *vesse/* penangkapan ikan sebagai kawalan kepada eksploitasi sumber, kawalan-kawalan kawasan perairan untuk dijadikan sebagai zon konservasi, kawalan daripada penggunaan peralatan menangkap ikan yang dilarang seperti penggunaan racun, elektrik, bahan letupan, pencemar dan peralatan yang memusnahkan sumber.

Nelayan-nelayan sungai telah dilesenkan dan didaftarkan secara pentadbiran supaya Jabatan Perikanan boleh mengurus tadbir sumber perikanan dengan lebih efisien. Nelayan sungai telah dikategorikan kepada dua iaitu nelayan sungai tulen dan nelayan sungai sambilan. Sehingga kini, 3,050 nelayan sungai telah dilesenkan di seluruh negara yang terdiri daripada 1,375 nelayan sungai tulen dan 1,675 nelayan sungai sambilan. Jumlah nelayan yang belum dilesenkan tetapi telah didaftarkan secara pentadbiran ada lapan ribu lagi. 8,203 nelayan yang terdiri daripada 1,810 nelayan sungai tulen dan 6,393 nelayan sungai.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi yang terakhirlah untuk memberi peluang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Timbalan Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin telah membangkitkan isu berkenaan tanah terbiar. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah mengenal pasti tanah terbiar seluas 97,275 hektar meliputi 29,204 hektar di Semenanjung Malaysia dan 68,070 hektar di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, Jabatan Pertanian telah membangunkan 9,213 hektar tanah terbiar dengan pelbagai jenis tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran selain beberapa projek ternakan yang melibatkan seramai 7,517 peserta. Projek yang dilaksanakan telah berjaya mengeluarkan hasil berjumlah 178,140 tan metrik yang bernilai RM78.68 juta.

Yang terakhir, *the last of the last* Tuan Yang di-Pertua ialah perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Haji Muhamad Yusof telah membangkitkan isu berkaitan kos pertanian yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa memberikan bantuan kepada petani dalam membantu mengatasi masalah kenaikan kos pertanian. Antara usaha yang dilakukan adalah seperti berikut;

- (i) pengurusan aktiviti pertanian secara berpusat;
- (ii) pemberian subsidi dan insentif;
- (iii) galakan penggunaan baja organik tempatan;
- (iv) pengalaman pengurusan makhluk perosak secara bersepadu;
- (v) pengenalan *variety* padi baru; dan
- (vi) penggunaan automasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas kerjasama Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin mempersilakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

### 9.16 mlm.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan usul menjunjung kasih titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pihak kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian serius semua pandangan, saranan, cadangan serta juga teguran membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat seperti berikut. Berhubung dengan isu 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah. Kerajaan pada 27 Jun 2011 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menetapkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Berdasarkan maklumat Kementerian Kewangan, penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) adalah 15.3 peratus pada April 2013 berbanding 14 peratus pada tahun 2012. Dalam pada itu, setakat 31 Disember 2012, 9 peratus daripada barisan lembaga pengarah dan 26 peratus daripada anggota pengurusan kanan dengan izin, *the government-linked company* (GLC) terbesar di bawah Program Transformasi GLC terdiri daripada golongan wanita. Dalam sektor perbankan setakat 2012, 5.6 peratus ahli lembaga pengarah adalah terdiri daripada wanita berbanding 5.9 peratus pada tahun 2011.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), hingga 1 Julai 2013, terdapat seramai 441,587 orang wanita yang menjadi ahli lembaga pengarah syarikat bagi syarikat persendirian ataupun *private companies*. Manakala terdapat 3,687 orang wanita dalam lembaga pengarah syarikat awam atau *public companies*. Daripada jumlah pengarah dalam syarikat awam tersebut, terdapat 505 orang wanita dalam lembaga pengarah syarikat tersenarai awam ataupun *public listed companies*.

Sebagai usaha untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensinya iaitu dengan izin *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*, sebuah agensi di bawah KPWKM melaksanakan program pengarah wanita atau *Women Directors Program* bermula tahun 2012. Sukatan Program Pengarah Wanita melibatkan kursus kemahiran teknikal seperti dengan izin, *role and responsibilities of independent directors under the Companies Act, corporate governance, financial language in the boardroom, risk management and strategic planning*.

Pada masa yang sama, mereka turut didedahkan dengan kemahiran *soft skills*, seperti dengan izin, *communication skills, boardroom simulation and networking skills*. *Boardroom simulation* merupakan sesi simulasi yang menekankan keperluan kemahiran berinteraksi secara berkesan apabila berhadapan dengan ahli lembaga pengarah lain selain kebijaksanaan menggunakan ilmu pengetahuan dalam aspek teknikal.

#### ■2130

*NIEW* juga membangunkan satu pangkalan data iaitu *Women Director's Registry System* yang mana syarikat-syarikat boleh mendapatkan calon wanita yang berpotensi untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Hingga 4 Julai 2013, seramai 400 orang wanita telah melalui latihan di bawah Program Pengarah Wanita dan sejumlah 952 orang wanita didaftarkan di dalam *Women Director's Registry System*.

Pihak kementerian juga mendapat sokongan Suruhanjaya Sekuriti bagi meningkatkan lebih ramai wanita sebagai ahli lembaga pengarah. Dalam hal ini Suruhanjaya Sekuriti pada 8 Julai 2011 telah melancarkan dengan izin, *Corporate Governance Blueprint 2011* yang menggariskan beberapa keperluan yang perlu dipatuhi oleh syarikat awam tersenarai. Antara perkara yang dinyatakan dalam dokumen ini ialah *disclosure* mengenai *board diversity* daripada segi pengalaman, gender, kompetensi, kaum, budaya dan kewarganegaraan.

Selain itu, pihak lembaga pengarah perlu melaporkan secara eksplisit dalam laporan tahunan mengenai pelaksanaan dasar kepelbagaian gender serta sasarannya dan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai sasaran tersebut. Saranan dan keperluan yang digariskan dalam *Corporate Governance Blueprint 2011* seterusnya diperkukuhkan lagi menerusi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 yang dilancarkan pada 29 Mac 2012 dan mula berkuat kuasa pada bulan Disember 2012.

Antara lain kod ini memperuntukkan tempoh keahlian yang munasabah iaitu selama lima tahun diberikan kepada sektor korporat bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dan menetapkan beberapa keperluan yang perlu dipatuhi oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Penyertaan lebih ramai wanita dalam peringkat membuat keputusan di sektor korporat turut diberikan penekanan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Saya ingin tahu sekiranya ada syarikat yang tersenarai di BSKL tidak mematuhi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, apakah tindakan yang akan diambil?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ini hanyalah kod tadbir urus korporat yang sebenarnya patut dipatuhi oleh syarikat-syarikat ini. Tidak adalah penalti kalau menyalahi sepertimana jenayah dan sebagainya. Tidak ada. Akan tetapi mereka ini perlu membuat laporan tahunan dan laporan tahunan itu mestilah menepati tadbir urus yang sudah ditentukan iaitu antara lainnya penyertaan wanita di dalam *board of directors*.

Penyertaan lebih ramai wanita dalam peringkat pembuat keputusan di sektor korporat turut diberi penekanan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya semasa Program *1Million Women Purple Walk* pada 17 Mac 2013 supaya setiap GLC melantik sekurang-kurangnya seorang wanita sebagai ahli lembaga pengarah. Justeru, kerajaan yakin bahawa dengan pelbagai langkah yang sedang diambil oleh kerajaan dengan sokongan dan penggembengan usaha pihak awam dan swasta, sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat akan dicapai pada penghujung tahun 2016, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan agar kerajaan menyediakan kuota gender supaya sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dapat dicapai. Ini juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah. Dasar Sekurang-Kurangnya 30 peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 merupakan satu langkah *affirmative* oleh kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan.

Pendekatan secara persuasif ataupun *persuasive approach* adalah lebih sesuai untuk mencapai sasaran tersebut bagi memastikan mereka yang dilantik kelak adalah dalam kalangan yang berkelayakan, berpengetahuan, berpengalaman dan mampu memajukan syarikat ke tahap yang lebih tinggi. Menerusi pendekatan ini, semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan yang lebih berkesan bagi memastikan golongan wanita dicalonkan sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Walau bagaimanapun, kerajaan bersedia mengkaji dan menimbang cadangan berkenaan sekiranya hasil penilaian semula dasar dan mekanisme mendapati terdapat keperluan untuk menjadikan sasaran ini suatu kewajipan di bawah undang-undang.

Cadangan supaya bekas Senator wanita diberi peluang untuk menyumbang perkhidmatan kepada negara sekurang-kurangnya dilantik sebagai ahli lembaga pengarah sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

Mengenai cadangan ini, iaitu sekurang-kurangnya dilantik sebagai ahli lembaga pengarah, bekas Senator wanita sememangnya mempunyai peluang untuk dilantik sebagai ahli lembaga pengarah sekiranya mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman yang sesuai mengikut keperluan sesebuah syarikat. Sebagai langkah pertama, Ahli Yang Berhormat bolehlah menghadiri Program Pengarah Wanita yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu masih ramai wanita tidak diserapkan sebagai ahli lembaga pengarah, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat percaya tidak wujud sebarang diskriminasi dalam hal ini kerana pelantikan ahli lembaga pengarah syarikat adalah di bawah bidang kuasa *Nomination and Remuneration Committee* di *Public Listed Companies* (PLC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari bulan Januari hingga bulan Julai 2013, seramai 19 orang wanita berkelayakan telah dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di *Public Listed Companies* (PLC).

Namun begitu, kementerian bersetuju bahawa penyertaan wanita sebagai ahli lembaga pengarah boleh lagi dipertingkatkan bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Dalam hal ini, kementerian melalui NIEW telah bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam perkara-perkara seperti berikut:

- (i) menganjurkan *mini lab* bagi merangka satu pelan strategik untuk mencapai Dasar sasaran Sekurang-Kurangnya 30 peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat menjelang tahun 2016 dengan kerjasama PEMANDU pada 27 Februari hingga 1 Mac 2013;
- (ii) menganjurkan program *breakfast talk* dengan setiausaha syarikat pada 18 Jun 2013 bagi menggalakkan penyertaan wanita yang berkelayakan dalam Program Pengarah Wanita dan permohonan calon ahli lembaga pengarah wanita oleh *Public Listed Companies* (PLC) dengan kerjasama Bursa Malaysia;
- (iii) mewujudkan sistem *tracking of placement* ahli lembaga pengarah wanita di syarikat awam dengan kerjasama Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM); dan,
- (iv) melaksanakan *based line study* mengenai 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat dengan kerjasama PricewaterhouseCoopers. Ini akan difinalisekan pada bulan Oktober nanti, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung isu wanita tidak diberikan peluang yang mencukupi dalam PRU-13 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon. Calon-calon wanita telah bertanding di 56 buah Kerusi Parlimen dan 112 buah Kerusi Dewan Undangan Negeri, menjadikan jumlah keseluruhan 168 orang wanita. Sekiranya jumlah 168 orang wanita yang bertanding dalam PRU-13 dibandingkan dengan hanya 120 orang wanita dalam PRU-12, maka ini merupakan satu perkembangan yang positif dengan peningkatan sebanyak 40 peratus.

Kementerian bersetuju bahawa golongan wanita yang berkebolehan sewajarnya diberikan peluang untuk bertanding dalam pilihan raya selaras dengan salah satu objektif khusus Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang digubal pada tahun 2009 iaitu mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus penglibatan wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Dalam hal ini, parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama, perlu mengambil perhatian melaksanakan strategi dan program yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Wanita. Antara tindakan yang diperakukan ialah:

- (i) mengadakan latihan membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda;
- (ii) mengadakan latihan kepekaan gender kepada ahli politik, individu yang cenderung kepada politik;
- (iii) memberi kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita dalam memimpin di setiap peringkat dalam sektor politik;

- (iv) mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan organisasi politik;
- (v) memberi penugasan substantif kepada sekurang-kurangnya 30 peratus pemimpin wanita berdasarkan kebolehan dan kompetensi;
- (vi) mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik dan kepimpinan;
- (vii) memberi latihan dan kempen kesedaran dalam kalangan ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti; dan
- (viii) menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Kejayaan pelan tindakan pembangunan wanita ini amat bergantung kepada kesediaan, komitmen dan keyakinan para pemimpin parti politik untuk membuka lebih banyak ruang dan peluang di peringkat *entry points* bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang politik dan seterusnya sebagai calon dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan mengenai Jalinan Wanita Ibu Tunggal (JUWITA) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim, kementerian ingin menjelaskan bahawa JUWITA merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan dan dilaksanakan oleh wanita Barisan Nasional untuk membantu golongan ibu tunggal dan bukannya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam usaha membantu ibu tunggal untuk berdikari dan tidak lagi bergantung kepada bantuan kerajaan, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita melaksanakan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT) yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal melalui peningkatan kemahiran dan pengetahuan terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Bermula daripada tahun 2008 hingga 2012, seramai 2,949 orang ibu tunggal di seluruh negara telah menyertai program IKIT ini. Selain latihan kemahiran, para peserta turut diberi pendedahan dengan kemahiran *soft skill* seperti kemahiran bahasa, interpersonal, keterampilan dan asas keusahawanan sebagai persediaan untuk mereka menceburi bidang pekerjaan atau memulakan perniagaan mereka sendiri. Selain itu Jabatan Pembangunan Wanita turut melaksanakan Program Transformasi Minda Pra Usahawan Wanita (U-Boleh) iaitu program yang berbentuk *reach out* yang bertujuan untuk memberikan bimbingan, motivasi dan kaunseling kepada wanita termasuk ibu tunggal agar mempunyai set minda (*mind set*) sebagai usahawan.

Dalam program ini, peserta dibimbing untuk menganalisis personaliti diri dan membina keterampilan diri serta dilatih dengan kemahiran berfikir kreatif, inovatif dan kepimpinan supaya menjadi individu yang berdikari serta tidak mudah putus asa dalam menjalankan perniagaan. Sejak tahun 2012 hingga bulan Jun tahun ini, seramai 1,938 orang bakal usahawan wanita IKIT dan Inkubator Keusahawanan Wanita (IQnita) telah menyertai program ini. Kementerian juga membuka peluang kepada ibu tunggal yang berminat dan memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk menyertai Program 1AZAM yang diterajui oleh kementerian. Program ini membantu golongan berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan keluarga mereka melalui perniagaan (AZAM Niaga), perkhidmatan (AZAM Khidmat), pertanian (AZAM Tani) dan Pekerjaan (AZAM Kerja).

Program 1AZAM telah mencatatkan penyertaan sejumlah 106,967 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga akhir Disember 2012. Dari jumlah tersebut seramai 70,224 orang peserta ataupun 65.65 peratus adalah wanita manakala program 1AZAM khususnya AZAM Niaga yang diselenggarakan oleh kementerian telah memberi manfaat kepada seramai 1,650 ibu tunggal.



Daripada segi bantuan dana, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan geran pelancaran kepada ibu tunggal yang menerima bantuan di bawah JKM yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan secara kecil-kecilan. Setiap peserta diberikan geran dengan jumlah maksimum sebanyak RM2,700.

Pada tahun 2011, sebanyak RM240,010 telah disalurkan kepada 100 orang ibu tunggal. Manakala bagi tahun 2012, sejumlah RM359,860 pula disalurkan kepada 138 orang ibu tunggal lagi sebagai modal permulaan untuk menjalankan perniagaan mereka. Dalam pada itu, JKM menyediakan bantuan kebajikan melalui Skim Bantuan Kanak-kanak (BKK) kepada ibu tunggal yang menanggung anak di bawah umur 18 tahun dengan kadar minimum RM100 seorang sebulan dan maksimum RM450 sebulan untuk satu keluarga. Pada tahun 2011, seramai 41,808 orang ibu tunggal menerima Bantuan Kanak-kanak melibatkan peruntukan berjumlah RM134 juta manakala bagi tahun 2012, seramai 41,199 orang ibu tunggal menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM121 juta.

Selain itu, JKM menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga ibu tunggal miskin menerusi Skim Bantuan Am. Bagi tahun 2011, sebanyak RM32.4 juta telah disalurkan kepada 16,007 keluarga ibu tunggal miskin menerusi skim ini. Manakala bagi tahun 2012 pula, sebanyak 20,099 keluarga ibu tunggal miskin telah menerima bantuan kewangan yang melibatkan peruntukan berjumlah RM41.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh akan cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengadakan program kesedaran kepada anak-anak mengenai tanggungjawab mereka kepada ibu bapa warga emas. Kementerian yakin masyarakat Malaysia kita hari ini masih lagi berpegang teguh kepada pegangan agama dan nilai budaya yang tinggi serta memupuk kasih sayang terhadap ibu bapa atau anggota keluarga yang lanjut usia.

Hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keempat 2004 yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati nilai-nilai murni yang diterapkan kepada anak-anak ialah hormat-menghormati, jujur, amanah, bertakwa, taat kepada suruhan Tuhan, berilmu, berdisiplin dan bersyukur.

Dalam hal ini kementerian telah menggubal Dasar Keluarga Negara serta Pelan Tindakan Keluarga Negara bagi memastikan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi di semua peringkat mengambil kira perspektif keluarga serta menjurus ke arah membina keluarga yang sejahtera.

Dasar Keluarga Negara dan Pelan Tindakan Keluarga Negara yang dilancarkan pada tahun 2011 bermatlamat untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial. Salah satu prinsip Dasar Keluarga Negara adalah memberi penekanan kepada inisiatif penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan bagi menjamin pembangunan sosial yang mampan. Penghayatan nilai ini juga dapat mewujudkan keluarga yang sejahtera dan pembangunan insaniah yang selari dengan pembangunan fizikal bagi memastikan nilai-nilai ini tidak terhakis akibat persekitaran masa kini yang mencabar.

Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara mempergiatkan usaha memupuk dan menyuburkan rasa tanggungjawab terhadap keluarga melalui program-program yang dijalankan oleh LPPKN.

Dalam hal ini, kementerian melalui LPPKN telah menjalankan Program Ilmu Keluarga @ LPPKN. Melalui program ini, para peserta diterapkan supaya bertanggungjawab bukan sahaja terhadap anak-anak mereka tetapi juga menghormati serta menghargai pengorbanan kedua-dua ibu bapa.

Bagi tempoh 2006 hingga Mei 2013, sejumlah 9,266 kursus telah diadakan yang berjaya menarik penyertaan seramai 990,823 orang peserta. Ramai juga. Selaras dengan itu, sambutan Hari Keluarga Kebangsaan yang diadakan pada 11 November setiap tahun telah diperluaskan kepada konsep Sambutan Bulan Keluarga mulai 1 November tahun lalu. Sambutan ini memberi penekanan kepada galakan untuk melaksanakan aktiviti yang dapat merapatkan hubungan ahli keluarga. Pada tahun ini, LPPKN akan membangunkan Program *Grand Parenting* bagi menerapkan nilai-nilai murni kekeluargaan dalam kalangan ahli keluarga termasuklah anak-anak.

Dalam pada itu, kementerian juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat mengadakan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan pada 1 Oktober setiap tahun. Sambutan ini merupakan tanda penghargaan terhadap warga emas dan pada masa yang sama memberi kesedaran kepada masyarakat peri pentingnya peranan dan pengorbanan warga emas dalam pembangunan negara. Pelbagai program diadakan semasa sambutan tersebut seperti Kempen Sayangi dan Hargai Warga Emas melalui media massa, cetak dan elektronik, ceramah serta program motivasi dan kesedaran secara umum.

#### ■2140

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim supaya diwujudkan program persediaan kepada warga emas untuk menghadapi hari tua, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melaksanakan kursus pra persaraan bagi bakal pesara di sektor awam bagi meningkatkan kefahaman kepada bakal pesara mengenai faedah persaraan yang disediakan di bawah skim pencen.

Selain itu, kursus tersebut juga bertujuan untuk membantu bakal pesara membuat persediaan bagi menghadapi dan menyesuaikan diri dengan cara hidup di alam persaraan baik dari segi mental, fizikal mahupun emosi yang meliputi bidang-bidang seperti kewangan, pengurusan kredit dan kesihatan. Kursus ini diadakan dua tahun sebelum seseorang pegawai itu bakal bersara wajib.

Bagi pekerja di sektor swasta pula, pihak Kementerian Sumber Manusia tidak menganjurkan kursus pra persaraan bagi pekerja di sektor tersebut dan penganjuran kursus berkenaan adalah berdasarkan perancangan pihak majikan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, aspek perancangan kewangan dan simpanan persaraan yang mencukupi bagi pekerja di sektor tersebut tidak dipinggirkan oleh kerajaan. Terkini, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melancarkan kempen menggalakkan ahli memilih pengeluaran fleksibel umur 55 tahun sebagai sebahagian daripada usaha berterusan KWSP untuk meningkatkan kesedaran ahli mengenai perancangan persaraan. Kempen pengiklanan bertemakan melanjutkan tempoh simpanan persaraan anda ini disiarkan di radio, akhbar dan juga laman *Facebook* KWSP mulai 22 Julai hingga 2 Ogos tahun ini.

Pengeluaran fleksibel umur 55 tahun ini membolehkan ahli merancang dan menguruskan simpanan KWSP dengan lebih teratur. Mereka boleh menentukan kekerapan pengeluaran dan jumlah wang yang dikeluarkan mengikut keperluan. Pengeluaran ini menyediakan kemudahan pengeluaran secara sebahagian atau bulanan dengan lebih fleksibel lagi. Ahli juga boleh memohon kombinasi kedua-duanya sekali dan terus meraih dividen atas baki simpanan di KWSP.

Dalam hal ini, pengeluaran fleksibel ini membantu mereka mengatur perbelanjaan bagi membolehkan simpanan persaraan bertahan lebih lama lagi. Di samping itu KPWKM melalui LPPKN menyediakan khidmat sokongan psikologi dan emosi kepada warga emas di anjung Interaktif, Rekreasi Intervensi dan Sokongan Keluarga (IRIS) di bawah LPPKN semenjak bulan Mei tahun 2010.

Antara pengisian yang disediakan ialah sudut pertemuan berteraskan kepada aplikasi atau pendekatan terapi dan kaunseling berkelompok serta penganjuran kelas yang melibatkan *soft skills* seperti kelas asas jahitan, memasak, komputer, lukisan dan sebagainya, apa sahajalah yang digemari oleh warga emas kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan dapatan kajian penduduk dan keluarga Malaysia yang keempat, 9.7 peratus warga emas tinggal berseorangan dan 22.5 peratus mengalami sindrom *emptiness*. Justeru sebagai persediaan, LPPKN pada tahun ini akan membangunkan *modul grand parenting* yang dijangka dilaksanakan pada tahun 2014 tahun depan. Modul ini antara lain memberi fokus kepada persediaan bakal datuk dan nenek dalam menghadapi hari tua. Turut diperkenalkan ialah program terapi *emptiness* khusus untuk warga emas. Ini untuk kita semualah. KWPKM juga menyediakan program khidmat bantu di rumah ataupun *Home Help Services* yang bercorak *reaching out* kepada warga emas.

Dalam hal ini, para sukarelawan akan membantu atau menemani warga emas menjalani kehidupan seharian mereka seperti mengemas dan membersihkan tempat tinggal, menemani warga emas membeli-belah dan membayar bil, membawa mereka ke hospital, mentatariaskan ataupun *grooming* warga emas seperti membersihkan diri, menyikat, mendandan rambut, potong kuku dan sebagainya di samping sebagai sahabat kepada warga emas tersebut. Sekurang-kurangnya teman untuk bercerita pun cukuplah.

Dalam hal ini hingga Jun 2013, terdapat seramai 451 orang sukarelawan yang terlibat dengan perkhidmatan *Home Help* di seluruh negara. Manakala seramai 1,604 orang warga emas telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini. Selain itu Kementerian melalui JKM juga telah menubuhkan Rumah Seri Kenangan untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif.

Sehingga 23 Julai tahun ini terdapat sebanyak sembilan buah Rumah Seri Kenangan di seluruh negara yang memberi penjagaan dan perlindungan kepada seramai 1,652 orang penghuni. Rumah Ehsan pula ditubuhkan untuk memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang sakit dan uzur dalam suasana yang selesa dan tenteram. Hingga 23 Julai tahun ini terdapat sebanyak dua buah Rumah Ehsan JKM dengan berpenghuni seramai 235 orang. JKM juga turut memberikan bantuan kebajikan kepada warga emas yang miskin dan memerlukan. Seramai 152,138 orang warga emas telah menerima bantuan orang tua ataupun *the oldish* sepanjang tahun 2012 membabitkan peruntukan sebanyak RM509.2 juta. Ini merupakan 35.3 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan bantuan kebajikan pada tahun 2012 iaitu keseluruhannya sebanyak RM1.47 bilion.

Berhubung cadangan penubuhan taman didikan warga emas oleh Yang Berhormat Dr. Mashitah binti Ibrahim juga, KPWK melalui JKM telah menubuhkan 22 buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) menerusi kerjasama strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan NGO sejak tahun 2002. Sehingga bulan April tahun ini, PAWE telah memberi manfaat kepada sejumlah 19,904 orang warga emas di seluruh negara. Pusat ini menyediakan kemudahan kepada warga emas khususnya yang tinggal sendiri dan kesunyian menjalani aktiviti sosial dan riadah serta pembelajaran sepanjang hayat bersama rakan sebaya dan juga anggota masyarakat. Terdapat juga PAWE yang menyediakan program pemerikasaan ekonomi kepada warga emas. Selain itu kerajaan juga akan menambahkan lagi 23 PAWE di seluruh negara untuk keperluan warga emas kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed ada mencadangkan penubuhan pusat asuhan kanak-kanak bertaraf kelas pertama di premis kerajaan dan swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini JKM di bawah Kementerian tidak mempunyai standard khusus bagi mengklasifikasikan sebuah pusat asuhan kanak-kanak itu sebagai bertaraf kelas pertama. Namun begitu, semua taman asuhan kanak-kanak taska adalah tertakluk di bawah Akta Taska 1984.

Akta ini menyenaraikan kriteria dan standard minimum yang perlu dipatuhi oleh setiap taska bagi memastikan hak kanak-kanak dilindungi dari segi perkembangan, kebersihan dan juga keselamatan. Pemeriksaan secara berkala turut dilakukan oleh JKM dari semasa ke semasa bagi memastikan semua taska berdaftar mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam usaha untuk meningkatkan lagi kualiti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini ke tahap yang tinggi, kerajaan telah mewujudkan majlis pengasuhan dan pendidikan awal di bawah PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri bertujuan untuk menentukan taraf profesionalisme, standard dan kualiti dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Pada masa yang sama, Kementerian di bawah JTP 2.0 telah memperuntukkan RM1.5 juta untuk pengasuh taska menghadiri kursus asuhan PERMATA supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang pengasuhan dan juga pendidikan awal kanak-kanak.

Berhubung menggalakkan penubuhan taska bagi memberi lebih ruang kepada wanita untuk menceburi pasaran pekerjaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Lim Nget Yoon, berdasarkan statistik JKM hingga bulan Jun 2013, terdapat 86 buah taska di tempat kerja sektor awam yang beroperasi di seluruh negara dan memberikan manfaat kepada 2,077 orang kanak-kanak berumur di bawah empat tahun. Manakala bagi sektor swasta terdapat 27 buah taska tempat kerja berdaftar dengan JKM yang memberi manfaat kepada 852 orang kanak-kanak.

Bagi membuka taska secara terancang di tempat kerja, sektor awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.6, Tahun 1989 iaitu kebajikan untuk anggota-anggota perkhidmatan awam yang menghendaki Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak bagi mengatasi kesulitan mendapatkan pembantu rumah atau pengasuh.

Selain itu, menerusi Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13, Tahun 2008, kerajaan telah meluluskan pemberian subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan.

#### ■2150

Kerajaan juga turut menyediakan geran pelancaran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam sebanyak RM200,000 untuk kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Bagi sektor swasta pula, kerajaan mengeluarkan perintah potongan cukai dua kali atau *double tax deduction* ke atas pendapatan berkanun majikan sektor swasta yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan menyelenggarakan kemudahan taska mereka.

Kerajaan turut membenarkan elaun bangunan industri kepada majikan sektor swasta sebanyak 10 peratus setahun selama sepuluh tahun ke atas perbelanjaan bangunan yang dibeli atau dibina untuk tujuan penyediaan taska. Kementerian bersetuju dengan pandangan dan saranan Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed mengenai kepentingan penyediaan tempat penyusuan kepada bayi dan kepada ibu yang menyusukan. Dalam hal ini, satu draf garis panduan penyediaan ruang penyusuan ibu sedang dalam tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui LPPKN meneliti dan membuat penambahbaikan terhadap modul-modul kekeluargaan LPPKN agar bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa. Ini ialah menyentuh mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim juga mengenai keselamatan anak-anak. Bagi memberi kemahiran kepada ibu bapa dalam aspek keselamatan anak-anak, Modul Keibubapaan Anak Kecil ataupun Belaian Kasih telah ditambah baik dengan memasukkan topik mengenai langkah-langkah penjagaan yang perlu diambil oleh ibu bapa ke atas anak-anak dalam situasi seperti kebakaran, kecurian serta meninggalkan anak dalam rumah dan kereta.

Pada masa yang sama, LPPKN telah mengadakan perbincangan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 18 Januari tahun ini untuk menambah baik dan membangunkan modul pasca perkahwinan. Ini adalah bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kesedaran kepada pasangan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka yang perlu dipikul sebagai ibu dan bapa terutama dalam konteks keselamatan anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sampai ke penutup. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberikan sokongan ke atas usaha-usaha murni yang dilaksanakan dan juga memberikan idea-idea yang inovatif untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya. Silakan.

#### 9.53 m.m.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang melibatkan bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Terdapat seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu dan perkara di bawah kementerian ini. Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya sememangnya amat mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya, Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul dan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung telah membangkitkan mengenai kepentingan kerajaan untuk menaik taraf Jalan Raya Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak, yang mana projek ini akan menjadi pemangkin pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri berkenaan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu projek menaik taraf Jalan Raya Pan Borneo ini telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan ini. Kerja-kerja pembinaan dan menaik taraf Jalan Raya Pan Borneo telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat semenjak tahun 1986 iaitu Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, Jalan Raya Pan Borneo ini bermula dari Sematan di bahagian barat negeri Sarawak melalui Bandar Kuching, Serian, Sri Aman, Sarikei, Sibul, Bintulu, Miri, Limbang, Lawas dan seterusnya bersambung ke negeri Sabah, merentasi negara Brunei Darussalam di mana ia bersambung melalui Sipitang, Beaufort, Papar, Kota Kinabalu, Sandakan dan setakat ini berakhir di Tawau.

Ini tidak termasuk *missing link* sepanjang 50km dari Kalabakan ke Serudong di sempadan Sabah-Kalimantan Indonesia. Di samping itu, Jalan Raya Pan Borneo ini juga merupakan laluan utama yang menghubungkan negeri Sarawak dengan Kalimantan Barat, Indonesia melalui jalan negeri di kawasan Serikin, Tebedu, Biawak dan Lubok Antu. Bagi tujuan meningkatkan perhubungan darat dengan negara Brunei Darussalam, kerajaan juga telah menggantikan perkhidmatan feri di Sungai Terusan di sempadan Brunei Darussalam-Lawas dengan jambatan baru yang telah siap dibina pada bulan September 2010.

Di samping itu, pada masa kini sebuah lagi jambatan iaitu di Sungai Pandaruan yang terletak di sempadan Brunei Darussalam-Limbang sedang giat dibina dan dijangka siap pada akhir tahun ini. Dengan siapnya jambatan itu kelak, pengguna tidak lagi perlu menggunakan perkhidmatan feri di sepanjang jajaran Jalan Raya Pan Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya Jalan Raya Pan Borneo ini menghubungkan Malaysia dengan dua negara di kepulauan Borneo iaitu Indonesia dan Brunei Darussalam. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan aktiviti pembangunan sosioekonomi antara negara yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan untuk membina dan menaik taraf jalan di seluruh negara di buat berdasarkan kepada laporan Pelan Induk Kajian Pembangunan Rangkaian Lebuhraya atau *Highway Network Development Plan* (HNDP), dengan izin. Laporan HNDP untuk negeri Sabah, Sarawak dan Labuan atau lebih dikenali sebagai HNDP fasa dua telah diterbitkan pada tahun 2010.

Laporan tersebut antara lain telah mencadangkan supaya Jalan Raya Pan Borneo dinaikkan taraf kepada laluan *dual carriageway* secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2011 sehingga 2025. Pembinaan secara berperingkat ini dibuat setelah mengambil kira kos keseluruhan projek yang tinggi iaitu dianggarkan sebanyak RM22 bilion. Sebanyak RM12.5 bilion di Sarawak dan RM9.5 bilion di Sabah. Hari ini keseluruhan Jalan Raya Pan Borneo sepanjang 2,239 km telah sedia berturap. Daripada jumlah ini, setakat ini kerajaan telah pun menaik taraf laluan sepanjang 248 km kepada laluan empat lorong atau enam lorong dua hala. Manakala bakinya masih di tahap dua lorong, dua hala atau pun *single carriageway*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana umum telah sedia maklum, kerajaan amat komited untuk membina dan menaik taraf Jalan Raya Pan Borneo ini. Antara usaha yang telah dilakukan oleh kementerian ini ialah menerusi cadangan permohonan peruntukan bagi sebahagian Jalan Raya Pan Borneo dalam *rolling plan* keempat iaitu daripada 2014 hingga 2015, Rancangan Malaysia yang Kesepuluh.

Antara segmen ataupun jajaran Pan Borneo di Sarawak yang akan mula dinaiktarafkan ialah dari Sibul, Bintulu dan Miri sepanjang 400km dan Serian, Sri Aman, Betong sepanjang 315 km. Manakala di Sabah pula antaranya ialah melibatkan laluan dari Lahad Datu ke Tawau sepanjang 150 km.

Di samping itu, kementerian ini juga sedang melaksanakan beberapa projek di bawah program menaiktarafkan Jalan Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak. Sebagai contoh bagi negeri Sabah, terdapat beberapa projek Jalan Raya Pan Borneo yang sedang dilaksanakan pada masa ini iaitu seperti berikut:

■2200

- (i) projek menaik taraf Jalan Petagas-Putatan-Lok Kawi fasa 1A dan 1B sepanjang 6 km kepada enam lorong dengan reka bentuk piawaian JKR R5 yang telah bermula pada April 2013;
- (ii) projek menaik taraf Jalan Donggongon-Papar Fasa 1 sepanjang 13.7 kilometer kepada empat lorong dengan reka bentuk piawaian JKR R5 yang telah bermula pada April 2013;
- (iii) projek menaik taraf Jalan Tawau-Semporna Fasa 1 sepanjang 15 kilometer kepada empat lorong dengan reka bentuk piawaian JKR R5 yang kini dalam proses penyediaan dokumen tender; dan
- (iv) projek naik taraf Jalan Segama Fasa 1 kepada empat lorong dengan reka bentuk piawaian JKR R5 yang kini dalam proses makmal pengurusan nilai.

Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi negeri Sarawak pula, terdapat beberapa projek Jalan Raya Pan Borneo yang telah dan sedang berjalan iaitu:

- (i) menaik taraf Jalan Persekutuan Selangau ke Bintulu yang telah siap pada awal tahun ini;
- (ii) projek naik taraf Jalan Miri-Pandaruan Fasa 1A dan 1B Tedungan ke Pandaruan yang kini dalam peringkat reka bentuk; dan
- (iii) projek menaik taraf Jalan Mengkalap ke Sindumin Fasa 1 dan Fasa 2 yang kini dalam peringkat reka bentuk.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu dalam masa yang sama kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM457 juta supaya jalan raya Pan Borneo dinaik taraf bagi tempoh tiga tahun iaitu pada tahun 2012 sehingga tahun 2015. Untuk itu sebanyak hampir RM100 juta telah dibelanjakan pada tahun lalu iaitu tahun 2012 di mana ia melibatkan 109 bilangan projek yang telah dikenal pasti iaitu 86 projek di negeri Sabah dan 23 projek lagi di negeri Sarawak.

Skop projek ini merangkumi kerja-kerja pemulihan dan naik taraf jalan, pembinaan lorong-lorong memotong, program keselamatan jalan raya dan rawatan kawasan kerap berlaku kemalangan atau *blackspot*, pembaikan cerun dan juga pembaikan jalan-jalan yang sering ditenggelami banjir.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim bin Yahya dan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung juga telah membangkitkan mengenai isu kualiti penyelenggaraan jalan raya di Sabah dan Sarawak yang didakwa kurang memuaskan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, program penyelenggaraan jalan persekutuan di negara ini termasuk di negeri Sabah dan Sarawak telah diswastakan kepada syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan mengikut zon atau pun kawasan tertentu. Kerajaan telah melantik tiga syarikat konsesi untuk menyelenggarakan jalan persekutuan di negeri Sarawak manakala dua lagi di negeri Sabah iaitu untuk tempoh kontrak selama 15 tahun bermula pada tahun 2003 hingga tahun 2018.

Berdasarkan kontrak penswastaaan tersebut, syarikat-syarikat konsesi yang dilantik itu perlu mematuhi piawaian prestasi kerja sebagai mana yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Kementerian Kerja Raya sememangnya mengambil maklum mengenai aduan terhadap aspek kualiti penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi yang terlibat. Antara aduan yang sering diterima oleh kementerian ini ialah mengenai aspek kualiti penyelenggaraan jalan yang kurang memuaskan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keadaan jalan raya yang tidak memuaskan walaupun sentiasa diselenggarakan adalah disebabkan oleh faktor kenderaan berat yang membawa muatan secara berlebihan dan tidak menggunakan beban gandar yang berkesesuaian. Beban gandar ini berperanan mengagihkan bebanan muatan secara sekata ke atas struktur turapan jalan. Aspek penguatkuasaan terhadap kenderaan melebihi had muatan adalah terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa memohon peruntukan bagi membaik pulih struktur jalan yang telah melangkaui tahap penyelenggaraan atau pun *beyond maintenance limit*, dengan izin, di kawasan terlibat. Sebagai contoh, pada tahun 2012, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM90 juta untuk melaksanakan kerja-kerja turapan di Jalan Raya Pan Borneo. Di samping itu Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi aspek kualiti penyelenggaraan jalan di negara ini. Antara langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti penyelenggaraan jalan persekutuan ialah mengaplikasikan penggunaan teknologi baru dalam penyelenggaraan jalan iaitu *Hot-In-Place Recycling* (HIPR), dengan izin, dan *Cold-In-Place Recycling* (CIPR). Kaedah ini dapat mengurangkan kos sebanyak 30 peratus daripada kaedah *conventional*, dengan izin.

Kementerian ini juga turut meningkatkan aspek pemantauan kualiti kerja penyelenggaraan oleh syarikat konsesi melalui mesyuarat bulanan dan pemeriksaan audit secara berkala. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan kerja, amaran dalam bentuk laporan ketidakpatuhan atau pun *non-conformance report* (NCR) dengan izin, dan kadar pemotongan harga akan dikenakan sewajarnya kepada syarikat konsesi yang berkenaan. Di samping itu kontrak penyelenggaraan syarikat-syarikat konsesi penyelenggaraan jalan persekutuan akan dinilai semula setiap lima tahun sekali sehingga kontrak penyelenggaraan mereka tamat iaitu di antara tahun 2001 sehingga tahun 2016 bagi konsesi Semenanjung Malaysia. Manakala konsesi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan iaitu di antara tahun 2003 sehingga tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian bin Abdullah telah membangkitkan mengenai isu kawasan rehat dan rawat (R&R) di lebuhraya yang dikatakan tidak memadai kepada kenderaan-kenderaan berat. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan R&R yang disediakan di lebuhraya adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna jalan raya dan membantu mengurangkan kemalangan. Antara kemudahan yang disediakan ialah surau, tandas, ruang makan, hotel, kemudahan ATM, stesen minyak, kawasan meletak kenderaan dan sebagainya. Pada masa kini terdapat 50 buah kawasan R&R dan 60 buah hentian sebelah disediakan di 29 lebuhraya yang sedang beroperasi untuk kemudahan pengguna lebuhraya.

Tuan Yang di-Pertua, reka bentuk dan konsep sesebuah kawasan R&R dan hentian sebelah perlu mematuhi *Guidelines for Malaysian Toll Expressway system - design standards*, dengan izin, yang diterbitkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Kesesuaian lokasi bagi kawasan rehat dan rawat ialah pada sela jarak 40 kilometer hingga 50 kilometer dan hentian sebelah pula ialah pada sela jarak 25 kilometer. Ia turut mengambil kira aspek dan keperluan pemandu untuk berhenti berehat dan menggunakan kemudahan kawasan rehat dan rawat pada setiap dua jam tempoh perjalanan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sikap pemandu kenderaan berat yang tertumpu di setengah lokasi sahaja telah dikenal pasti menjadi punca kesesakan di kawasan R&R dan hentian sebelah tertentu. Antara lokasi yang sering menjadi tumpuan itu ialah Hentian Sebelah Sungai Buloh arah ke Selatan dan Hentian Sebelah Tanjung Malim arah Utara. Oleh itu LLM dan juga syarikat-syarikat konsesi yang terlibat sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap perkhidmatan di lokasi-lokasi berkenaan serta menambah kemudahan tempat letak kereta atau pun lori serta menaik taraf kawasan R&R dan hentian sebelah. Ia akan dilaksanakan secara berperingkat dengan mengambil kira pertambahan pengguna lebuhraya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad telah membangkitkan mengenai aspek penyelenggaraan di lebuhraya khususnya melibatkan cebisan tayar-tayar kenderaan berat yang membahayakan pengguna. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya sememangnya sedar terhadap isu cebisan tayar-tayar kenderaan berat yang boleh membahayakan pengguna lebuhraya. Isu penguatkuasaan terhadap kualiti penggunaan tayar-tayar kenderaan berat ini sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sememangnya sentiasa diarahkan meningkatkan tahap kekerapan rondaan untuk mengalihkan objek-objek tertentu di atas lebuhraya seperti bongkah kayu atau pun serpihan tayar yang membahayakan pengguna lebuhraya.

#### ■2210

Sebagai contoh, di Lebuhraya Utara-Selatan ataupun PLUS sahaja terdapat sebanyak 81 kamera telah diletakkan di laluan utama lebuhraya tersebut bagi membantu syarikat konsesi memantau operasi serta aliran trafik setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Maznah binti Mazlan telah membangkitkan isu supaya kerajaan menimbangkan projek menaik taraf Jalan Gambang ke Segamat sepanjang 140 kilometer kepada laluan empat lorong dua hala ataupun *four lane dual carriageway*, dengan izin. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, projek menaik taraf Jalan Persekutuan 12, daripada Gambang, Pahang ke Segamat, Johor telah pun diluluskan di bawah *Rolling Plan* Ketiga 2013 ke 2014 Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi kerja-kerja awalan ataupun reka bentuk.

Oleh kerana cadangan projek ini melibatkan kos yang tinggi, Kementerian Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan makmal pengurusan nilai pada bulan April 2013 yang lalu bagi membuat penilaian dan mengenal pasti kaedah yang terbaik untuk menentukan skop kerja, masa dan kos yang terlibat. Susulan itu, kementerian ini mencadangkan pelaksanaan projek tersebut dibuat secara berfasa iaitu bermula dengan Fasa 1 – menaik taraf Jalan Persekutuan 12 dari Gambang, Pahang ke Segamat, Johor. Skop yang terlibat ialah menaik taraf jalan sedia ada dua lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR (R3) kepada piawaian JKR (R5) sepanjang 47 kilometer dan skop tambahan 1 kilometer lorong memotong, lorong mendaki bagi setiap 5 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin telah membangkitkan mengenai isu pembahagian zon bagi Kompleks Bangunan Gunasama Persekutuan dan cadangan pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan di Daerah Marang, Terengganu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat awal kerajaan meluluskan projek penswastaaan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan Bangunan Guna Sama Persekutuan melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan sekarang ini Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

Bangunan-bangunan Guna Sama Persekutuan telah dibahagikan kepada lima zon iaitu Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Walau bagaimanapun, penswastaaan perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan Bangunan Guna Sama Persekutuan untuk kelima-lima zon ini telah diluluskan kepada tiga syarikat konsesi iaitu:

- (i) Zon Timur – Building Lindungan Sdn. Bhd. bermula pada 1 April 2001 hingga 31 Mac 2016;
- (ii) Zon Utara dan juga Zon Sabah – Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. bermula pada 16 Mac 2001 hingga 15 Mac 2016; dan
- (iii) Zon Selatan dan Zon Sarawak – Ambang Wira Sdn. Bhd. bermula 1 Jun 1998 hingga 30 November 2013.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada seorang bangun, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak tanya bilakah bangunan guna sama di Marang akan dibina sebab sudah lama sudah sudah sepuluh tahun sudah. Tadi disebutkan tadi diberi kepada Building Lindungan SB tetapi saya hendak tahu bila sebab saya sudah dengar sudah lama sudah tetapi mula tidak lagi. Jadi, tolong jelaskan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Saya ada penjelasan bagi pihak Kementerian Kerja Raya dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk juga menghabiskan jawapan ini supaya Yang Berhormat lebih jelas.



**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, manakala bagi Zon Tengah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur dan Selangor. Peringkat awalnya pengurusan penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan diuruskan sendiri kerajaan secara jabatan. Pada 1 September 2012, kerajaan telah meluluskan pengurusan dan penyelenggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan tersebut dilaksanakan secara kontrak perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan biasa kepada Syarikat Chulia Facilities Management Sdn. Bhd. untuk tempoh lima tahun dengan opsyen lanjutan selama lima tahun lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman tadi, di negeri Terengganu Yang Berhormat Senator, terdapat tiga buah Bangunan Gunasama Persekutuan iaitu Bangunan Persekutuan Kemaman, Bangunan Persekutuan Besut dan juga Wisma Persekutuan Kuala Terengganu. Perancangan mengenai Bangunan Persekutuan Marang seperti yang ditanya tadi adalah di bawah bidang kuasa yang seperti saya nyatakan lebih awal iaitu Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, perancangan untuk mewujudkan Bangunan Guna Sama Persekutuan di sesuatu daerah sebenarnya seperti yang saya nyatakan, terletak di bidang kuasa Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Untuk pengetahuan atau maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian, kementerian ini dimaklumkan bahawa antara kriteria Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan Bangunan Gunasama Persekutuan di sesuatu daerah adalah bilangan agensi ataupun Jabatan Kerajaan Persekutuan yang menyewa ruang pejabat dan juga kadar sewaan. Itu menjadi antara kriteria untuk pembinaan sesebuah Bangunan Gunasama di sesebuah daerah, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim telah membangkitkan mengenai mekanisme bagi membantu kontraktor yang menghadapi tekanan berikutan dengan kenaikan harga binaan di pasaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kerajaan sememangnya sedar serta mengambil maklum mengenai isu kenaikan harga bahan-bahan binaan dan harga bahan api serta kesannya terhadap industri pembinaan negara.

Peruntukan mengenai perubahan harga ataupun *variation of price* (VOP), dengan izin, bagi bahan binaan telah pun dimasukkan dalam syarat-syarat kontrak kerja semenjak tahun 70-an lagi. Peruntukan ini dari semasa ke semasa akan dikaji semula dan ditambah baik untuk mengambil kira keadaan harga pasaran semasa. Berikutan kenaikan harga bahan binaan dan harga bahan api yang ketara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kewangan dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya telah mengkaji semula peruntukan syarat perubahan harga sedia ada untuk membantu semua kontraktor yang menghadapi masalah akibat kenaikan harga bahan binaan yang mendadak supaya pelaksanaan projek kerajaan tidak terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual.

Sehubungan dengan itu kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3/2008, kerajaan sebenarnya telah membuat penambahbaikan ke atas syarat perubahan harga dalam kontrak kerja binaan bangunan dan kejuruteraan awam. Kerja-kerja mekanikal dan *electrical* juga termasuk kontrak reka dan bina. Peruntukan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban yang ditanggung oleh kontraktor di mana harga kontrak akan diselaraskan semula jika berlaku perubahan harga bahan-bahan binaan tertentu selepas kontrak di *award* berbanding semasa harga tender ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan serta membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kerja Raya. Kementerian ini akan mengambil perhatian serta tindakan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu dan mana-mana pertanyaan yang tidak dapat dijawab pada kali ini akan diambil catatan serta tindakan susulan.

Seperti sahabat-sahabat yang lain saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian terutama sekali kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan sekian *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Tanpa membuang masa saya persilakan sekarang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Dipersilakan Yang Berhormat.

10.20 mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2013 yang lalu. Sepanjang perbahasan terdapat tujuh isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan kementerian ini iaitu mengenai Kedai Rakyat 1Malaysia, Program Tukar, galakan penubuhan koperasi di kalangan penjawat awam dan swasta, ekspo beli belah peniaga asing, pembukaan pasar mini oleh pasar raya Giant, isu bekalan minyak diesel dan isu harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, isu Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Izinkan saya jawab bersekali isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Datuk Pau Chiong Ung berkaitan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pelaksanaan projek Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) adalah berlandaskan prinsip 1Malaysia. Di mana semua lapisan rakyat mendapat manfaat terutama dari segi akses kepada barangan keperluan asas pada harga rendah dan yang kualiti terjamin. Ini secara langsung dapat meringankan beban kos sara hidup rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selaras dengan manifesto Barisan Nasional dan janji ditepati, kerajaan telah memutuskan supaya lebih banyak lagi kedai KR1M ditubuhkan di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sehingga kini sebanyak 93 buah KR1M telah beroperasi di seluruh negara yang meliputi sebanyak 10 buah KR1M di Johor, tujuh di Kedah, tiga di Kelantan, enam di Kuala Lumpur, enam di Melaka, lapan di Negeri Sembilan, sebelas di Pahang, sepuluh di Perak, satu di Perlis, tiga di Pulau Pinang, dua di Putrajaya, empat di Sabah, enam di Sarawak, 13 di Selangor dan tiga di negeri Terengganu. Pada tahun 2013 kerajaan juga telah memberi tumpuan kepada pelaksanaan KR1M di Sabah, Sarawak dan Labuan dengan sasaran sebanyak 57 buah KR1M. Sehingga kini sebanyak enam KR1M telah beroperasi di negeri Sarawak iaitu di Parlimen Mambong, Petrajaya, Kota Pendawan, Stampin, Kota Samarahan dan Sri Aman. Bagi negeri Sabah, sebanyak empat buah kedai KR1M telah beroperasi iaitu di Parlimen Sepanggar, Tuaran, Kota Belud dan Tawau.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, kerajaan telah menetapkan sasaran perluasan kedai KR1M sekurang-kurangnya satu kedai KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Ini adalah merupakan bukti yang amat jelas bahawa kerajaan sentiasa mencari jalan supaya rakyat di segenap lapisan berupaya memperoleh kehidupan yang lebih baik. Ini salah satu bukti Kerajaan Barisan Nasional mengotakan apa yang dijanjikan.

Tuan Yang di-Pertua, isu Program Transformasi Kedai Rakyat Runcit (TUKAR). Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman ada mencadangkan supaya kerajaan menambahkan bilangan kedai runcit di bawah Program Transformasi Kedai Rakyat Runcit (TUKAR). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Program Transformasi Kedai Rakyat Runcit (TUKAR) adalah salah satu daripada projek di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara atau dengan izin, *National Key Economic Area* (NKEA) sektor pemborongan dan peruncitan.

Program ini dilaksanakan bertujuan membangun dan mentransformasikan kedai-kedai runcit tradisional, kedai sedia ada kepada bentuk perniagaan runcit yang lebih selesa dan moden. Suka saya maklumkan di sini bahawa adalah menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan kedai runcit yang terlibat dalam Program TUKAR dari semasa ke semasa. Untuk itu kerajaan telah menetapkan sasaran sebanyak 5,000 buah kedai runcit akan dimodenkan melalui Program TUKAR pada tahun 2020. Pencapaian sehingga kini adalah memberangsangkan di mana sehingga 24 Julai 2013 sebanyak 1,373 buah kedai runcit telah pun dimodenkan. Usaha ini akan diteruskan sehingga mencapai sasaran yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, galakan penubuhan koperasi. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman berkaitan dengan galakan penubuhan koperasi dalam kalangan penjawat awam dan kakitangan swasta serta bentuk-bentuk inisiatif yang disediakan kepada koperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya menggalakkan semua golongan dalam masyarakat termasuk penjawat awam dan swasta untuk menceburi gerakan koperasi. Pelbagai inisiatif dilaksanakan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu agensi di bawah kementerian ini dalam usaha menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti berkoperasi. Termasuk memberi khidmat nasihat mengenai tatacara penubuhan dan perundangan koperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara inisiatif-inisiatif yang disediakan bagi menyokong perkembangan koperasi ialah seperti berikut:

- (i) bantuan asas sehingga maksimum RM50,000;
- (ii) bantuan pengukuhan termasuk bantuan pemasaran dan R&D sehingga maksimum RM300,000; dan
- (iii) bantuan pemodenan Kedai Koperasi sehingga maksimum RM50,000 untuk koperasi di Semenanjung Malaysia dan maksimum RM60,000 bagi koperasi di Sabah dan Sarawak.
- (iv) kemudahan pinjaman tabung modal pusingan sehingga RM10 juta dengan kadar perkhidmatan sehingga 6 peratus tertakluk kepada amaun pinjaman yang diluluskan dengan tempoh bayaran balik selama 20 tahun; dan
- (v) pinjaman tambahan modal kepada koperasi kredit bagi pembiayaan pinjaman peribadi.

Sementara itu penglibatan koperasi dalam kalangan penjawat awam adalah melalui penubuhan koperasi kakitangan di jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Sementara syarikat swasta juga menubuhkan koperasi kakitangan masing-masing.

Suka saya maklumkan di sini bahawa Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah juga menubuhkan Koperasi Penjawat Awam 1Malaysia Berhad. Di mana keanggotaannya terbuka kepada semua penjawat awam di negara ini. Namun begitu prinsip berkoperasi adalah inisiatif sukarela anggota dan peranan kerajaan adalah menyediakan ekosistem yang kondusif untuk aktiviti berkoperasi. Dalam masa yang sama pelbagai galakan dan kemudahan disediakan termasuk kemudahan latihan dan pembangunan upaya melalui Maktab Koperasi Malaysia untuk mempertingkatkan keupayaan dan kompetensi koperasi yang sedia ada.

Turut dibangkitkan ialah mengenai caj-caj tambahan yang dikenakan oleh Koperasi Kowaja kepada peminjam. Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan anggota koperasi yang meminjam tidak ditindas dan tidak dibebani dengan caj-caj yang tinggi. Sehubungan itu tindakan telah diambil di bawah seksyen 64, Akta Koperasi 1993, pemeriksaan khas dan seksyen 67, Akta Koperasi 1993 perintah secara bertulis untuk membuat pemantauan rapi. Di atas Kowaja yang mengenakan caj yang tidak mematuhi garis panduan yang telah dikuatkuasakan oleh suruhanjaya. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi memantau dan mengawal koperasi yang memberi kemudahan kredit ialah dengan menguatkuasakan garis-garis panduan seperti berikut:

- (i) GP6 - garis panduan mengenai kemudahan kredit oleh koperasi;
- (ii) GP7 - garis panduan mengenai pembiayaan Islam oleh koperasi; dan
- (iii) GP7A - garis panduan pengendalian pemberian pembiayaan secara berhemat.

Semua garis panduan ini juga bertujuan memberi panduan kepada koperasi bagi mengendalikan pembiayaan secara lebih telus dan berhemat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan karnival membeli-belah peniaga asing. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam berkaitan dengan ekspo beli-belah peniaga asing dari India yang diadakan di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekspo yang dibangkitkan adalah merupakan satu program yang dianjurkan oleh syarikat swasta tempatan berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Kementerian ini. Kelulusan permit ekspo perdagangan tersebut adalah di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) di kawasan pentadbiran masing-masing. Ia berdasarkan Garis Panduan Ekspo Perdagangan dan juga Pesta Jualan 2001. Walau bagaimanapun, KPDNKK telah mengambil inisiatif susulan dan telah mengadakan perbincangan dengan jabatan kerajaan tempatan dan beberapa pihak berkuasa tempatan pada 16 Julai 2013.

Kementerian telah mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan membuat penambahbaikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat oleh kerana usul yang kita bentangkan tadi majlis ditamatkan pada 10.30 malam. Jam telah menunjukkan tepat 10.30, maka saya cadangkan Yang Berhormat sambung semula esok. Kepada permintaan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat saya bersedia memberi pertimbangan sama ada Yang Berhormat datang belah pagikah belah petangkah? Esok kita ada satu hari Yang Berhormat boleh pergi - tetapi kita boleh cuba sesuaikan mengikut apa esok. Ini kerana kita sudah terikat pada usul tadi maka eloklah kita teruskan dan Kementerian ini pun tidak habis lagi ini. Dengan itu Yang Berhormat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi kita tangguhkan dan sambung semula esok.

Ahli-Ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok Selasa 30 Julai 2013. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.31 malam.]***